



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 34**

**Selasa**

**8 Oktober 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 13)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 44)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019	(Halaman 45)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Selasa, 8 Oktober 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sejak kenyataan YAB Perdana Menteri pada 3 Oktober 2019 bahawa kerajaan bersedia untuk melaksanakan semula sistem percukaian GST sekiranya ia dikehendaki oleh rakyat, terdapat luahan sentimen yang berbeza di kalangan masyarakat. Memandangkan terdapat yang menyokong sepenuhnya cadangan tersebut dan juga segolongan besar yang menolaknya, apakah hala tuju lanjut kerajaan berkenaan isu ini.

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ketika Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran Putrajaya selepas memenangi Pilihan Raya ke-14 pada Mei 2018 tahun lalu, kerajaan yakin dengan keupayaan untuk membina semula negara ke arah Malaysia baharu berteraskan prinsip keadilan, tadbir urus yang baik, berintegriti dan kedaulatan undang-undang.

Kerajaan terdahulu telah memperkenalkan *good and services tax* (GST). Namun, pelaksanaan GST didapati telah membebankan orang ramai serta pembayar cukai terutamanya akibat dari kelewatan dalam mendapatkan bayaran balik kredit cukai input yang menjadi kos kepada perniagaan. Pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) adalah bagi menggantikan GST.

Berhubung dengan cadangan pelaksanaan semula GST, didapati hanya memerlukan kajian yang lebih lanjut. Penelitian perlu dibuat terutamanya ke atas impak kesan kenaikan harga kepada pengguna, kadar inflasi dan pertambahan kos pematuhan kepada peniaga kerana terdapat keperluan untuk mengubah sistem pengkomputeran dan latihan semula kepada kakitangan di samping bayaran balik cukai.

Perubahan sistem percukaian tidak wajar dibuat terlalu kerap kerana ia akan mengurangkan keyakinan pelabur dan memberi imej yang kurang baik. Kerajaan pada

masa ini sedang menjalankan proses penambahbaikan bagi memantapkan lagi pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST).

Sekian, terima kasih.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Tun. Kalau dengan jawapan itu, kita tidak perlukanlah sahabat kita dari sebelah yang menawarkan dirinya menjadi konsultan percuma untuk GST. *[Ketawa] [Tepuk]*

Kita mengharapkan konsistensi dengan agenda-agenda pembaikan negara yang sedang dilaksanakan dan bakal dilaksanakan seperti agenda kemakmuran bersama. Sabah amat mengharapkan keberkesanan agenda-agenda baik negara sampai ke Sabah.

Soalan saya, rakyat di bawah memerlukan jaminan dari kerajaan untuk meneruskan urus tadbir negara dengan baik dan berkesan. Kita telah nampak sedikit sebanyak kesannya. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sebuah kerajaan perlu mengenakan cukai untuk mengumpul dana yang diperlukan untuk pentadbiran negara. Banyak jenis cukai yang diperkenalkan. Cukai GST ini diperkenalkan dahulu dan kita dengar banyak rintihan daripada rakyat kerana kerap kali mereka membayar cukai dua kali dan kadang-kadang menunggu *reimbursement* tidak sampai-sampai.

Oleh sebab itulah, kita berpendapat bahawa kita perlu kembalikan balik SST, cukai jualan dan ini sedang berjalan dengan baik dan kita perlu memperbaiki lagi pelaksanaan cukai yang baharu ini. Sebab itu kita tidak ada sebabnya yang kita akan kembali kepada cukai yang ditolak oleh rakyat dahulu. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Langkawi ada menyebut tentang inflasi.

#### ■1010

Saya ingin memaklumkan bahawa data Bank Negara menyebut inflasi pada tahun 2014 sebelum GST dilaksanakan, 3.2 *percent*. Akan tetapi apabila GST dilaksanakan, kadar inflasi turun kepada 2.1 peratus pada tahun 2015 dan kekal rendah pada 2.1 peratus pada tahun 2016. Kemudian 223 barang turun harga kerana GST, dijawab oleh KPDNKK dalam Dewan ini. Dalam Dewan kita tidak boleh bohong dalam jawapan. Jadi, apa yang saya sebut, GST boleh menurunkan harga barang itu adalah benar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, GST ini dilaksanakan oleh 170 negara daripada 194 negara dalam dunia iaitu 88 peratus daripada negara dalam dunia. Yang Amat Berhormat suka pergi ke Jepun. Saya juga suka negara Jepun. Jepun ada GST Yang Amat Berhormat dan *the black economy* di Malaysia RM30 bilion kerana kita laksanakan

GST, *the black economy*, ekonomi hitam itu turun daripada RM20 bilion kepada RM10 bilion.

Jadi, itulah kenapa kita perlu laksanakan GST. Lambat bayar ITC itu, *Input Tax Credit* itu boleh diperbaiki. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu pandangan saya, Yang Amat Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada soalan. Saya bagi Yang Berhormat Kuala Krau untuk kemukakan soalan. Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dapat juga, kerana Yang Berhormat Pontian, dia bagi cadangan sahaja. GST telah ditukar kepada SST pada 1 September 2018 dan kerajaan menasaskan pada tahun 2019, RM22 bilion. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengakui bahawa terdapat *shortfall* apabila GST dimansuhkan dan dilaksanakan SST, sejumlah RM20 bilion. Jadi, bagaimanakah kerajaan untuk menampung *shortfall* RM20 bilion ini? Adakah dasar-dasar ekonomi dan juga dasar-dasar penjimatan kerajaan sekarang dapat mengembalikan *shortfall* RM20 bilion tersebut? Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Kerajaan yang terdahulu mendapat nikmat daripada nasihat konsultan yang tidak bertauliah. [*Ketawa*] Oleh sebab itu, mereka memperkenalkan GST. Memang kita dapati *shortfall* dalam kutipan cukai di bawah SST tetapi *shortfall* ini bukan kerana SST itu silap tetapi memang pun apabila sesuatu cukai diperkenalkan pada mulanya, kutipan cukai itu selalu mengalami *shortfall* kerana *adjustment* yang perlu dibuat oleh pegawai dan juga mereka yang membayar cukai itu. Akan tetapi saya yakin dalam tahun-tahun yang akan datang ini, SST akan melebihi kutipan daripada GST. Terima kasih kerana *offer* hendak jadi konsultan. Maka, rosaklah kerajaan kalau konsultan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Amat Berhormat, kalau kembalikan GST bahawa ada nasihat yang tidak betul di kalangan pihak kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya rakyat akan hendakkan balik kepada GST kerana keadaan ekonomi yang merudum sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar bangun dahulu.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kangar sokong GST ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya GST diperkenalkan sebenarnya bukan untuk menurunkan harga barang. Objektif percukaian ialah untuk memenuhi keperluan belanjawan negara. Bank Negara Malaysia sendiri menyatakan pada tahun-tahun awal kenaikan memang berpunca daripada GST dan kemudian kenaikan sudah diserap dan berpunca daripada kenaikan harga minyak. Itu Yang Berhormat Pontian kena baca Laporan Bank Negara. Cuma soalan saya ialah GST ini, tujuan diperkenalkan antara lain ialah untuk menghalang pelarian cukai. Jadi, kalau boleh minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelaskan bagaimanakah SST dapat menampung objektif tersebut?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Sebenarnya tidak berlaku halangan terhadap pelarian cukai. Apa yang berlaku ialah kerap kali di bawah GST ini cukai dikenakan dua kali kepada sesuatu transaksi yang dilakukan. Ini yang menyebabkan rakyat dan peniaga terutamanya, berasa tidak senang dengan cukai GST. Sebaliknya, cukai SST ini sudah lama diperkenalkan dan tidak ada masalah yang dihadapi. Oleh sebab itulah, kita menolak GST dan memperkenalkan balik SST. Saya yakin, apabila ia diurus dengan baik, kita akan dapat pulangan cukai yang lebih tinggi daripada GST.

**2. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap kempen #BoycottMalaysia yang dilancarkan oleh rakyat India di laman sosial Twitter, sebagai respons kepada ucapan YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 27 September yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan beliau di sesi ke-74, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ucapan beliau menyentuh pelbagai isu kemanusiaan. Bolehlah saya laporkan kepada Dewan yang mulia ini, beliau antara yang paling lantang menyuarakan isu Jammu–Kashmir di dalam Dewan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Mungkin kerana kelantangan itulah timbul kempen #BoycottMalaysia yang dilancarkan oleh beberapa pihak di India menerusi media sosial Twitter.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan sedikit latar belakang kepada isu yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri. Pada tahun 1948, Majlis Keselamatan PBB telah menggesa agar satu ketentuan suara atau, dengan izin, *plebiscite* untuk menentukan status Kashmir. Walau bagaimanapun, gesaan PBB tersebut sehingga kini tidak dilaksanakan. Resolusi 47, 1948 yang dimaksudkan itu telah mengarahkan suruhanjaya dengan lima anggota iaitu Argentina, Belgium, Columbia, Czechoslovakia

dan Amerika Syarikat membantu India dan Pakistan untuk memulihkan keamanan di Kashmir serta mengadakan *plebiscite* untuk rakyat Kashmir menentukan sendiri status mereka, kedudukan mereka dan masa depan mereka.

Pada 4 Ogos 2009, India telah meminda Perkara 370 dalam Perlembagaan India yang berkaitan dengan status khas Jammu dan Kashmir. Artikel ini membenarkan Jammu dan Kashmir mempunyai Perlembagaan yang berasingan, bendera negara dan autonomi terhadap pentadbiran dalaman negara. Kerajaan India membatalkan status istimewa ini bersama-sama dengan Artikel 35A yang menyatakan bahawa penduduk Jammu dan Kashmir tertakluk kepada undang-undang yang berasingan, termasuk yang berkaitan dengan kewarganegaraan, pemilikan harta benda dan hak asasi. Dengan pemansuhan tersebut, Jammu dan Kashmir tidak lagi akan menikmati status khas yang pada asalnya dipersetujui sebagai sebahagian dari perjanjian untuk menyertai India.

Sebagai wilayah kesatuan baharu, Jammu dan Kashmir akan tertakluk kepada Perlembagaan India sepenuhnya, termasuk Akta Maklumat dan Akta Pendidikan. Di samping itu, warganegara India kini boleh memberi harta di Jammu dan Kashmir, bekerja, menikmati biasiswa dan faedah kerajaan yang lain. Ini yang kemudiannya mungkin seperti yang saya katakan tadi menyebabkan ada gerakan untuk memboikot Malaysia melalui Twitter tetapi kita telah menganalisanya. Saya yakin, boikot itu sebenarnya semakin sudah menurun. Boleh kata sudah tidak ada pada hari ini. Saya yakin ia tidak menjejaskan kedudukan Malaysia di persada antarabangsa. Saya juga yakin ia tidak menjejaskan hubungan bilateral antara Malaysia dan India. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kalau kita lihat India merupakan rakan dagang Malaysia ke-10 terbesar, di mana kita bagi tahun 2020 mengharapakan 728,000 pelancong datang dari India dan *target* ataupun sasaran dagang antara dua negara dijangka mencecah USD15 bilion.

■1020

Pada masa yang sama saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pada ketika kita melihat kerangka Dasar Luar Negara, bagaimanakah kita boleh mengimbangi di antara kelantangan kita bersuara tentang isu hak asasi serta mengharapakan perdagangan tidak terjejas kerana bukan sahaja isu India tetapi banyak negara di rantau Asia Tenggara sebagai contoh pun mungkin kita akan sentuh. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar Luar Malaysia adalah dasar luar yang berkecuali, kita ingin berkawan dan berdagang dengan

semua negara kecuali Israel dan kita tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara. Akan tetapi dalam hal-hal tertentu kita harus membuat keputusan. Sebagai contoh yang selalu diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, suatu ketika dahulu dua juta rakyat Cambodia dibunuh, berlakunya *genocide* dan dunia senyap tidak berbuat apa-apa. Oleh kerana itu dalam isu Rohingya, kita bersuara lantang dan kita memainkan peranan yang proaktif dan khusus bagi membantu dan sebagainya.

Begitu juga dalam isu Kashmir. Sementara kita menjaga kepentingan hubungan bilateral dari segi politik, ekonomi dan sosiobudaya antara Malaysia dan India, tetapi tak akanlah kerana hubungan diplomasi perlu dijaga sehingga kita tidak mengambil apa-apa peranan seandainya berlaku sesuatu yang menggugat, sesuatu yang menusuk kalbu. Ini bukan sahaja soal umat Islam tetapi golongan Mustadh'afin dengan izin, golongan yang tertindas, *the oppress* dengan izin, kita harus bersuara cuma kaedah kita bersuara itu haruslah bijaksana. Ada waktunya kita mengamalkan dengan izin *full fledge megaphone diplomacy* seperti dalam isu Palestin dan dalam isu Rohingya. Ada waktunya kita menggunakan strategi yang sedikit berbeza.

Namun demikian, Malaysia dalam kerangka dasar luar yang diumumkan dan kita edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 September yang lalu, kita jelas mengatakan bahawa kita ingin memainkan peranan yang lebih proaktif dalam isu-isu antarabangsa termasuk yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan, kita baru-baru ini telah ada delegasi daripada Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua yang telah bertemu dengan Presiden dan juga Perdana Menteri Pakistan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kejayaan ke sana dan juga ingin memaklumkan *appreciation* yang telah diberikan oleh kepimpinan di Pakistan terhadap pendirian Malaysia khususnya Perdana Menteri di dalam isu Jammu - Kashmir ini.

Soalan saya, sekarang sedang berlaku perintah berkurung (*curfew*) yang begitu menjejaskan kehidupan di Jammu dan Kashmir. Apakah langkah terdekat yang boleh kita ambil untuk membantu kedudukan ini di pihak Kementerian Luar Negeri? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih, Yang Berhormat sudah *pre-empt* soalan Yang Berhormat Marang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap

telefon dengan Perdana Menteri Pakistan pada 5 Ogos. Perdana Menteri Pakistan menelefon Perdana Menteri Malaysia dan menerangkan peristiwa yang baru berlaku sehari sebelum itu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi nasihat kepada Perdana Menteri Pakistan supaya kita sentiasa mengikut *rule of law* supaya kita patuh kepada resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pada 6 September, dalam pertemuan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri India di Vladivostok di sela-sela *Eastern Economic Forum* di sana, Perdana Menteri Malaysia telah juga menyampaikan nasihat supaya Perdana Menteri India di samping mematuhi resolusi-resolusi PBB berunding dengan Perdana Menteri Pakistan. Itulah ayat yang diulangi oleh Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya di PBB pada 27 Disember. Kita memantau dengan rapat apa yang sedang berlaku di sana.

Ini yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua di awal tadi mengatakan bahawa dalam hal tertentu memang ada perkara yang kita boleh lakukan dengan begitu lantang, dengan begitu nyata tetapi apabila sampai kepada perkara-perkara yang sangat *delicate* dengan izin, yang sedang berlaku betul-betul *in-situ* dan pada waktu ini, kita ada perkara yang boleh kita buat dan ada perkara yang kita tidak boleh lakukan kerana ia berlaku betul-betul di suatu tempat yang Malaysia secara rasmi tidak ada akses melainkan kita sentiasa berhubung dengan kedua-dua pihak untuk mengelakkan daripada perkara yang sedang berlaku itu menjadi lebih serius atau lebih merosakkan keadaan. Terima kasih.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Kalau ada soalan tambahan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Malangnya masa, mungkin soalan tambahan yang ringkas.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu, Malaysia meneruskan dasar asing yang bebas, berprinsip dan pragmatik berasaskan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Dalam isu Kashmir, isu Palestin, isu Rohingya, saya yakin bahawa kita tahu bahawa ini bukan isu agama tetapi sejauh mana Kementerian Luar Negeri dan juga Kementerian Penerangan dan Multimedia memainkan peranan menerangkan kepada rakyat bahawa isu ini bukan isu agama. Ini kerana saya takut rakyat Malaysia akan merasakan bila kita menyokong mana-mana negara tersebut, kita akan dianggap rasis kerana kita memperjuangkan Islam dan akhirnya kita tidak mempamerkan yang kita benar-benar memperjuangkan hak asasi manusia. Terima kasih.



**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan sulung Perdana Menteri ke-7 di PBB pada tarikh yang sama tahun lalu, perkara ini disebutkan dengan jelas bahawa Malaysia akan bersuara lantang dalam isu-isu antarabangsa tanpa mengira latar belakang agama dan sebagainya. Saya fikir dalam isu Kashmir sebagaimana dalam isu Palestin, rakyat Malaysia cukup bijaksana untuk memahami bahawa pendirian kita ini bukan kerana mereka umat Islam semata-mata tetapi kerana mereka adalah golongan yang tertindas. Terima kasih.

**3. Tuan Su Keong Siong [Kampar]** minta Menteri Industri Utama menyatakan status kemajuan industri buluh dan apakah langkah kementerian untuk memaju dan membangunkan industri buluh di negara ini termasuk untuk merebut pasaran eksport global yang dianggarkan berjumlah lebih daripada RM25 bilion.

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Kampar.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya sumbangan ekonomi industri buluh Malaysia adalah masih kecil jika dilihat dari segi nilai eksport sekitar RM9.9 juta. Manakala import buluh bernilai RM96 juta. Kalau kita lihat saiz pasaran buluh global, ia adalah berjumlah USD68.8 bilion pada tahun 2018. Kebanyakan produk buluh yang dihasilkan di Malaysia masih di tahap produk asas disebabkan kekurangan buluh yang berkualiti. Walau bagaimanapun di sebalik status ini, kesedaran dan minat usahawan serta masyarakat tentang kepentingan industri buluh semakin meningkat kerana sifat buluh yang versatil dan pelbagai produk boleh dikembangkan daripada buluh.

Bagi memacu pertumbuhan dan pembangunan industri buluh di negara ini, MPI menerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah menjalankan pelbagai inisiatif. Antaranya:

- (i) Membangunkan pelan tindakan pembangunan industri buluh negara. Fokus utama pelan tindakan ini memberi tumpuan terhadap aspek bekalan bahan mentah, teknologi dan penghasilan produk bernilai tambah berasaskan buluh;
- (ii) Peruntukan *soft loan* bagi penubuhan ladang buluh di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH).

#### ■1030

Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memastikan sumber buluh terus tersedia bagi kegunaan industri. Ketiga, MTIB selaku *standard development agency* giat membangunkan piawaian antarabangsa berkaitan buluh. Sehingga kini, sebanyak tiga piawaian berkaitan buluh sedang dibangunkan.

Keempat, menjalankan kerjasama R&D dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam pembangunan produk berasaskan buluh seperti *veneer*, papan laminasi dan arang. MTIB dengan kerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk mengeluarkan fabrik *textile* buluh.

Kelima, menjalankan promosi seperti penganjuran *World Bamboo Day* dan *ASEAN Bamboo Symposium* yang telah menarik ramai peserta dari dalam dan luar negara. Pada 5 Ogos 2019, satu Persidangan *International Business Conference - Bamboo As A Driver to Economic Growth Forest Beyond Timber* telah dianjurkan oleh Universiti Malaysia Kelantan dan MTIB.

Keenam, menjalankan siri lawatan teknikal berkaitan industri buluh di negara-negara perindustrian buluh dunia yang maju seperti China, Taiwan, Korea, Jepun, Thailand, Indonesia dan Eropah.

Ketujuh, beberapa infrastruktur dan bangunan ikonik berasaskan buluh juga telah dibina dengan kerjasama kerajaan dan swasta antaranya seperti masjid Buluh di Kuala Kangsar dan Gua Musang. *Bamboo Playhouse* di *Lake Garden*, Kuala Lumpur serta *KL Bamboo Village* di Hulu Langat, Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Perak juga telah mengumumkan bahawa negeri tersebut bakal menjadi hab tanaman buluh pertama negara hasil kerjasama dengan MTIB. Ini adalah berita baik kepada industri buluh dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian saya sedang mengadakan pameran promosi produk berasaskan buluh selama dua hari mulai hari ini dan esok di lobi kafe blok utama Parlimen. Saya ingin menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk melawat dan melihat keunikan dan kepelbagaian produk buluh Malaysia seperti basikal, pakaian dan perabot buatan buluh.

Kementerian ini berharap dengan usaha-usaha yang berterusan, industri buluh di Malaysia mampu berdaya saing, mampan dan menjana pendapatan baharu kepada negara. Sekian, terima kasih.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah, apakah status Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2011 hingga 2020 dan perancangan selanjutnya oleh kementerian bagi memastikan kesinambungan terhadap perancangan sebelum ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah

membangunkan pelan khususnya bagi industri buluh iaitu Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2011 hingga 2020 bersama beberapa pemegang taruh berkaitan industri buluh di Malaysia. Bagi menyokong pelan tersebut, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh MTIB bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap buluh dan menggalakkan lebih industri berkecimpung dalam industri ini.

Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh 2011 hingga 2020 akan berakhir pada tahun hadapan dan beberapa penambahbaikan ke atas pelan tersebut sedang dan dalam proses kajian dan perancangan untuk menjadikan buluh sebagai alternatif yang berdaya saing. Di antara perkara yang diberi keutamaan ialah merangkumi aspek promosi, rantai bekalan, pelan pemasaran dan pembangunan modal insan. Industri ini sedang berhadapan dengan kekurangan tenaga kerja mahir. MPI akan mengadakan latihan insentif dan menggalakkan inovasi mekanisasi dalam penghasilan produk berasaskan buluh yang bernilai tinggi seperti perabot dan struktur bangunan.

Bagi tujuan penambahbaikan pelan tindakan tersebut, sesi konsultasi dengan semua pihak berkepentingan termasuk pihak industri akan diadakan bagi memastikan semua aspek diambil kira dan seterusnya digariskan sebagai pelan tindakan seterusnya. Selain itu, antara usaha yang dilaksanakan adalah pembangunan industri buluh secara kluster di mana ia akan dimulakan dengan penubuhan tamak semaian buluh di Taman Industri Perabot Lahat, Ulu Kinta, Perak seluas 1.7 hektar.

Pembangunan ini selari dengan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia yang menggariskan pembangunan industri buluh secara menyeluruh. Selain itu, pembangunan makmal *tissue culture* untuk pengeluaran benih buluh dan penyelidikan bagi penghasilan sumber pokok buluh induk yang berkualiti dengan anggaran pengeluaran sebanyak 100 ribu anak benih satu bulan akan dilaksanakan mulai tahun 2020. Peruntukan awal bagi tujuan ini adalah sebanyak RM7 juta. Diharapkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan kerajaan-kerajaan negeri memberi sokongan padu atas usaha MPI untuk mewujudkan industri baharu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang bangun dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan peluang kepada Yang Berhormat Parit, silakan.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Ladies first.*

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas sahaja.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Ringkas sahaja saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah terdapat sebarang program rintis yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam membangunkan industri buluh negara? Apakah jenama pokok buluh yang digalakkan ditanam khususnya dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang menarik, silakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sebenarnya kalau hendak tahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit.

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Parit.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Teringat dekat Pendang ini Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Parit? Oh! Minta maaf. Terima kasih Yang Berhormat Parit. Tentang jenis buluh apa? Nanti Yang Berhormat boleh ikut saya pergi ke belakang lobi kafe itu... [*Dewan riuh*] Boleh lihat semua jenis buluh yang kita boleh gunakan untuk buat perabot, basikal dan juga gunakan untuk buat *charcoal*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ekzos paip pun boleh.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Satu lagi Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...Dan juga program yang akan dirancang ataupun akan diadakan adalah seperti apa yang disebutkan tadi. Kita hendak mengadakan *nursery* untuk buluh di mana Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju beri sokongan. Di mana kita akan merancang menghasilkan 100 ribu baka ataupun benih buluh untuk tanaman di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Minta satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Minta Kuala Krai satu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Satu lagi ini.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai satu minta.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Satu lagi, sebab Yang Berhormat Parit tadi, ini Parit Sulong pula.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, satu lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Satu lagilah, bagi Johor pula.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, Perak akan menjadi hab buluh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ingat kuala Krai, KK juga, tidak apa.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, semestinya import dan eksport akan menjadi satu perkara yang besar dalam usaha industri buluh ini nanti. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan negara-negara luar yang sudah mengimport buluh keluaran negara dan apakah industri antarabangsa yang benar-benar memerlukan buluh untuk menggerakkan operasi perniagaan mereka? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebenarnya kementerian saya sudah bertemu dengan beberapa syarikat yang berminat khususnya syarikat dari negara Jepun yang mana mereka ingin menghapuskan nuklear *plant* untuk mengeluarkan tenaga elektrik. Mereka memang hendak mencari lebih bahan bakar bagi mereka mengeluarkan bekalan elektrik.

Jadi, sebenarnya kita memang ada pasaran. Jikalau kita tidak mahu buat buluh untuk tekstil ataupun perabot, kita sebenarnya boleh jadikan sebagai *charcoal* dan eksport ke pasaran Jepun yang mana satu pasaran yang amat positif terhadap semua bahan bakar termasuk juga *bamboo charcoal*. *Thank you*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Bila hendak buat Lembaga Buluh Negara Yang Berhormat Menteri?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya akan bincang dengan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Arau, saya tunggu dia datang, dia tidak datang. Setiap kali dia sebut tentang buluh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Dekat Cameron Highlands banyak buluh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi Jawab Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah dan usaha dilakukan oleh kementerian dalam usaha mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital kerajaan yang ketika ini dianggap kritikal.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memahami masalah kesesakan yang dialami di sesetengah hospital dan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

#### **■1040**

Antaranya, pertama, memperluaskan perkhidmatan rawatan harian. Di mana perkhidmatan klinikal dijadualkan dan disempurnakan dalam hari yang sama. Kajian menunjukkan prosedur pembedahan yang dijalankan secara rawatan harian telah mengurangkan jumlah kemasukan pesakit di wad-wad pembedahan sebagai pesakit dalam, sebanyak 28.2 peratus.

Kedua, pelaksanaan inisiatif hospital kluster yang merupakan kerjasama di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar bagi membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar dan menunggu lebih lama untuk diperiksa oleh doktor pakar.

Ketiga, mewujudkan *Bed Management Unit* untuk merancang kemasukan pesakit elektif serta memastikan pesakit-pesakit yang memerlukan katil dapat diutamakan dengan cepat. Projek rintis BMU ini telah dijalankan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Kuala Lumpur. Keempat, pewujudan *discharge lounge* di hospital-hospital tertentu bagi menempatkan pesakit yang boleh di-*discharge* agar katil dapat dikosongkan dengan cepat untuk kegunaan pesakit yang seterusnya.

Kelima, pembangunan hospital-hospital baharu dan hospital gantian oleh Kementerian Kesihatan merupakan salah satu langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan langkah-langkah ini, perlu diwujudkan juga penambahan perjawatan yang bersesuaian mengikut keperluan semasa bagi meningkatkan keupayaan fasiliti kesihatan kementerian ke arah memberi perkhidmatan yang terbaik. Seperti mana yang disebut dalam Laporan Audit Negara 2018, kementerian berhadapan dengan cabaran kekurangan peruntukan, kekurangan staf kesihatan serta beban tugas berlebihan dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sebagai langkah untuk mengatasi kekurangan perjawatan, kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan dan perjawatan kepada agensi pusat khususnya bagi menangani keperluan di fasiliti baharu dan fasiliti yang dinaiktarafkan. Sekian.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu yang saya bangkitkan, soalan ini adalah satu isu yang serius dan kritikal. Saya harap Yang Berhormat Menteri juga mengambil perhatian di Hospital Tanah Merah juga antara yang sesak. Akan tetapi, faktanya Yang Berhormat Menteri, kita selalu mendengar rungutan pesakit datang ke hospital sama ada pesakit luar atau pun datang untuk pemeriksaan semula atau datang untuk temu janji dengan doktor, terpaksa menunggu terlalu lama enam sehingga lapan jam di hospital atau klinik kesihatan kerajaan.

Jadi, apakah langkah atau usaha kementerian menangani masalah ini? Ini kerana, kadang-kadang saya rasa macam *poor planning*, dengan izin, masa untuk merancang hospital itu. Seperti penggunaan temu janji untuk *CT Scan*, penggunaan yang memerlukan itu terlalu lama. Jadi, kesianlah khususnya kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Khususnya untuk Yang Berhormat Tanah Merah, sebenarnya kita ada pertambahan katil dan projek blok baharu sedang berjalan untuk menambah 124 buah katil di situ dan dijangka siap pada tahun 2021. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan, khususnya dari segi masa untuk menunggu yang begitu lama. Pertama, misalnya untuk *CT Scan* dan sebagainya itu terhad kerana kekangan dari segi sumber. Untuk temu janji yang menunggu lama apabila pesakit datang ke klinik ataupun ke hospital, ini memerlukan kerjasama daripada pihak pesakit dan juga penambahbaikan dari segi hospital.

Untuk pihak pesakit, sering kali kita lihat ada pesakit yang datang awal, pukul 7.00 pagi, pukul 8.00 pagi, walaupun *appointment* beliau adalah pukul 12.00 tengah hari. Jadi, ini adalah satu masalah. Kedua, untuk pihak hospital, kita sedang melaksanakan *Lean Healthcare* supaya kita boleh menambah baik dari segi prosedur untuk pesakit. Apabila kita mengadakan *Electronic Medical Record*, ini akan menambah baik sekali lagi dari segi ruang untuk menunggu bagi pesakit yang berkenaan. Sekian.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada isu kesesakan, terdapat isu kadar lawatan kurang di klinik-klinik luar bandar, terutamanya di Sarawak. Ini lebih kepada kawasan pedalaman dan beberapa hari lepas, kertas Setiausaha Kementerian telah mengatakan bahawa terdapat cadangan pihak kementerian untuk menutup klinik-klinik tersebut kerana kadar lawatan pesakit adalah sangat kurang. Adakah kenyataan ini adalah benar? Ini kerana memandangkan klinik-klinik di kawasan pedalaman amat diperlukan. Adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk membangunkan klinik-klinik kesihatan ataupun hospital-hospital baharu di kawasan daerah-daerah baharu yang diwujudkan di negeri Sarawak?

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Ini ada beberapa perkara. Pertama, berkenaan dengan adakah kerajaan merancang untuk menutup klinik di desa? Jawapannya, tidak. Apa yang kita sedang kaji adalah Klinik 1Malaysia ataupun klinik komuniti yang sebelum ini. Sekiranya kadar kedatangan pesakit itu rendah, kita mungkin mengkaji semula supaya mereka pergi ke klinik kesihatan yang berdekatan.

Akan tetapi, untuk klinik di kawasan desa, tidak akan ditutup. Ini berkenaan dengan klinik – yang satu lagi soalan, berkenaan dengan?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] memandangkan cadangan penutupan klinik ini dan juga, di negeri Sarawak, terdapat banyak daerah baharu diwujudkan. Adakah pihak kementerian mempunyai satu kajian yang menyeluruh untuk mewujudkan *centre clinic* ataupun hospital bersepadu untuk menyelesaikan masalah-masalah klinik yang kekurangan pelawat.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih. *Sorry*, minta maaf. Kita sedang merancang untuk supaya *Universal Healthcare* di mana kita akan meliputi kesemua kawasan desa dan bandar untuk melalui rangkaian klinik yang sedia ada. Sarawak khususnya, untuk hospital, kita telah merancang untuk menambahkan hospital baharu iaitu Hospital Petrajaya yang sedang dibangunkan. Selain itu juga, hospital gantian di Hospital Sri Aman dan Hospital Lawas di situ. Akan tetapi, untuk klinik, tempat-tempat jauh di



pedalaman, kita menambah baik melalui klinik bergerak, sama ada melalui *four-wheel drive* dengan bot ataupun dengan helikopter. Ini adalah cara kita untuk penambahbaikan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan ke kawasan desa. Sekian.

**2. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan Malaysia dalam kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu untuk menyelesaikan konflik Kashmir.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Marang. Saya telah menjawab ketika MQT tetapi saya ingin menyambung jawapan itu untuk melengkapkan lagi bagi memenuhi soalan yang baik daripada Yang Berhormat Marang. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang kerana merujuk Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu yang baru dilancarkan. Memang ada beberapa bab dalam kerangka itu yang merujuk kepada perjuangan untuk mewakili golongan Mustadh'afin dan golongan tertindas termasuklah dalam isu Jammu-Kashmir.

Lanjutan daripada perbualan telefon antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Pakistan, perbincangan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri India, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 16 Ogos, telah mengadakan konsultasi tertutup untuk membincangkan isu Kashmir. Pertemuan-pertemuan itu telah disyorkan oleh negara China berikutan permintaan negara Pakistan untuk majlis keselamatan membincangkan isu tersebut.

■1050

Malaysia bukan ahli Majlis Keselamatan tetapi kita telah meminta negara ASEAN yang kebetulan dalam Majlis Keselamatan iaitu Indonesia untuk menyampaikan pandangan kita. Dia tidak jadi pandangan Malaysia dalam Majlis Keselamatan secara rasmi tetapi kita menggunakan hubungan kita dengan Indonesia dan kita terus berhubung dengan Indonesia untuk apa-apa perkara yang timbul berkaitan isu Jammu-Kashmir dalam Majlis Keselamatan.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah mesyuarat dengan izin, *Contact Group OIC* pada 25 September yang lalu, iaitu disela-sela Perhimpunan Agung PBB, di mana OIC telah membuat tetapan yang tegas dan Malaysia sebagai anggota OIC berpegang kepada ketepatan tersebut.

Ada tiga perkara:

- (i) supaya India menarik balik pembatalan Artikel 370 yang menimbulkan masalah pada hari ini;

- (ii) supaya India memansuhkan Undang-undang Darurat yang sedang dilaksanakan di sana sekarang; dan
- (iii) untuk India memanggil balik tentera mereka di sana.

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya minta, supaya jawapan saya kepada Yang Berhormat Marang ini juga diterima sebagai jawapan bersekali kerana ada soalan yang sama daripada Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Kuala Nerus. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menarik perhatian kepada resolusi Majlis Keselamatan tahun 1948 dan syarat-syarat kemerdekaan India dan Pakistan secara demokratik. Malangnya, sering kali berlaku *double standard* dalam melaksanakan keputusan syarikat antarabangsa. Begitu mudah isu Timor Timur, isu Selatan Sudan. Akan tetapi mengapa payah sangat dalam isu Kashmir, Palestin, Rohingya dalam menegakkan keadilan dan hak untuk semua kita tidak boleh berkecuali dan tidak boleh dinilai dengan kepentingan-kepentingan perdagangan dan sebagainya. Ini hak asasi manusia.

Sejauh mana kita memanfaatkan hubungan baik kita dengan India dan Pakistan untuk mengelak berlakunya krisis yang tajam, khusus dua-duanya kuasa nuklear, yang boleh mengancam keselamatan dunia dan kita boleh mendesak masyarakat antarabangsa supaya menghidupkan semula Resolusi 48 yang tersebut sekurang-kurangnya.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam kedua-dua perbincangan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Pakistan dan Perdana Menteri India, kita menggunakan hubungan baik kita itu untuk memujuk mereka supaya tidak menyebabkan keadaan lebih tegang dan supaya mereka kedua-duanya berunding dalam pertemuan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri India yang mengambil masa agak lama juga.

Perdana Menteri Malaysia mengambil masa yang panjang untuk— sebenarnya menasihati Perdana Menteri India, untuk berunding dengan Perdana Menteri Pakistan kerana kita faham bahawa peristiwa yang sekarang ini berlaku itu berpuncanya daripada India.

Tentang persoalan badan-badan antarabangsa, saya fikir ini Yang Berhormat yang menyebabkan kita perlu untuk melakukan reformasi kepada PBB itu sendiri, khususnya tentang sistem veto dalam Majlis Keselamatan. Tahun depan Tuan Yang di-Pertua, PBB akan menyambut ulang tahunnya yang ke-75. Saya difahamkan Dewan yang mulia ini bakal meluluskan sebuah Jawatankuasa, *Select Committee* tentang

perhubungan dan perdagangan antarabangsa yang saya ingin ucapkan terima kasih dari awal lagi.

Akan tetapi sementelahan tahun depan PBB menyambut ulang tahun yang ke-75, saya ingin mencadangkan, di samping *Select Committee* itu mungkin ada kokus khas di kalangan Ahli-ahli Parlimen Malaysia untuk mengangkat isu yang boleh menyebabkan atau cadangan kita untuk memperbaiki apa yang sedang berlaku di PBB. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua. Ada? Sebelah kanan? Tidak ada. Sebelah kiri?

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Beluran bangun Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Jauh sangat. Tidak nampak ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak nampak. Tidak apa sebab saya sudah sebut Yang Berhormat Pendang. Jadi, biar Yang Berhormat Pendang soal dahulu dan akan kembali kepada Yang Berhormat Beluran. Ya, silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan Pendang pada kali ini, isu ini amat besar yang menyebabkan isu sejagat, yang mana kita perlu beri perhatian. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Marang tadi bahawa isu-isu yang lain, Rohingya apa semua, amat susah. Kita tengok Selatan India mudah diselesaikan. Kita perlu tahu seperti isu di Sri Lanka. Saya amat berbeza dengan— saya berbeza sedikit pandangan dengan Yang Berhormat Kuala Langat tadi yang tidak bersetuju isu yang berlaku di Kashmir ini adalah bukan isu agama.

Saya berpandangan, Kashmir kita perlu tahu, 95 peratus adalah penduduk yang beragama Islam, Jammu-Kashmir ini. Dan krisis ini berpuluh tahun dari tahun 40-an sehingga sekarang tidak boleh diselesaikan. Jadi kita kena ingatlah berapa kali isu Kashmir ini menjadi punca peperangan di antara Pakistan dan India. Dibandingkan dengan isu yang mereka ini juga sebangsa tetapi berbeza agama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Jadi, soalan saya. Kalau tidak ada kaitan di antara agama itu adalah tidak sepatutnya. Ini kerana kita melihat isu-isu yang lain boleh diselesaikan, kecuali isu-isu yang melibatkan agama seperti Rohingya dan

juga di beberapa tempat di – sekarang ini yang belum termasuk Palestin, hampir 100 tahun tidak selesai. Soalan kita mestilah kita Islam yang penuh sederhana ini mengambil tindakan memberi satu petunjuk bahawa kita penuh toleransi.

Adakah mereka, India ini menghormati sikap-sikap seperti ini. Kalau tidak, tidak berlakulah tindakan krisis kezaliman yang berpanjangan. Jadi, kita minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih. Dalam kerangka Dasar Luar kita memang ada satu tajuk khusus tentang dunia Islam dan masalah yang dihadapi oleh dunia Islam. Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat, ada dua perkara. Pertama, saya ingin mengimbuai balik yang saya jawab semasa MQT dan saya belum jawab Yang Berhormat Marang. Memang kita ada kepentingan bilateral, kepentingan perdagangan dengan India tetapi tentu itu tidak boleh menyebabkan kita tidak mengambil tindakan atas isu Kashmir, cuma setakat mana kita boleh mengambil tindakan, ini perkara yang harus kita perhatikan.

Kedua, saya setuju memang isu Kashmir ini isu umat Islam yang saya sebutkan tadi dan saya fikir yang juga disebutkan sebelum ini ialah di samping kita menegakkan dan memperjuangkan isu umat Islam di seluruh dunia, kita juga menegakkan dan memperjuangkan isu umat bukan Islam. Ini kerana sifat Islam itu adalah mewakili semua kaum, semua bangsa yang diperlukan, yang memerlukan perlindungan. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada ucapan Yang Amat Berhormat di PBB terhadap isu kemanusiaan termasuklah isu Kashmir, isu Rohingya dan isu-isu kemalaysiaan dan penindasan genosid yang berlaku. Apa usaha kerajaan di peringkat PBB untuk membawa isu-isu ini agar tindakan lebih berkesan dapat diambil oleh PBB bukan sekadar retorik dan pendekatan-pendekatan yang biasa tetapi satu tindakan yang lebih berkesan agar isu-isu konflik, genosid, kemanusiaan ini dapat ditangani secara berkesan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di samping ucapan di Perhimpunan Agung, oleh kerana pada hari ini Malaysia tidak menganggotai Majlis Keselamatan PBB, langkah yang kita ambil ialah untuk meminta kerjasama daripada dengan izin *like-minded countries* yang berada dalam Majlis Keselamatan PBB.

#### ■1100

Dalam isu Kashmir ini, ada negara-negara P5 yang sangat *sympathetic* dengan isu ini. Begitu juga ada beberapa buah negara yang *non-permanent members*, dengan

izin, yang juga *sympathetic*. *Contact point* kita, dengan izin, untuk PBB hari ini dalam Majlis Keselamatan ialah melalui Indonesia. Terima kasih.

**3. Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah kerajaan menentukan sama ada wujud keperluan untuk pemerolehan kerajaan dibuat secara runding terus.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan lisan daripada Yang Berhormat Kangar bertarikh 8 Oktober, Yang Berhormat Labis bertarikh 17 Oktober, Yang Berhormat Kudat bertarikh 14 November dan Yang Berhormat Ketereh bertarikh 14 November secara bersekali memandangkan keempat-empat Yang Berhormat telah mengajukan persoalan yang sama iaitu berkenaan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses pengurusan perolehan kerajaan adalah dilaksanakan berteraskan kepada lima prinsip utama iaitu:

- (i) akauntabiliti awam;
- (ii) diuruskan secara telus;
- (iii) memberi nilai faedah yang terbaik;
- (iv) mewujudkan saingan terbuka; dan
- (v) mestilah adil dan saksama.

Tatacara perolehan yang diguna pakai oleh kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka. Peraturan perolehan yang berkuat kuasa menetapkan mana-mana perolehan kerajaan yang nilainya melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Peraturan ini diperkemas lagi melalui surat arahan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra kelayakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, sepertimana amalan di peringkat antarabangsa dan kepentingan nasional, kaedah perolehan secara rundingan terus akan hanya dipertimbangkan bagi perolehan yang melibatkan lima kriteria khusus dan bukannya dibenarkan secara am sepertimana berikut:

- (i) perolehan bekalan perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan

dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan negara;

- (ii) keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan ataupun *compatibility*, dengan izin, antara barangan sedia ada dengan barangan baharu yang akan diperolehi;
- (iii) satu punca bekalan atau perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan yang hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;
- (iv) keselamatan ataupun strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara; atau
- (v) kontrak dengan syarikat pembuat ataupun *manufacturer*, dengan izin, Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.

Semua permohonan perolehan secara rundingan terus perlu dikemukakan oleh kementerian dan jabatan kepada Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan masih mengekalkan dasar keutamaan kepada syarikat Bumiputera sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Keutamaan ini diberikan kepada syarikat Bumiputera, pembuat ataupun pengilang Bumiputera, pengimport Bumiputera dan kontraktor Bumiputera. Antaranya seperti agensi kerajaan hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada nilai kerja tahunan dan pemberian keutamaan harga, dengan izin, *margin of preference* antara 2.5 peratus sehingga 10 peratus bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara tender terbuka. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang komited untuk memastikan pemerolehan kerajaan dilaksanakan secara tender terbuka.

Cuma, sebelum-sebelum ini kita banyak mendengar aduan daripada orang ramai terutama kontraktor-kontraktor yang cuba bersaing kerana mereka tidak dapat bersaing oleh kerana adanya amalan tender terhad dan juga amalan runding terus. Adakah Kementerian Kewangan bercadang untuk meningkatkan ketelusan dengan memaparkan mana-mana syarikat ataupun projek yang perlu diberi secara rundingan terus?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sepertimana yang saya telah sebutkan tadi, secara umumnya, semua kerja yang

hendak kita tawarkan itu adalah secara tender terbuka kecuali ada kes-kes yang tertentu yang perlu untuk dibuat secara sama ada rundingan terus ataupun tender terhad pra kelayakan ataupun tender terbuka pra kelayakan dan kemudian setelah di *pre-qualified* kan, kemudian kita pergi *second round*. Kecuali dalam perkara-perkara tertentu sahaja. Jadi, amalan itu ingin kita teruskan kecuali ada keperluan yang mendesak dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, ini IHH dijual kepada Mitsui, bukannya secara runding terus? Bukankah dijual secara runding terus, jual kepada Mitsui? Lagi satu, saya hendak tanya saham Tabung Haji dalam beberapa syarikat. Baru-baru ini dilaporkan dijual. Dijual runding terus atau terbuka? Banyak lagi penjualan aset-aset kerajaan yang dijual tanpa tender terbuka. Tolong beri jawapan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Saya mohon maaf, Yang Berhormat Pasir Salak. Saya ingat soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu tidak berkaitan dengan isu yang kita bincangkan ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak berkaitan pula.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya minta kalau Yang Berhormat Pasir Salak ingin penjelasan ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Aduh, tidak berkaitan. Tidak boleh jawab, cakaplah tidak boleh jawab. Runding terus kah terbuka?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tolong berikan soalan ini kepada kementerian yang berkenaan. Kita bercakap tentang perolehan kerajaan, bukannya menjual aset.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya lah, kasihan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya lah, penjualan aset, serupalah. Mana ini— syok apa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyimpang daripada soalan asal ya.

**4. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa penyelenggaraan kebersihan bagi laluan tepi jalan ke Cameron Highlands amat kurang memuaskan di mana ianya dipenuhi dengan sampah sarap yang tidak dibersihkan. Sebagai satu pusat peranginan yang popular bagi rakyat tempatan dan luar negara, ia menggambarkan imej yang kurang enak dipandang dan kotor. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kerja Raya yang menyelenggara jalan raya persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, terima kasih kepada Yang Berhormat Cameron Highlands di atas soalan ini tetapi saya ingin memberikan penjelasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan anggota Dewan, kerja-kerja pembersihan sampah sarap di sepanjang bahu jalan persekutuan adalah di luar skop penyelenggaraan rutin jalan persekutuan dan skop pembersihan sampah sarap ini tidak termasuk di dalam skop penyenggaraan rutin konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, skop penyenggaraan rutin hanya meliputi kerja-kerja seperti penampalan lubang jalan, memotong rumput, mencuci perabot jalan, membersihkan sistem perparitan jalan dan pemetung serta melakukan rondaan pemeriksaan jalan. Peruntukan penyenggaraan rutin yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan adalah berdasarkan skop penyenggaraan rutin yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi jalan persekutuan.

■1110

Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, menerusi inisiatif oleh kementerian kami ini melalui skop penyenggaraan rutin iaitu kerja memotong rumput yang dilaksanakan pada setiap bulan, pihak konsesi telah diminta bukan sahaja memotong rumput dan membersihkan sisa-sisa potongan rumput, termasuk sampah sarap selepas kerja pemotongan rumput dilakukan di kawasan yang terlibat.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita harus- Yang Berhormat sendiri sebagai Ahli Parlimen di kawasan Cameron Highlands harus berbincang dengan pihak Majlis Daerah Cameron Highlands yang mereka juga sama-sama punya tanggungjawab untuk membersihkan dan mengindahkan kawasan wisata pelancongan besar negara. Sebagai salah seorang Ahli Parlimen dari Pahang, saya juga amat *concern* dengan perkara ini. Marilah kita bersihkan. Ini satu-satunya kawasan yang paling cantik, paling indah yang ada di Pahang yang mesti kita pertahankan. Saya ingat Yang Berhormat boleh mengambil inisiatif-inisiatif. Kami akan bantu supaya kesedaran rakyat, orang ramai kepada kebersihan ini harus di utamakan. Kita harus mendidik rakyat dan perlu dibuat dengan lebih serius. Terima kasih.



**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Dari penjelasan, saya fahami bahawa maksud kementerian tidak bertanggungjawab. Saya bercakap dengan majlis daerah, Majlis Daerah Cameron Highlands tolak kepada kementerian, kementerian tolak kepada siapa yang sebenarnya ini?

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Kita bekerja dan bertugas mengikut amanah yang diberikan. Kita tidak akan melanggar. Kementerian Kewangan telah memperuntukkan bahawa soal pembersihan di bahu-bahu jalan Persekutuan itu bukannya di bawah skop kami. Jadi, kami tidak boleh hendak buat di luar daripada skop kerana peruntukan kewangan diberikan kepada hal-hal yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu, untuk pihak kerajaan tempatan untuk mudah menolak begitu sahaja, bukannya mereka mengutip cukai pada kawasan di daerah berkenaan dan mereka harus juga mengambil tanggungjawab. Oleh itu, kita boleh bantu setakat yang dalam definisi yang diberikan kepada kita. Kita tidak boleh melampauinya. Terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *[Bangun]*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Beaufort. Silakan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya masalah kekotoran di sepanjang jalan ini bukan sahaja di Cameron Highlands akan tetapi di seluruh negara. Sepanjang jalan Persekutuan di seluruh negara, termasuk di negeri Sabah itu memang pembersihan hanya potong rumput akan tetapi sampah yang berlambak-lambak itu dibiarkan untuk mengotorkan, menyebabkan usaha kita untuk menarik pelancong datang di negeri kita, ke daerah-daerah kita pun jadi terjejas. Jadi, saya minta kepada kementerian, ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan kementerian? Saya tahu tadi di luar skop. Akan tetapi tidak bolehkah ini yang dimasukkan di dalam skop supaya ia dapat menjamin kebersihan keadaan negara kita tidak menjadi sesuatu yang menjejaskan imej negara kita? Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh memang kita hendak buat akan tetapi oleh kerana kita sudah cuba sebelum ini minta supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan, menambahkan skop ini. Akan tetapi setakat masa ini belum dapat laluan lagi dan begitu juga dengan konsesi. Pihak pemegang-pemegang konsesi dalam skop yang diberikan kepada mereka dengan kontrak yang mengikat kita dengan mereka, mereka tidak bertanggungjawab soal kebersihan sepanjang masa, sepanjang bahu jalan seluruh jalan Persekutuan yang

menjadi tugas mereka. Jadi, kalau kita hendak tambah skop ini, ia akan melibatkan peruntukan kewangan dan sebagainya. Kalau boleh, memang kami boleh lakukan semuanya Yang Berhormat akan tetapi kita ada keterbatasan buat masa ini.

**5. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan kejayaan-kejayaan utama National Fibreisation and Connectivity Plan (NFCP) sejak dilancarkan pada tahun lepas, dan apakah fokus atau projek-projek utama dalam jangka masa pendek akan datang, khasnya untuk tahun 2020.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan lima. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pelan Kajian Optik dan Ke Saling Hubungan Negara (NFCP) adalah bertujuan untuk menyediakan ke saling hubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik agar perkhidmatan jalur lebar dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia di seluruh pelosok negara. Ia nya merupakan pelan selama lima tahun daripada 2019 sehingga 2023 yang dinamik yang akan ditambah baik secara berterusan dari semasa ke semasa. Pelan ini Tuan Yang di-Pertua, diyakini dapat memberi impak positif kepada pembangunan infrastruktur digital serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga dapat memastikan negara kita kekal berdaya saing dalam arus pemodenan teknologi yang semakin pesat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pelan ini adalah sebuah pelan yang merangka strategi sasaran dan pelan tindakan yang mampu memastikan kesediaan ke saling hubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik untuk negara. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah pun membuat sesi libat urus bermula November tahun lepas bersama-sama semua pihak berkepentingan seperti kementerian-kementerian dan agensi-agensi Persekutuan selain kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan serta juga pihak swasta bagi memastikan pelan tersebut adalah menyeluruh dan juga berkesan. Hasil daripada sesi libat urus ini, saya bersyukur Tuan Yang di-Pertua, kerana pelan NFCP ini telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 31 Julai 2019 dan ia telah pun dilancarkan dengan rasminya pada 19 September 2019 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pelaksanaan NFCP Tuan Yang di-Pertua, amat penting bagi menjana ekonomi negara. Berdasarkan kepada kajian yang telah pun dibuat oleh Bank Dunia, kenaikan sebanyak 10 peratus bagi kadar penembusan jalur lebar talian tetap akan menyumbang

kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 1.38 peratus iaitu sebanyak RM20 bilion dan ini adalah berdasarkan angka KDNK 2018.

Sebagai usaha kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan jalur lebar mampu milik pada Jun 2018, apa yang dikenali sebagai Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian atau Mandatory Standard of Access Pricing (MSAP) telah dilaksanakan bagi mengawal selia harga borong untuk kemudahan dan perkhidmatan dan melalui *renewal commercial*, penurunan harga runcit telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Saya dimaklumkan bahawa puratanya harga telah turun sebanyak 49 peratus, Tuan Yang di-Pertua. Usaha ini juga telah memanfaatkan lebih daripada seramai 1.5 juta pelanggan jalur lebar dengan penurunan harga runcit apabila dibandingkan dengan harga sebelum pelaksanaan MSAP. Dengan penurunan harga ini, pelanggan pakej permulaan kini boleh menikmati penjimatan sebanyak RM50 sebulan atau sebanyak RM600 setahun.

Hasil daripada usaha yang sama, pengguna juga menikmati perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan yang lebih tinggi sebanyak 3 kali ganda, Tuan Yang di-Pertua. Bilangan langganan jalur lebar tetap dengan kelajuan muat turun lebih daripada 100 *megabit per second* meningkat lapan kali ganda kepada 1.2 juta pelanggan pada 2018. Sementara permintaan untuk perkhidmatan jalur lebar tetap untuk pelanggan kediaman dan pelanggan perniagaan telah pun meningkat sebanyak 18 peratus, Tuan Yang di-Pertua. 22 peratus di antara bulan Ogos 2018 dan bulan Ogos 2019. Usaha ini telah pun mendapat perhatian pelbagai pihak, termasuk Bank Dunia. Di mana satu laporan telah dikeluarkan mengenai perkara ini semasa Persidangan Rancangan Malaysia ke-12 pada bulan Julai 2019.

Selain daripada itu, mulai bulan September 2019, pihak Telekom Malaysia juga telah menurunkan harga perkhidmatan Streamyx untuk pelanggan sedia ada kepada harga RM69 sebulan daripada harga pakej terdahulu iaitu sebanyak di antara RM110 sehingga RM160. Dengan penurunan harga ini Tuan Yang di-Pertua, pelanggan Streamyx boleh menikmati penjimatan sebanyak RM40 sehingga RM90 sebulan atau RM480 sehingga RM1,080 dalam setahun kepada sekurang-kurangnya 1.2 juta pelanggan di seluruh Malaysia.

#### ■1120

Tuan Yang di-Pertua, perancangan bagi projek-projek ataupun pelan dalam Pelan NCP telah bermula sejak suku kedua tahun ini dan sedang melalui proses kelulusan dalaman pihak SKMM. Ia dijangka akan dilaksanakan bermula pada tahun depan iaitu 2020 dan di antara projek-projek utama yang dirancang akan

dilaksanakan di bawah NFCP bagi menyumbang kepada sasaran-sasaran berkaitan adalah seperti berikut;

Pertama kita ada apa yang disebutkan sebagai NFCP 1. Ianya melibatkan pembinaan Menara Komunikasi baru di 153 lokasi di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan 3G dan 4G. Kemudian kita ada NFCP 2 iaitu rancangan pembinaan Menara Komunikasi baru di lebih kurang 500 lokasi di seluruh negara bagi penyediaan liputan 3G dan 4G. Kemudian kita ada MFCP 3 yang melibatkan penyambungan rangkaian gentian optik kepada sebanyak 100 ribu premis bagi meningkatkan kualiti dan kelajuan jalur lebar di pinggir bandar dan juga di luar bandar. Kemudian terakhirnya untuk tahun hadapan kita ada MFCP 4 iaitu satu rancangan penyediaan dan penambahbaikan liputan selular ataupun jalur lebar yang dianggarkan di 151 penempatan Orang Asli di seluruh negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia di atas usaha mereka. Kita boleh lihat mereka hendak turunkan harga, meningkatkan kelajuan. Tahniah, satu kepujian harus diberi kepada kementerian. *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa pelaksanaan NFCP ini melibatkan penggunaan dana daripada Tabung *Universal Service Provision Fund* di mana sebahagian daripada keuntungan pihak swasta dari sektor komunikasi disumbangkan ke dalam dana ini. Maka soalan tambahan saya ialah mengenai dengan dana USP ini. Apakah status kewangan dana ini dan bagaimana ia akan dikendalikan? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan ia tidak disalah guna, sebaliknya diguna sebaik mungkin iaitu *value for money* dalam pelaksanaan NFCP ini dan juga apakah cabaran yang akan dihadapi oleh NFC?. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam pelan NFCP kita lihat dan kita menjangkakan bahawa untuk durasi lima tahun itu kemungkinan kita perlu menggunakan dana sebanyak RM21.6 bilion dan ini telah pun saya umumkan sebelum daripada ini. Kita telah pun juga umumkan bahawa sebahagian iaitu separuh daripada wang tersebut adalah melalui pelaburan dibuat oleh *telco-telco* pihak swasta yang akan mengambil bahagian di dalam pelan ini. Sebahagian daripada itu iaitu separuh yang lain akan digunakan daripada apa yang disebut sebagai *The USP Fund*.

Dalam keadaan tersebut kita lihat bahawa setiap tahun, setiap *telco* akan membuat pembayaran kepada *fund* ini. Jadi memang kita lihat bahawa angka ini akan

berubah kerana ianya adalah pelaburan kemasukan wang mengikut setiap tahun. Akan tetapi apa yang kita lihat adalah bagaimana kita hendak menggunakan wang itu untuk jangka masa lima tahun ini.

Soalan yang berbangkit adalah berkenaan bagaimana kita boleh pastikan bahawa ianya digunakan dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan di sini bahawa apa yang saya cadangkan adalah supaya semua projek yang dikeluarkan melalui penggunaan dana dalam pelan ini adalah melalui proses tender. Itu adalah cadangan yang telah saya laksanakan dan saya rasa itu adalah satu perkara yang kita harus lihat dan semua projek-projek yang dikeluarkan itu juga kita akan menunjukkan, kita akan senaraikan secara terbuka supaya semua dapat melihat apakah sebenarnya kos yang terlibat dan ianya akan berbeza.

Kita akan dapat lihat pada lokasi. Kerap kali kita lihat kepada satu keadaan di mana lokasinya untuk melaksanakan satu projek itu ianya akan menggunakan kos yang lebih kerana mengikut keadaan kawasan tersebut dan sebagainya. Jadi ianya berbeza untuk semua keadaan dan semua projek-projek yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini bahawa ada setengah-setengah pihak yang menyatakan bahawa NFCP ini ialah satu projek. Sebenarnya ianya bukan satu projek ianya satu pelan di mana kita ada apa yang disebut sebagai rancangan untuk bagaimana kita akan mengembangkan infrastruktur yang sedia ada dalam proses lima tahun ini.

Kita semua faham bahawa dunia sekarang ini memerlukan supaya negara siap siaga dengan ada perkhidmatan jalur lebar. Kalau kita tidak ada, apa yang disebut sebagai infrastruktur yang mampan, maka saya rasa dalam sesuatu negara itu rakyatnya akan ketinggalan. Kita tidak boleh menghadapi satu keadaan tersebut. *We don't have time*. Jadi dalam keadaan tersebut kita ini memberikan fokus penuh kepada apa yang disebut sebagai NFCP ini kerana kita hendak pastikan bahawa kita semua bekerjasama untuk menjayakan projek ini.

Dalam keadaan tersebut, saya telah pun mengulangi beberapa kali Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita ini menggunakan konsep terbuka. Kita bersedia untuk menerima pandangan daripada semua pihak dan keadaan tersebut kita telah pun mewujudkan apa yang disebut sebagai *task force* yang terdiri daripada pihak-pihak daripada kerajaan, luar kerajaan, swasta, akademik dan sebagainya. Jadi dalam melihat i kepada NFCP ini, kita serius dan kita harap bahawa dalam masa terdekat kita dapat dengan apa yang disebut dalam masa ditetapkan kita dapat melihat hasil daripada projek ini.

Akan tetapi apa yang boleh saya memberikan pengesyoran di sini bahawa apa jua projek ataupun apa juga perbelanjaan yang digunakan melalui projek ini, kita akan memberikan butir-butir yang terperinci berkenaannya dan secara terbuka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya yakin dan percaya *internet user* di Malaysia ada 25.84 juta, maknanya kalau hendak dibandingkan dengan *population* Malaysia maknanya *80 percent penetration*. Akan tetapi persoalan saya, kita ada dua *mobile internet connection* dengan *fixed internet connection*.

Kalau hari ini 19.92 *megabit per second/mbps* untuk *mobile internet connection*, manakala untuk *fixed internet connection* 63.48 *megabit per second/mbps* walaupun UCLA *speed test* sudah buat Disember 2017 dengan Disember 2018 saya tidak ada masalah berkaitan itu kerana berlaku peningkatan melalui NFCP ini.

Cumanya, bagaimana kementerian Yang Berhormat boleh menasihati agensi-agensi yang berkaitan supaya *mobile internet connections* dan *fixed internet connections* itu di sama ratakan. Kenapa *gap* 19.92 *mbps* dengan 63.48 *mbps*, amat luas sekali. Jadi saya cadangkan supaya kementerian membuat kajian supaya memasukkan *technology radio over fiber*. Walaupun kita ada NFCP tetapi teknologi ini masih belum ada di negara kita. Saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Menteri supaya percepatkan supaya kita dapat sama ratakan *mobile internet connections* dengan *fixed internet connections*, itu yang pertama.

Keduanya, bagaimana MFCP ini dapat membantu e-Dagang, kaum bumiputera kerana apa saya yakin RM2.7 bilion digunakan untuk *travel* dan *accommodations* maknanya 80 peratus masyarakat Malaysia menggunakan *internet* e-Dagang ini untuk mereka *shopping* dan saya yakin kalau MFCP ini tidak ada program susulan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi menggunakan USP *Fund*, saya yakin ia akan melemahkan niat utama kerajaan untuk melihat MFCP ini berjaya. Terakhir sekali, siapakah penyumbang dana terbesar USP. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan apa yang disebut sebagai cadangan yang pertama diberikan, saya setuju. Dengan itu kalau kita lihat jawapan yang telah saya berikan dan apabila kita bincang berkenaan dengan MFCP, kita tidak melihat kepada satu teknologi sahaja. Kita lihat kepada teknologi-teknologi berbeza. Kita kena lihat kepada apa yang diperlukan, tempat-tempat lain mempunyai cabaran-cabaran yang lain.

Kawasan bandar, kawasan luar bandar, kawasan terpencil, kita kena lihat kepada apa yang diperlukan dan saya cukup setuju bahawa cadangan-cadangan lain sedang kita perbincangkan untuk kita boleh jayakan bahawa kita ada satu mekanisme di mana kita boleh pastikan bahawa pelan ini bila kita gerakkan pelan ini, pelan ini akan membawa manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia di tempat-tempat yang berbeza. So, saya setuju dengan apa yang disebut di situ.

Berkenaan dengan perkara yang kedua. Kita semua faham dan saya sebut tadi angka dalam ucapan saya bahawa kalau kita gunakan *economy digital*, memang kita akan lihat satu perkembangan yang sangat besar dalam KDNK kita. Kita lihat bahawa walaupun kita ada hanya sebanyak 10 peratus daripada kadar ataupun peningkatan dalam kadar penembusan jalur lebar talian tetap, itu dengan sendirinya menyumbang kepada jumlah yang sangat besar iaitu *1.38 percent increase* dan ianya *translate to RM20 billion in-terms of return*. Jadi itu satu perkara yang sangat penting.

#### ■1130

Akan tetapi Yang Berhormat kita kena lihat kepada dua perkara yang berbeza. Satu adalah kita ada pelan untuk infrastruktur. Jadi kalau kita lihat kalau NFCP itu adalah itu infra, bagaimana kita boleh perbaiki infra supaya boleh kita pastikan bahawa semua orang dapat *connectivity* dan mereka dapat juga manfaat daripada hasil menggunakan *connectivity*. Itu satu peringkat. Kemudian kedua, kita ada pihak-pihak seperti MDEC dan sebagainya yang melihat kepada bagaimana kita boleh menggunakan infrastruktur ini untuk kita pastikan bahawa pengguna-pengguna dia di semua peringkat, dalam bandar, luar bandar, kawasan-kawasan terpencil dan sebagainya, mereka faham bagaimana menggunakan infrastruktur ini untuk kebaikan mereka dari segi ekonomi.

Jadi itu adalah satu perkara yang sangat penting, saya cukup setuju. *We have to look at it together*. Kalau kita ada infrastruktur tetapi tidak tahu bagaimana hendak gunakan, tidak ada guna. Kita ada pengetahuan tapi tidak ada infrastruktur pun tidak ada guna. Jadi ianya dua-dua kena dilaksanakan sekali dan itulah satu perkara yang kita memberikan fokus. Berkenaan dengan soalan yang ketiga siapakah yang terbesar buat masa sekarang. Saya kena bagi dalam jawapan bertulis kerana saya cukup risau kalau saya tidak pastikan. Nanti sebut dalam Dewan ini jadi hal. Akan tetapi saya akan bagi dalam jawapan bertulis kalau diizinkan. Terima kasih untuk soalan itu Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tolong. Jauh dari Kapit ini, pedalaman, komunikasi ini sebab Yang Berhormat Menteri ini saya percaya. Saya seronok dengar jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh. Satu soalan. Ringkas, ringkas.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tertarik kerana ada maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan perkhidmatan IT ini seharusnya kita bagi ke semua termasuk mereka di luar bandar. Saya hendak bagi satu perkara. Sekarang banyak menara-menara telah dibina di luar bandar termasuk kawasan saya di Hulu Kapit ini. Akan tetapi *service provider* tidak ada masuk sebab dia kata tidak ada ramai yang menggunakan perkhidmatan, jadi tidak ada. *Isn't the question of value for money*, adakah ini satu yang diguna pakai? Kalau itu diguna pakai sudah semestinya mereka yang duduk di pedalaman tidak mendapat, jauh lagi yang lebih canggih daripada yang biasa itu. Jadi saya hendak kepastian. Kalau boleh bantulah Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat ini memang prihatin kepada luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini soalan yang cukup baik dan cukup penting. Sebenarnya Yang Berhormat, bila kita lihat kepada aspek kesalinghubungan ini, satu perkara yang berbangkit adalah kerap kali ditanya kalaulah kita hendak *connect* satu kawasan tetapi ianya luar bandar, kawasan terpencil dan sebagainya. Ianya tidak menarik dari segi *returns* dan kita ini akan keluarkan modal yang besar tetapi dalam masa yang sama kita tidak dapat melihat bagaimana pelaburan itu boleh membawa balik apa yang disebut sebagai keuntungan. Jadi segi komersial itu, kita lihat bagaimana pegawai-pegawai swasta dan *telco* itu tidak berminat. Jadi itu adalah satu perkara yang kita lihat secara spesifik.

Saya telah pun bukan saja di negara ini, saya juga berucap di pentas-pentas luar negara, saya telah pun menyatakan *that we have to have* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *this concept of equality*. Kita kena pastikan bahawa kita ini memberikan *connectivity* kepada semua, *anywhere, any place, anytime*. Ini sangat penting. Kalau kita tidak ada dan kita hanya fokus kepada tempat-tempat di mana ada keuntungan, saya rasa itu akan membawa masalah kerana kita tidak boleh ada keadaan di mana kawasan-kawasan yang perbandaran di mana ada *connectivity*, maka ada kekuatan yang berbeza daripada orang yang luar daripada bandar.

So ini adalah satu perkara yang difokuskan dan diberi *priority* dalam NFCP dan saya cukup yakin bahawa kita akan melihat kepada perkara-perkara tersebut *and of course* Yang Berhormat saya sering kali kata sekiranya saya boleh bantu, *please let me*



*know.* Bila saya datang ke kawasan berdekatan, saya akan jumpa dengan Yang Berhormat dan kita boleh bincang perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan status semasa pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk kesejahteraan rakyat.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling atas soalan ini. Yang Berhormat Baling tanya berkenaan status semasa pelaksanaan Projek Bekalan Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhan terdapat 127 buah projek bekalan air luar bandar dan 32 buah projek bekalan elektrik luar bandar di seluruh Malaysia yang sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi pelaksanaan projek BALB, 33 projek berada di peringkat lantikan perunding, 41 projek di peringkat reka bentuk, 15 projek di peringkat perolehan, 33 projek di peringkat pembinaan dan 5 projek sudah siap. Keseluruhan kos projek BALB di bawah RMKe-11 ini adalah RM1.526 bilion.

Manakala bagi pelaksanaan projek BELB, sembilan projek berada di peringkat lantikan perunding, empat projek di peringkat perolehan, 13 projek di peringkat pembinaan dan enam projek sudah siap. Keseluruhan kos projek BELB di bawah RMKe-11 ini adalah RM3.014 bilion. sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Soalan saya ini agak menyeluruh, berkaitan dengan seluruh negara dan juga kawasan saya sendiri di negeri Kedah khususnya di Baling memang masalah air ini begitu ketara, tidak dapat diselesaikan sampai ke hari ini. Cuma soalan saya tadi bila Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa telah membelanjakan wang sebanyak RM1.526 bilion, betul. Yang telah dibelanjakan daripada RM3.01 bilion, *is that right? That was your answer just now.*

Akan tetapi saya cuma hendak menanyakan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi setiap projek negeri dan bekalan air di seluruh negara. *How much have you spend and* apakah pihak kementerian telah mengenal pasti kaedah alternatif yang baru bagi menyalurkan bekalan air bersih di kawasan pedalaman. Kalau ada, sejauh manakah kaedah alternatif tersebut telah diguna pakai? *This is pertaining to water Sir, especially* di kawasan luar bandar. *Thank you.*

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Yang Berhormat, bila saya sebut tadi RM1.526 bilion itu saya sebut dengan jelas itulah keseluruhan kos projek ya. Ini penjumlahan kos. Perbelanjaan itu berbeza *because* wang akan dikeluarkan berikutan peringkat pelaksanaan, itu belanja. Jadi saya tidak mahu Yang Berhormat kelirukan duit itu ya. Ini keseluruhan kos projek. Yang RM1.526 bilion itu. Berkaitan dengan pemerincian kos-kos projek itu memang tidak ada dengan saya sebab soalan itu secara umum ya untuk keseluruhan di Malaysia yang kita jawab secara keseluruhan.

Berkaitan dengan kegunaan sumber-sumber alternatif. Memang ada, seperti Yang Berhormat tahu di kawasan Baling sendiri beberapa bulan dahulu saya sempat hadir di Mukim Siong di Baling dan melawat luar kampung Ceruk Kepayang di mana mereka menghadapi masalah dengan bekalan air khususnya di musim kemarau. Saya mengakui ada banyak tempat ya, bukan saja di Baling lah, di Kedah yang masih mengalami masalah dengan bekalan air.

Berbalik pada isu tadi tentang sumber alternatif. Memang, ini adalah juga dilihat oleh kementerian sebab ada tempat-tempat yang mungkin terlalu jauh daripada *water grid* di mana belanja untuk sambung paip utama kepada kampung-kampung ini akan terlalu mahal dan kita akan kaji, kita dalam proses juga melihat pada sumber alternatif khususnya *ground water, tube wealth specifically* ya. Itu yang akan jadi satu sumber ataupun daripada sungai-sungai yang di mana kualiti air itu cukup memuaskan di sistem-sistem tempatan ya, *locally source water* dengan izin yang akan dibersihkan di sana dan digunakan. Akan tetapi inilah memang masih di peringkat rintis sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Pada Julai tahun lalu Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar semasa melawat Sabah telah berkata bahawa banyak kerjasama akan dapat diadakan antara kerajaan persekutuan dan negeri dalam usaha kerangka kemudahan air dan elektrik luar bandar di Sabah. Soalan saya, apakah perkembangan tentang kerangka yang disebutkan tadi kerana ianya sudah setahun berlalu. Kedua, dia boleh dijawab dalam bentuk bertulis. Pada April 2019 baru-baru ini telah diperkatakan bahawa RM1.13 bilion telah diperuntukkan untuk program-program KPLB di Sabah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi spesifik peratus-peratus tentang berapa bekalan air, berapa bekalan elektrik, jalan luar bandar dan sebagainya. Terima kasih.

■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua jawapan bertulis ya, Yang Berhormat?

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Ya.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Putatan atas soalan tambahan itu. Berkaitan dengan isu kerjasama di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat, itu tidak jadi apa-apa isu. Pembangunan di luar bandar adalah satu proses berterusan melalui perundingan di antara dua-dua pihak. Kerajaan negeri selalu akan mainkan peranan penting. Mereka akan kemukakan cadangan-cadangan tentang senarai keutamaan projek-projek dan sebagainya dan ini akan dirunding bersama di dua peringkat.

Kita ada peringkat di mana KSU di peringkat KPLB dan pegawai yang di peringkat setiausaha negeri akan duduk bersama di dalam jawatankuasa teknikal juga ada jawatankuasa bersama di peringkat ketua menteri dengan menteri di sini dan sebagainya dan itu ialah satu proses yang berterusan.

Berkaitan dengan berapa peratusan dan jumlah daripada RM1.13 bilion yang diperuntukkan kepada Sabah, itu saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

**7. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan :

- (a) langkah-langkah terkini menjadikan Malaysia tersenarai antara 10 negara terbersih di dunia menjelang tahun 2020; dan
- (b) adakah kementerian bercadang memperkenalkan Akta 672 dan Akta 673 di negeri Terengganu setelah dilaksanakan di tujuh negeri yang lain sebelum ini.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillah,* terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu di atas soalan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Hulu Terengganu, pada tahun 2015, Kerajaan Persekutuan melancarkan satu pelan iaitu Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera 2015-2020.

Jadi waktu pelancaran pelan tindakan ini pada bulan Februari 2015, Malaysia menduduki tangga yang ke-51 pada tahun 2014. Namun demikian, kedudukan Malaysia selepas 2014 di tangga ke-51 melorot ke bawah. Pada tahun 2016, jatuh di tangga ke-63. Tahun 2018, jatuh ke tahap 75. Jadi, walaupun KPI nya ataupun indeks prestasinya boleh kita persoalkan tetapi namun demikian, kita tidak mahu dalam keadaan *denial syndrome* yang bahawa hakikatnya negara kita memang dalam keadaan kebersihan tidak memuaskan.

Jadi di bawah kerajaan baharu, *insya-Allah* KPKT akan melancarkan Dasar Kebersihan Negara pada 3 November 2019 dengan objektif-objektif yang meliputi dasar-dasar menjaga kebersihan negara daripada *upstream* dan juga *downstream*. KPKT amat maklum dan peka bahawa jika sekadar pelan tindakan tidak akan menjayakan program-program kebersihan. Jadi, KPKT mengambil pendekatan yang lebih praktikal yang mana komuniti itu dilibatkan agar mereka bersama-sama mengambil bahagian di dalam menjaga kebersihan negara.

Jadi tak mungkin kalau kita hanya bergantung kepada penguatkuasaan di peringkat KPKT, di peringkat kerajaan tempatan. Kalau kita gerakkan seluruh anggota tentera, polis, bomba dan sebagainya, tidak mungkin kita boleh menjaga rakyat Malaysia daripada segi penguatkuasaan menjaga kebersihan negara.

Jadi, kita akan banyakkkan program komuniti yang akan dibuat di bawah Dasar Kebersihan Negara yang kita turun padang di akar umbi. Jadi untuk Terengganu yang belum menandatangani Akta 672 dan Akta 673, MB Terengganu memang telah menyuarakan hasratnya untuk menandatangani Akta 672 dan Akta 673 tetapi belum ada permohonan secara bertulis kepada KPKT. Namun demikian, untuk Dasar Kebersihan Negara, ianya melibatkan seluruh negeri dalam negara kerana ia adalah Dasar Kebersihan Negara.

Yang Akta 672 dan Akta 673 adalah melibatkan untuk tandatangan melalui *concessionaire* untuk menjaga kebersihan dalam sesuatu negeri. Jadi, ketika ini saya belum terima surat dan *insya-Allah* KPKT akan juga berbincang dengan negeri Terengganu untuk membincangkan hala tuju menjaga kebersihan sisa pepejal di negeri Terengganu. Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang cukup jelas. Cuma persoalan saya ialah, sampah semakin meningkat setiap hari dan dikatakan pada tahun 2020, sebanyak 30,000 tan sehari sampah akan dikeluarkan oleh rakyat Malaysia.

Jadi persoalannya terutamanya di negeri Terengganu, sekiranya kerajaan negeri bercadang untuk menandatangani perjanjian 672 dan 673, bagaimana dengan tempat-tempat pelupusan sampah yang terbuka yang masih berada di dalam kawasan bandar? Apakah perancangan kementerian untuk mengatasi hal tersebut? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Insya-Allah* KPKT amat peka tentang keadaan sampah sarap di Terengganu yang amat tidak terkawal. Ketika ini adalah diuruskan menggunakan *dump site, not even sanitary landfills* dengan izin. Jadi memang saya amat peka tentang keadaan sampah di negeri Terengganu. Saya bertemu dengan

Yang Berhormat Menteri Besar dan sudah membincangkan hala tuju apa yang harus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan *insya-Allah* dalam masa terdekat, saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Besar untuk membentangkan pelan tindakan khususnya untuk negeri Terengganu kerana ketika ini, KPKT belum lagi menerima surat untuk Terengganu menandatangani Akta 672 dan Akta 673.

Namun demikian, kita akan menerima permintaan itu dan ia juga bergantung pada keadaan kewangan Jabatan Sisa Pepejal Negara. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi, Dasar Kebersihan Negara meliputi semua negeri. Tidak semestinya negeri-negeri yang hanya menandatangani Akta 672 dan Akta 673.

**Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kebersihan sekitar adalah berkaitan rapat dengan sifat ataupun *civic minded* masyarakat. Saya ingin tahu, kita melaksanakan Kempen Pengasingan Sisa Pepejal. Jadi, sejauh manakah kempen ini berjaya kerana kempen kebersihan ini bukan sahaja dilakukan oleh kementerian bahkan juga dibuatkan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Yang kedua, apakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan kompaun dalam kita memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam perkara ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Insya-Allah* dalam Dasar Kebersihan Negara, itu di antara perkara-perkara yang telah kita rangka kan juga agar ada penguatkuasaan yang lebih keras untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia itu patuh kepada undang-undang. Namun demikian, kita juga perlu untuk mengubah sikap, membawa budaya dalam darah daging rakyat Malaysia ini agar mereka faham tentang pentingnya kebersihan dan bagaimana kebersihan itu melambangkan imej dan kualiti rakyat Malaysia dan juga imej negara kita kepada para pelancong.

Jadi, KPKT melalui Dasar Kebersihan Negara telah menggerakkan program-program di peringkat bawahan melalui PBT-PBT yang sekarang telah kita laksanakan program *Trash To Cash* yang mana kita hendak mereka memanfaatkan sampah untuk menjadi sumber kewangan mereka dan terutamanya di kalangan golongan B40 di PPR agar ia boleh juga membantu mereka dan juga boleh digunakan wang pendapatan itu untuk *offset* pembayaran *maintenance* dalam kawasan-kawasan mereka.

Jadi ini kita dapat melaksanakan *target* serampang dua mata. Jadi, selain kempen *Trash To Cash* ini, kita juga akan melancarkan kempen Berani Tegur. Maknanya kita hendak rakyat Malaysia berani menegur antara satu sama lain apabila mereka tidak mampu untuk membuang sampah dalam tong sampah. Jadi yang ini

*insyaAllah* juga kita akan lancarkan pada 3 November ini iaitu Berani Tegur, Let's Do It Right.

Jadi, inilah permulaan kempen yang kita akan laksanakan dan kita amat berharap dalam Dasar Kebersihan Negara ini, ianya juga mengambil kira *upstream activities* yang mana *separation at source* atau pengasingan sampah daripada rumah-rumah dan itu juga dikuatkuasakan. Pada masa yang sama juga, program-program aktiviti menjadikan wang daripada sampah di peringkat bawahan yang mana ianya akan membantu daripada segi ekonomi.

Jadi kita nak buat satu *circular economy*. Di samping itu juga, KPKT di bawah JPSPN juga akan merangka satu program atau satu hala tuju yang lebih luas daripada segi pengurusan sampah-sampah dalam negara kita termasuk untuk pembinaan *waste park* untuk menguruskan *scrap metal*, menguruskan *construction waste*, menguruskan *botany waste*, menguruskan *appliances electronic waste*. Semua-semua sampah sarap ini akan ada dalam Dasar Kebersihan Negara agar ianya lebih tersusun dan teratur daripada segi pengurusannya.

#### ■1150

Jadi, kami amat berharap dengan adanya dasar kebersihan negara ini, kita akan dapat membudayakan rakyat Malaysia agar tahu membuang sampah dalam tong sampah. Itu yang untuk permulaannya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalan tambahan ini. Dia sebut— ini Yang Berhormat sebut perkataan rakyat Malaysia. Yang Berhormat sedar kah di Malaysia ini ada lebih daripada 7 juta orang asing di sini. Kenapa mereka tidak termasuk dalam kategori untuk kebersihan tadi. Ini nampaknya rakyat Malaysia kena bersih tetapi orang asing buatlah apa yang mereka suka. Jadi, apakah Yang Berhormat hendak sebut perkataan rakyat Malaysia itu diganti, rakyat Malaysia ganti dengan perkataan lain? Rakyat Malaysia dan juga bukan rakyat Malaysia mestilah mengutamakan kebersihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu jawab. [Ketawa] Jawapannya teramat mudah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa yang mudahnya Tuan Yang di-Pertua, bagi tahu saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama ada golongan orang itu termasuk orang yang bukan Malaysia ya?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak apalah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. Akan tetapi dia sebut tadi perkataan rakyat Malaysia. Menteri yang suka bercakap syok-syok tidak boleh. *Must be serious* sedikit.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya. *[Ketawa]* Perkara...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kepada kalau rakyat Malaysia, rakyat Malaysia lah. Ini sampai 7 juta, *7 million man!*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Jumlah *7 million* ini hasil daripada penguatkuasaan, dari peringkat-peringkat kementerian yang lain. Namun yang demikian, bila kita cakap penguatkuasaan ini, sudah tentu siapa yang buang sampah, tidak kiralah Ahli Yang Berhormat Arau kah, siapa pun kita akan tangkap. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu jawapannya. Terima kasih. *[Ketawa]*

**8. Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Jalan Serian ke Tebedu, Jalan Persekutuan (FR21) akan dinaik taraf.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun sekali lagi untuk menjawab soalan selanjutnya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Richard Riot, Ahli Parlimen Serian. Yang Berhormat bertanya, bilakah Jalan Serian ke Tebedu, Jalan Persekutuan (FR21) akan dinaik taraf?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sangat meng*appreciate* Ahli Yang Berhormat. Di penggal yang lalu juga telah membangkitkan isu yang sama pada kita, bulan Julai kalau tidak salah saya. Soal menaik taraf jalan (FR21) yang dimaksudkan. Namun, soal naik taraf ini adalah satu hal yang memerlukan penjelasan di sini.

Berdasarkan semakan stesen bancian dan isi padu trafik lalu lintas terkini mendapati bahawa tahap perkhidmatan jalan, *level of service* (LOS) dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pada jalan ini berada pada tahap LOS A. Maksudnya, bancian menunjukkan bahawa jalan ini bukan jalan yang benar-benar sesak. Kajian menurut bancian stesen banci di kawasan Samarahan, nombor stesen banci SR109 yang ditarafkan ialah LOS A. Ini kerana purata aliran trafik sehari cuma 2,509 sahaja.

Jadi, dengan itu untuk menaik taraf— naik taraf ertinya melebarkan jalan. Menambahkan lorong. Akan tetapi, kalau soal *road maintenance*, senggara jalan, itu soal yang lain. Yang Berhormat bertanya, apakah- bila masanya jalan ini akan dinaik taraf. Jadi, untuk itu saya tidak boleh mengatakan memberitahu bila. Ini kerana dia tidak mencapai ciri yang diperlukan untuk dinaikkan taraf pada masa ini. Ini kerana aliran trafik masih lancar serta mampu ditampung oleh jalan sedia ada dan ia tidak pula tersenarai

sebagai senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak bagi permohonan *Rolling Plan* ke-4 tahun 2020, Rancangan Malaysia Ke-11.

Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk mempertimbangkan cadangan tersebut untuk diangkat dalam Rancangan Malaysia yang akan datang sekiranya terdapat keperluan untuk jalan ini dinaik taraf dan serta memenuhi syarat-syarat teknikal yang ada. Kita tahu bahawa jalan ini jalan berbukit. Soal keselamatan harus diberikan perhatian, tetapi belum ada mana-mana tempat di jalan ini yang dianggap yang telah dianggap sebagai yang telah dinamakan sebagai *blackspot*. Ertinya, keadaan yang ada dari Serian ke Tebedu ini, jalan ini masih belum sampai satu tingkat *priority* untuk dinaiktarafkan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat lobi lebih sedikitlah kepada kerajaan negeri, kalau sekiranya kerajaan negeri memikirkan ia perlu diangkat dan jalan ini dijadikan *priority*. Setakat ini kita belum menerima maklum balas dari pihak kerajaan negeri yang meletakkan bahawa ini satu keperluan, ini satu *priority*. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menerima penjelasan yang telah diberikan dengan begitu terperinci. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita fahamkan bahawa ibu kota Indonesia iaitu Jakarta akan dipindahkan ke Kalimantan Timur dan Kalimantan Timur terletak di Kepulauan *Borneo*. Jalan Serian–Tebedu ini merupakan satu-satunya pintu masuk untuk keluar masuk dari Sarawak, dari Malaysia melalui darat ke Indonesia iaitu melalui Kalimantan.

Jadi, walaupun penjelasan mengenai *level of service* (LOS) itu tidak bagi kita sekarang menepati apa yang diperlukan untuk menaik taraf Jalan Serian–Tebedu ini saya masih berpendapat bahawa menaik taraf Jalan Serian–Tebedu ini amat-amat diperlukan. Ini kerana dengan *spill over* nanti, dengan pembangunan pesat yang akan berlaku di Kalimantan Timur, maka *spill over* ini akan memerlukan rangkaian jalan raya yang amat baik. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya sebut tadi bahawa kita tidak menutup sekiranya ada cadangan baharu dan diangkat oleh termasuk oleh kerajaan negeri dan suasana perkembangan baru. *We are progressive*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita tak akan lah hendak berada dalam suatu keadaan yang tetap selama-lamanya begitu. Kita tidak akan naik taraf tetapi apabila keadaan yang perubahan yang sedang berlaku, kalau sekiranya berlaku pemindahan ibu negara pusat pentadbiran Republik Indonesia itu, maka sudah tentu ia ada kesannya.



Oleh sebab itu, saya tidak tolak bahawa permintaan untuk naik taraf ini tidak boleh sama sekali walaupun keadaan LOS A sekarang ini. Akan tetapi, saya—percayalah Yang Berhormat, bahawa kita akan memberikan perhatian pada hal ini menurut perkembangan-perkembangan yang akan datang. Terima kasih.

**9. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan adakah kementerian merancang untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sedia ada dan mempromosi publisiti Taman Rimba Bukit Nanas, Kuala Lumpur sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 memandangkan ianya hutan simpanan tertua di Semenanjung Malaysia yang perlu dipelihara bagi tarikan pelancong.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Rimba Bukit Nanas Kuala Lumpur ataupun dikenali sebagai KL *Forest Eco Park* merupakan hutan simpan pertama yang telah diwartakan pada tahun 1906 berkeluasan 9.37 hektar, di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa memberi perhatian kepada produk dan kemudahan pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaik taraf.

■1620

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), kementerian ini telah pun memperuntukkan sebanyak RM6.5 juta bagi projek peningkatan kemudahan pelancongan di Taman Eko Rimba KL. Komponen yang dibiayai adalah pembinaan titian kanopi, menaiktarafkan *forest trail* berserta kemudahan orang kelainan upaya, membina dataran, kemudahan tandas awam, kaunter tiket serta menaiktarafkan denai sedia ada. Kesemua komponen yang saya sebutkan di atas siap pada tahun 2014 dan dibuka kepada orang ramai.

Selain daripada itu, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui JPSM juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktarafkan infrastruktur seperti membaik pulih koleksi spesimen dan menaiktarafkan ruang simpanan dan pameran Galeri Interaktif Taman Eko Rimba Kuala Lumpur, Bukit Nanas.

Kementerian melalui Tourism Malaysia turut membantu dalam mempromosikan acara-acara di Menara Kuala Lumpur yang merupakan sebahagian daripada Taman Rimba Bukit Nanas seperti *Turkish Airlines KL Tower International Towerthon Challenge 2019* pada 21 April 2019 dan *KL Tower International Jump Malaysia 2019* yang telah diadakan dari 26 hingga 29 September 2019 yang lalu.

Taman Rimba Bukit Nanas juga disenaraikan dengan pakej-pakej pelancongan di portal pelancongan antarabangsa seperti *TripAdvisor* di samping pakej-pakej oleh pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan.

Program, produk dan pakej yang berpotensi juga akan turut dipromosikan dan dihebahkan di laman sesawang khas VM2020 yang akan memaparkan senarai acara-acara bitara ataupun *signature events*, dengan izin, di setiap negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan Taman Rimba Bukit Nanas salah satu destinasi pelancongan yang boleh menarik ramai pelancong-pelancong dari luar negara tetapi oleh sebab kemudahan yang amat usang di dalam taman ini, saya ingin tahu adakah kementerian Yang Berhormat boleh memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini untuk dinaiktarafkan khususnya kemudahan yang usang ini digantikan dengan yang lebih sesuai untuk pelancong-pelancong boleh melawat taman ini? Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Seperti jawapan saya tadi, sebenarnya *KL Forest Eco Park* ini di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di bawah kementerian KATS. Saya akan memajukan cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan dari segi seliaan dan naik taraf taman itu. Memang kita akui dan kita juga membaca dalam *review* dalam *TripAdvisor* dan sebagainya, mengatakan bahawa sesetengah *facility* ataupun infrastruktur yang berada di taman itu perlu dinaiktarafkan. Saya akan bawa cadangan Yang Berhormat itu kepada kementerian yang berkenaan yang menyelia *KL Forest Eco Park* ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua di sebelah kiri tidak ada? Yang Berhormat Arau tidak ada soalan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya ingin bertanyakan soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak tanya— Taman Rimba ini ialah taman yang tertua. Saya ingin bertanya, apakah ada pertambahan pokok-pokok baharu di kawasan ini? Oleh sebab tempat ini kita tidak boleh potong pokok dan sebagainya tetapi sesetengah daripada pokok itu kalau mengikut Yang Berhormat Kangar yang belajar perhutanan kurang habis itu, kononnya pokok ini apabila

tua, kita kena ganti. Kita hendak balak tidak boleh. Jadi, apakah usaha dibuat untuk menyilih ganti pengisian pokok-pokok di Taman Rimba Bukit Nanas?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Taman Rimba Bukit Nanas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Taman Rimba Bukit Nanas.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak dapat memberikan jawapan ini kerana ini di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. So, saya tidak dapat memberikan jawapan bahawa adakah pokok tua kena ganti dan ditanam semula. Itu saya minta KATS memberikan jawapan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tanam buluh, buluh.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Maafkan dia. Dia tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin kita boleh ambil satu lagi soalan.

**10. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan status pelaksanaan pembinaan MRSM Ulul Albab, Ketereh dan mengapakah berlaku penangguhan pembinaannya dan bilakah pembinaan MRSM berkenaan akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh atas soalan ini. Soalan ini bertanya tentang status pelaksanaan pembinaan MRSM di Ketereh dan mengapakah berlaku penangguhan dan sebagainya.

Pada masa sekarang, terdapat lima buah MRSM di negeri Kelantan yang sedang beroperasi iaitu MRSM Pengkalan Chepa, MRSM Pasir Tumboh, MRSM Jeli, MRSM Kuala Krai dan MRSM Tumpat dengan kapasiti seramai 3,500 orang pelajar. Di samping itu juga, terdapat MRSM daripada negeri berhampiran yang boleh menampung permintaan kemasukan ke MRSM bagi penduduk negeri Kelantan seperti MRSM Kota Putra dan MRSM Besut di Terengganu dengan kapasiti 1,800 orang pelajar dan juga MRSM Kuala Lipis di Pahang dengan kapasiti 750 orang pelajar.

Di bawah RMKe-11 telah diluluskan dua projek MRSM baharu di Kelantan iaitu MRSM Tanah Merah dan MRSM Ketereh. Pembinaan MRSM Tanah Merah diluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta dan status projek MRSM Tanah Merah ialah sedang dalam proses perolehan. Projek ini dijangka siap pada tahun 2022. Manakala pembinaan MRSM Ketereh dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM120 juta

ditangguhkan berikutan kajian semula keperluan dan kesesuaian pembinaan MRSM di Kelantan. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan, kenapakah kerajaan memberi jawapan yang berbeza-beza? Baru dua bulan lepas dalam sidang Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua yang lepas apabila saya mengemukakan soalan lisan, kerajaan telah memberikan jawapan bahawasanya lima buah MRSM ini akan diteruskan pembinaannya dalam tempoh lima tahun ini. Pada bulan Ogos tahun lalu apabila kita bertanya soalan, dikatakan projek itu ditangguhkan. Jadi kenapa ada *ding dong* jawapan dalam tempoh yang begitu pendek? Jadi apakah sebenarnya tujuan ataupun pendirian kerajaan dalam soal ini?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan tambahan ini. Keputusan ini adalah hasil daripada perbincangan di peringkat Majlis MARA ya. Majlis MARA kini dengan anggota-anggota baharu sekarang menjalankan proses untuk mengkaji semula kelulusan dahulu berdasarkan kepada permintaan yang sedia ada.

Berdasarkan angka-angka yang telah— ini adalah fakta. Sebagai contoh, saya beri angka untuk— ini permohonan daripada pelajar di Kelantan. Tahun 2017 seramai 1031 orang. Bukan permohonan, minta maaf. Tawaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar di Kelantan. Tahun 2017 seramai 1,031 orang, tahun 2018 seramai 1,280 orang dan tahun 2019 seramai 2,104 orang. Kita juga ada satu MRSM yang baharu yang akan siap di Tanah Merah yang juga akan menambahkan kapasiti kita dari 3,500 itu dengan tambahan 750.

Jadi adalah jelas bahawa permintaan daripada Kelantan ini jauh di bawah kapasiti MRSM yang sedia ada. So, itulah asas yang digunakan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** MRSM bukan dibuat untuk negeri berkenaan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Biar saya habiskan dahulu.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Ia untuk nasional.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Itulah asas...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Pelajar ini bukan daripada Kelantan. Yang belajar di Kelantan bukan daripada Kelantan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Benarkan Yang Berhormat Menteri habis dahulu.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat, dengar saya habiskan dahulu.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Jawapan itu salah, Yang Berhormat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** So, itulah asas bagi Majlis MARA untuk mengkaji semula kelulusan yang dahulu dan sebab itu ditangguhkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan kedua?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah MARA nampak macam malap sekarang? Apakah ia dipegang oleh DAP, PKR... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan, soalan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalanlah. Mereka tidak berapa *comfortable* dengan perjuangan Bumiputera. Jadi saya nampak MARA ini makin malap. Yang Berhormat ini baik, saya suka Yang Berhormat ya. Akan tetapi, saya ingin tanya, kenapa MARA nampak malap, MRSM pun malap? Cara menjawab pun malap. Kenapa kemalapan ini sedang bermaharajalela sekarang? Itu soalnya.

■1210

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak setujulah dengan pandangan itu. MARA bukan malap, malah MARA sekarang berkembang dengan baik, diuruskan dengan baik. Seperti saya sebut tadi, kita ada Lembaga Anggota Majlis MARA yang baru daripada golongan profesional dengan *chairman* dan yang sangat layak. Jadi, kita kurang setujulah dengan pandangan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu tamatlah sesi pertanyaan bagi jawab lisan. Seterusnya.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 11 Oktober 2019, jam 4.00 petang. Terima kasih.

## **RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL 2019**

### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, penyelarasan operasi bersepadu yang berhubungan dengan jenayah kewangan dalam kalangan entiti kerajaan dan agensi penguat kuasa dan pengurusan sistem data berpusat dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR (PEMANSUHAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.13 tgh.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya bangun untuk merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 54(1). Kelmarin kita bincang di bawah 54(2), kita bincang dulu kemudian kita bawa ke jawatankuasa khas (*select committee*), dengan izin. Akan tetapi pada hari ini saya minta supaya benda ini dirujuk *select committee* sebelum dibincangkan sebab hak yang ini, rang undang-undang ini telah pun diluluskan dan belum pun dilaksanakan lagi. Jadi, saya cadang supaya bawa ke *select committee* untuk membolehkan dibincangkan di sana sebab ianya telah pun dibincangkan dengan hebat dan panjang lebar. Kita bukan bagi 10 minit, kita bagi 1 jam pun ada, setengah jam pun ada untuk membincangkan akta ini. Tiba-tiba hari ini kita hanya datang untuk berkata bahawa ianya dimansuhkan kerana kononnya ini ialah Manifesto Pakatan Harapan. Manifesto yang besar ialah masalah rakyat sekarang, bukan yang ini. Ini kita kena ingat, kalau Tuan Yang di-Pertua perhati betul-betul, kita akan melanggar perintah Allah dan juga Al-Quran. Sebagaimana Allah berfirman dalam Al-Quran, [*Membaca sepotong ayat*

*Al-Quran*] “Kalau datang berita kepada orang fasik, orang fasik ini tidak benar, hendaklah kita berhati-hati”.

Itu sebab kita buat akta ini saya ingat sesuai dan kena pada tempatnya. Akan tetapi oleh kerana kerajaan sekarang melebihi sedikit kepada kami tetapi kalau pergi pilihan raya, kami akan dapat lebih. Kita hendak supaya benda ini dibincangkan di *select committee* di bawah 54(1). Oleh sebab kalau kita bawa dalam keadaan yang tergesa-gesa ini Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kena bayangkan kami terpaksa baca seolah-olah kami ialah PhD *holders*, *few of us* betullah tetapi setengah itu *fake* sahaja. Akan tetapi kita diberi baca semua rang undang-undang kelmarin, kemudian hari ini hendak bincang. Jadi, Yang Berhormat bayangkan ini ialah suatu yang cukup menyukarkan akta ini, untuk kita mansuhkan akta ini. Akta Ibu tidak dibagi, kami terpaksa mencari ibunya, Akta ibu untuk membolehkan kami baca balik apa yang terjadi sebelum kita bincang perkara ini. Kita kena ingat, ini bukan satu benda yang mudah untuk mendapatkan Akta Ibu sebab ianya mungkin di mana-mana. Akan tetapi sepatutnya Parlimen sediakan supaya kami dapat berbincang dengan baik. Ini Tuan Yang di-Pertua yang baru dapat Tan Sri, saya mohonlah Tuan Yang di-Pertua dengan hebatnya untuk mempertimbangkan supaya perkara ini dibawa ke jawatankuasa *select committee*, dengan izin, sebelum dibincangkan di bawah Perkara 54(1). Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan segala hormatnya Yang Berhormat Arau, tidak ada usul pun di hadapan saya. Jadi...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tidak ada usul, pra-matang, pra-matang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita teruskan. Semalam ada usul, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua hendak teruskan atas alasan apa? Tuan Yang di-Pertua kena jawab 54(1). Saya kata bawa 54(1) kerana benda ini telah pun dibincangkan. Jadi, hari ini kita bawa 54(1) di atas dasar kerjasama. Kelmarin kami bekerjasama dengan kerajaan, kerajaan beri kerjasama dan Tuan Yang di-Pertua telah mendapat undi daripada kami, orang setuju 100 peratus supaya dibawa ke *select committee* semalam. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan cara tersalah membawa usul untuk Parlimen ini tidak ditangguhkan tanpa melihat bahawa sebenarnya ada usul Menteri, Menteri akan membawa usul untuk membawa kepada *select committee*. Akan tetapi- dan mereka

tidak bersatu padu untuk membincangkan perkara ini. Jadi, hari ini Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak mendapat panduan daripada mana-mana pihak tetapi saya minta supaya dibawa kepada *select committee*. Tabik Tuan Yang di-Pertua, tolong untuk kita bawa *select committee* dan kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai Speaker, saya tidak mempunyai kuasa untuk merujuk kepada mana-mana *select committee* kecuali ada usul di hadapan saya. Tidak ada usul, jadi perkara ini tidak berbangkitlah. Jadi, kita teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 54(1) tidak perlu usul Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlu. Semua perlu usul. Ya.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Yang Berhormat Arau ini macam baru masuk Dewan ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan lagipun rang undang-undang ini hanya melibatkan dua fasal sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya tahu tetapi Akta Ibunya besar ini, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya juga ingin menegur kepada 'Menteri Buluh' dan Timbalan Menterinya. Kita hendak pameran buluh, sebesar itu pameran, kerusi dua, tiga biji. Kita kena buat seluruh Parlimen ini penuh dengan buluh, barulah betul. Ini *you* buat itu, ini kraf tangan saya buat lebih besar daripada yang dibuat di Parlimen. Buat seluruh Parlimen ini buluh, hendak tunjukkan 330 bilion *market* buluh tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila bawa Yang Berhormat Arau ke pameran buluh. Silakan.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Waktu jawab soalan tadi Yang Berhormat Arau tadi tidak ada di dalam Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita memberi masa, silakan.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Kita sudah jawab soalan ini, buang masa ini Yang Berhormat Arau, sudahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Ini politik ini murah punya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya kita bincangkan 54(1), bawa *select committee*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukup. Ya silakan.



**12.18 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bantah bertujuan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [Akta 803] yang telah dikuatkuasakan pada 11 April 2018. Pemansuhan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk memansuhkan undang-undang yang zalim serta memastikan pihak media mempunyai kebebasan untuk menjalankan proses semak imbang terhadap pentadbiran kerajaan seperti mana yang terkandung dalam Janji 27 - Manifesto Pakatan Harapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan mengenai pemansuhan Akta 803 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2018 melalui Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 iaitu Rang Undang-undang 2018. Bacaan kali pertama Rang Undang-undang 2018 tersebut telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2018 iaitu semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas yang lalu. Manakala Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang 2018 telah dilaksanakan pada 16 Ogos 2018, seterusnya Rang Undang-undang 2018 diluluskan di Dewan Rakyat pada tarikh yang sama. Rang Undang-undang 2018 tersebut kemudiannya telah dibentangkan di Dewan Negara pada 27 Ogos 2018 dan 12 September 2018.

**■1220**

Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang 2018 tersebut tidak mendapat sokongan di Dewan Negara yang dibuat melalui undi belah bahagian menurut Peraturan Mesyuarat 45(4) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang keputusannya adalah seramai 21 orang menyokong, manakala 28 orang tidak menyokong dan tiga orang tidak mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, susulan penolakan Rang Undang-undang 2018 di Dewan Negara, Fasal 2 Perkara 68, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 ini hanya boleh dibentangkan untuk dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara selepas 16 Ogos 2019 iaitu setahun daripada tarikh Rang Undang-undang 2018 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Oleh yang demikian pembentangan Rang Undang-undang 2018 dibuat pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14.

Susulan penolakan Rang Undang-undang 2018 tersebut di Dewan Negara, Akta 803 masih berkuat kuasa. Oleh itu, mana-mana kes yang disiasat atau permohonan yang dibuat di bawah Akta 803 atau sebarang pertuduhan ketika ini masih lagi boleh diteruskan. Namun, Pendakwa raya ataupun Peguam Negara mempunyai budi bicara untuk menentukan kesalahan berita palsu, laporan palsu dan penyalahgunaan media sosial yang akan dituduh menurut undang-undang sedia ada. Antara lain seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588.

Sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak satu kes sahaja pertuduhan di bawah subseksyen 4(1) Akta 803 telah disabitkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Seterusnya tiga permohonan perintah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar di bawah subseksyen 7(1) Akta 803 telah didengar dan dilupuskan di mana sebanyak dua permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan satu lagi permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Melaka.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, proses penggubalan Akta 803 adalah singkat dan konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pengamal media dan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang pada waktu itu tidak dijalankan secara menyeluruh. Akta 803 telah digubal dalam satu tempoh kurang daripada tiga bulan iaitu bermula daripada penubuhan Jawatankuasa Khas Berkaitan Dengan Isu Penyebaran Berita Tidak Benar. Jawatankuasa khas pada 17 Januari 2018 sehingga tarikh ia dikuatkuasakan pada 11 April 2018. Tempoh penyediaan Akta 803 yang singkat ini juga telah tidak memadai untuk rundingan dijalankan bersama pihak-pihak berkepentingan ataupun *stakeholders* secara menyeluruh mengenai kesan dan implikasi perwujudan akta ini. Tambahan pula, jawatankuasa khas tersebut hanya bermesyuarat sebanyak tiga kali sahaja iaitu pada 24 Januari 2018, 7 Februari 2018 dan 13 Februari 2018 dalam tempoh tiga bulan tersebut.

Selain itu, hanya satu bengkel telah diadakan pada 12 Mac 2018 untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan penggubalan draf Undang-undang Anti Berita Tidak Benar 2018 bersama-sama dengan kementerian ataupun jabatan ataupun agensi kerajaan yang berkaitan. Semasa dalam bengkel tersebut, draf Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar 2018 buat kali pertama ditunjukkan kepada semua agensi kerajaan yang terlibat. Perkara ini jelas menunjukkan betapa kerajaan dahulu, Kerajaan Barisan Nasional begitu tergesa-gesa dalam menggubal dan meluluskan Akta 803. Maka tidak hairanlah jika mendapat reaksi negatif daripada rakyat dan pengamal media di negara ini.

Takrif berita tidak benar di bawah Akta 803 adalah terlalu luas. Akta 803 mentakrifkan berita tidak benar sebagai “termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea”. Takrif ini terbuka kepada pelbagai tafsiran yang boleh disalah guna terutamanya apabila ia melibatkan berita yang tidak sehaluan dengan pendirian kerajaan. Pengamal media tidak lagi bebas untuk menyiarkan berita ataupun menyuarakan pandangan yang bersifat kritikal terhadap kerajaan kerana bimbang berita tersebut akan dianggap sebagai berita tidak benar yang menyebabkan mereka boleh didakwa di bawah Akta 803. Keadaan ini boleh menyekat perkembangan minda masyarakat Malaysia untuk berfikir dan melontarkan idea kepada pengurusan dan pentadbiran di pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Akta 803 kuasa diberikan kepada mahkamah untuk membuat perintah untuk menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar atas permohonan secara *ex-parte* iaitu sebelah pihak. Dalam hal ini, mahkamah akan menghadapi kesukaran untuk menentukan sama ada sesuatu maklumat atau kenyataan merupakan maklumat atau kenyataan tidak benar secara muktamad, semata-mata atas permohonan secara *ex-parte* terutamanya apabila ia melibatkan perkataan yang terdedah kepada tafsiran yang pelbagai. Contohnya, kenyataan berkaitan sejarah yang ada kalanya berbeza mengambil kira sumber dan elemen politik yang menyelubungi penceritaannya.

Seterusnya, peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 803 berhubung dengan pemakaian luar wilayah membolehkan seseorang sama ada warganegara Malaysia atau tidak didakwa di Malaysia biarpun kesalahan di bawah Akta 803 dilakukan di luar negara sekiranya berita tidak benar itu adalah mengenai Malaysia atau orang-orang yang disentuh oleh perlakuan kesalahan itu adalah warganegara Malaysia.

Peruntukan ini, Akta 803 sukar dilaksanakan sekiranya individu yang melakukan kesalahan itu berada di luar Malaysia dan hanya boleh dituduh apabila dia berada di dalam negara ini atau jika tertuduh dapat dibawa ke negara ini melalui proses ekstradisi. Situasi ini melibatkan pemakaian undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621) dan Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) yang dilaksanakan dengan kewujudan perjanjian antara kedua-dua negara.

Seksyen 7(1) Akta 803 pula membenarkan mana-mana orang yang menjadi mangsa berita tidak benar mengemukakan permohonan secara *ex-parte* di mahkamah untuk mendapatkan perintah menghapuskan berita tidak benar tanpa memberitahu

kepada orang yang dituduh menyebarkan berita tidak benar itu. Namun, permohonan secara *ex-parte* ini juga tidak memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk hadir ke mahkamah bagi membicarakan dan menentukan adakah berita yang disebarkan itu adalah benar atau tidak, meskipun subseksyen 8(1) Akta 803 membolehkan pengetepian perintah di bawah seksyen 7 Akta 803 dibuat.

Keadaan ini membolehkan imej atau kredibiliti individu atau organisasi yang menerima perintah secara *ex-parte* di bawah seksyen 7 Akta 803 untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar walaupun mereka belum tentu melakukan kesalahan tersebut di samping ianya juga terbuka kepada penyalahgunaan proses mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan Akta 803 apabila penguatkuasaan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588 dan undang-undang berkaitan fitnah boleh dibuat dengan lebih menyeluruh dan efektif untuk membendung masalah berita. Kerajaan mempunyai pilihan untuk meminda peruntukan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan dan memperhalusi pemakaian dan keberkesanannya dalam menangani penyebaran berita palsu.

Masyarakat Malaysia seharusnya dididik untuk tidak mudah percaya kepada sebarang berita dan maklumat yang diterima tanpa terlebih dahulu mengambil langkah untuk membuat semakan dan kajian sebelum membuat sebarang penilaian. Perkara ini boleh diterapkan dalam diri setiap golongan masyarakat tanpa perlu adanya undang-undang yang menyekat penularan berita tidak benar sebagaimana Akta 803.

Kewujudan Akta 803 bersama undang-undang sedia ada boleh ditafsirkan sebagai dengan izin *over regulation* terhadap hak untuk bersuara seperti yang telah pun terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Dari sudut penggubalan undang-undang, menurut *G.C Thornton* dalam *Legislative Drafting, 5th Edition* di perenggan 7.34 di muka surat 157 antara lain menyatakan;

*“The first step is to consider whether further legislation is in fact necessary or whether the desired ends might not be capable of achievement wholly or in part either by administrative means or under existing legislation. If legislation is enacted that is not needed, that is a clear waste of time and therefore money and swells the volume of the statute book unnecessarily. In particular, proposals to confer statutory powers on ministers or officials require scrutiny because it may be that those powers, or some of them may already exist under the common law or possibly under the other statute. Needless legislation must be discouraged.*

*Unnecessarily new legislation is not only useless, it is actively damaging. It adds to the statute book thus adding to the complexity of legislation and rendering its understanding and subsequent application, doubtful. It encourages the impression that the legislation is not significant enough to be preserved for priority policy issues, thus failing to draw the user's attention to a few, well-chosen statutes. It creates the false (fraudulent) impression that the government has dealt with the social issue whereas it clearly has not".*

■1230

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 telah dirangka bertujuan untuk memansuhkan Akta 803. Rang undang-undang ini mengandungi dua fasal sahaja di mana fasal 1 adalah berkenaan tajuk ringkas yang dicadangkan. Fasal 2 pula bertujuan mengenai peruntukan kecualian. Cadangan pemansuhan Akta 803 di bawah fasal 2 ini tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Pada tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini, apa-apa permohonan bagi suatu perintah di bawah Akta 803 yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini atau apa-apa prosiding yang berkenaan dengan permohonan itu yang belum selesai di bawah Akta 803 boleh diteruskan seolah-olah Akta 803 masih berkuat kuasa. Pada tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan apa-apa kesalahan di bawah Akta 803 yang belum selesai di bawah Akta 803 boleh diteruskan seolah-olah akta ini masih berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pemansuhan Akta 803 ini juga tidak akan membawa kesan secara langsung ke belakang dengan izin, *retrospective effect*. Oleh demikian, pemansuhan Akta 803 tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang telah dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang telah diambil di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Secara keseluruhannya, cadangan pemansuhan yang kini diusulkan adalah berasaskan kenyataan bahawa Akta 803 digubal bukan bersandarkan keperluan sebenar sekali gus ia telah gagal dengan izin, *by design* untuk memberi impak positif dalam mengawal penyebaran berita palsu. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Masa 20 minit. Sila.

**12.32 tgh.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian pada perbahasan pada petang ini walaupun Tuan Yang di-Pertua cukup bermurah hati pada tengah hari ini berikan saya 20 minit. Akan tetapi saya rasa saya ambil beberapa minit sahaja. Antara sebab yang saya rasa kita kena *straight to the point* untuk akta rang undang-undang pada tengah hari ini adalah kerana sebenarnya banyak isu yang berkaitan, hujah-hujah yang berkaitan berkenaan dengan pemansuhan kepada Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini telah dihujahkan, telah dikemukakan dan telah dibahaskan dan telah digulung pada 16 Ogos tahun lepas lagi.

Cuma kali ini ia bukan ulang tayang tetapi ikut prosedur kita kena ulangi semula disebabkan akta yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, Dewan Rakyat telah gagal mendapat kelulusan ataupun majoriti ketika ia dibawa ke Dewan Negara pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok Akta Antiberita Tidak Benar 2018 iaitu Akta 803 ia diluluskan ketika sesi Parlimen terakhir ketika rejim Barisan Nasional menjadi kerajaan iaitu ia berkuat kuasa pada 11 April tahun lepas. Tidak sampai tiga minggu sebelum penamaan calon untuk Pilihan Raya Umum Ke-14.

Kita nampak ketika penamaan calon tersebut, di antara yang telah diambil percakapan disiasat di bawah akta ini tidak lain tidak bukan adalah Yang Amat Berhormat Langkawi, Perdana Menteri ke-7 kita ketika itu. Bayangkan seandainya rakyat tidak memberikan mandat majoriti kepada Pakatan Harapan ketika PRU-14 pada 9 Mei tahun lepas, kita mungkin menghadapi satu situasi di mana Yang Amat Berhormat Langkawi sekiranya, seandainya beliau tidak menjadi Perdana Menteri dan kita tidak tukar kerajaan, beliau mungkin akan didakwa. Ada kemungkinan sebab telah disiasat ketika itu.

Jadi kita nampak penggubalan akta ini sendiri dalam keadaan yang gopoh, tergesa-gesa. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan, telah memberikan sedikit latar belakang bagaimana akta ini ia digubal dan latar belakang berkenaan dengan akta ini jelas menunjukkan ia bermotifkan politik. Ia mempunyai unsur-unsur politik untuk membolehkan kerajaan ketika itu untuk mendapat *advantage*, mendapat kelebihan menjelang PRU-14.

Oleh sebab keadaan itu kita tahu, *mood* rakyat untuk perubahan cukup tinggi. Kemarahan rakyat terhadap kerajaan ketika itu cukup tinggi yang membolehkan dan menyebabkan kerajaan terpaksa memikirkan suatu cara kononnyalah antiberita palsu untuk dijadikan sebagai satu alat untuk menekan kebebasan bersuara rakyat terutamanya menjelang kempen PRU-14 pada tahun lepas. Saya menyambut baik...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta pencilahan sedikit.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sebelum ini saya ingat perbincangan tahun lepas atau awal tahun ini ketika Yang Berhormat Pontian berbincang saya ada tanyakan dia satu soalan tetapi dia tidak mahu jawab. Apabila Yang Berhormat Pontian menggesa bahawa akta ini dikekalkan dengan niat murni kerana rakyat sepatutnya mendapat berita benar, saya tanya dengan dia OSA, Akta Rahsia Rasmi dengan sendirinya menghalang rakyat untuk mendapat maklumat yang benar. Akan tetapi beliau tidak jawab.

Jadi, apakah Yang Berhormat Rasah setuju bahawa OSA juga sepatutnya dipertimbangkan. Tidak semua dokumen yang sepatutnya termasuk dalam OSA.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** MP Kangar sijil palsu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mana ini? Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Akan tetapi ini dari Perlis ini walaupun dia orang muda, cara dia cukup munasabah. Dia mentaliti yang bagus dan bagi saya bukan setakat OSA sahaja, banyak lagi akta yang perlu dimansuhkan selaras dengan janji ke-27 dalam Buku Harapan, Manifesto Pakatan Harapan. Walaupun akta ini, Akta 803 yang kita hendak mansuhkan, yang kita hendak bahaskan pada tengah hari ini tidak termasuk dalam Buku Harapan. Sebab apa tidak termasuk dalam Buku Harapan, dalam janji 27?

Oleh sebab apabila janji ataupun Buku Harapan tersebut digubal dan dilancarkan, belum lahir lagi akta ini. Jadi ia hanya dibentangkan, diluluskan dan dikuatkuasakan selepas Buku Harapan dilancarkan. Jadi bagi saya, pemansuhan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk membentangkan rang undang-undang ini kali kedua dalam Dewan Rakyat pada hari ini jelas menunjukkan komitmen daripada

Kerajaan Pakatan Harapan untuk sungguh-sungguh dalam melaksanakan janji ke-27 dalam Buku Harapan dan ia juga selaras dengan pendemokrasian institusi ataupun memberikan ruang demokrasi yang lebih luas kepada rakyat Malaysia khususnya dalam bab kebebasan bersuara yang mana ia adalah hak asasi yang terkandung, yang diberikan di bawah Artikel 10 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya berasa kesal sebab sepatutnya ia tidak dibentangkan semula pada hari ini seandainya Dewan Negara yang masih dikuasai oleh pihak pembangkang hari ini yang mana merupakan rejim kerajaan lepas telah meluluskannya pada tahun lepas lagi. Jadi, saya mohon merekodkan kenapa kita hendak bentang balik, hendak bahas balik semula di Dewan Rakyat disebabkan pembangkang hari ini sebenarnya tidak bersetuju untuk memberikan ruang kebebasan bersuara dalam sistem demokrasi yang lebih luas kepada rakyat Malaysia. Jadi terpaksa hari ini...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Rasah, minta...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya tidak bagi ruang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh beri ruang?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya tidak bagi ruang.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sedikit, sedikit. Saya hendak *quote* kenyataan tadi.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya tidak bagi ruang. Nanti boleh bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia tidak bagi. Ahli Yang Berhormat yang lain boleh sabar? Nanti saya berikan giliran.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sehingga hari ini, kerajaan kita tahu ikut Perlembagaan Persekutuan kita khasnya di bawah Perkara 68 sebab ini kali kedua tanpa memerlukan kelulusan daripada Dewan Negara. Rang undang-undang ini selepas diluluskan hari ini oleh Dewan Rakyat ia akan menjadi sebahagian daripada undang-undang selepas ini.

#### ■1240

Jadi saya menyambut baik pembentangan rang undang-undang ini. Cuma satu saya hendak berikan satu teguran ataupun pandangan saya walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika membentangkannya sebentar tadi mengatakan bahawa apa-apa pendakwaan ataupun siasatan ia akan diteruskan, tidak terkesan, tidak terjejas dengan keputusan kita pada hari ini.



Saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada menyatakan ada satu kes yang didakwa setakat ini di Mahkamah Sesyen, saya mohon pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan, memberikan sedikit huraian kes tersebut. Walaupun ia telah didakwa di mahkamah tapi bukan hendak bincangkan apa keputusan dan sebagainya, hendak tahu kes berkenaan siapa yang tertuduh dalam kes tersebut dan ia berkaitan dengan perkara apa.

Saya mohon kalau boleh segala siasatan yang masih lagi diteruskan itu *immediately* kena diberhentikan supaya ia benar-benar memberikan kesan, memberikan semangat terhadap apa yang kita hendak putuskan dalam Dewan Rakyat pada hari ini. Jadi bagi saya ia satu yang patut disokong oleh semua Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia pada hari ini sebab ia sebagai satu langkah untuk kita memberikan ruang demokratik yang lebih besar kepada rakyat Malaysia dalam melaksanakan ataupun menjalankan hak kebebasan bersuara masing-masing.

Pada ketika yang sama saya juga berharap supaya lebih banyak akta-akta zalim yang telah diguna pakai selama ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kangar tadi yang mana yang tersenarai dalam janji ke-27 Buku Harapan, Manifesto Pakatan Harapan dapat dimansuhkan dalam keadaan yang segera supaya kita benar-benar mengembalikan hak demokrasi kepada semua rakyat Malaysia dan saya percaya masih ada undang-undang yang terpakai di Malaysia yang boleh digunakan untuk menghukum mereka yang bersalah dalam melaksanakan ataupun mengakibatkan kesalahan ataupun ketidaktenteraman dalam masyarakat majmuk negara kita.

Jadi saya mohon menyokong, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang sila.

**12.43 tgh.**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** 20 minit.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih diberikan peluang sebagai pembahas pertama dari pihak blok pembangkang dalam perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya kepada kerajaan yang mana saya dengar apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sejauh manakah kerajaan telah meneliti impak masalah berita tidak benar dan bagaimanakah kerajaan akan menangani masalah ini setelah akta ini dimansuhkan kelak. Kenapa hanya dilakukan sesuatu sebagai langkah populis sahaja. Saya dengar sahabat saya sebelum ini telah berbahas berkenaan dengan niat kononnya rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang bersifat niat jahat.

Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok daripada inisiatif seluruh dunia, kebanyakan negara pada hari ini mempunyai banyak undang-undang antiberita tidak benar seperti dengan izin Argentina, Brazil, Kanada, China, Egypt, France, Germany, Israel, Japan, Kenya, Nicaragua, Rusia, Sweden dan United Kingdom. Maksudnya di sini bahawa kerajaan banyak negara memahami bahawa berita tidak benar adalah satu perkara yang begitu membahayakan, yang boleh juga mewujudkan masalah demokrasi dalam sesebuah negara.

Hari ini bila kita berhadapan dengan berita tidak benar, platform sosial media yang begitu laju Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan bahawa antiberita tidak benar ini boleh dilihat sebagai salah satu daripada senjata yang boleh mewujudkan bukan saja ketidaktenteraman tetapi peperangan antara rakyat sesebuah negara demokrasi. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua saya berdiri di sini sebagai mantan Menteri yang bertanggungjawab dalam kewujudan antiberita tidak benar dan tanggungjawab saya pada hari ini untuk menerangkan kebanyakan salah faham yang telah dinyatakan oleh banyak-banyak pihak tentang antiberita tidak benar ini, tentang akta ini.

Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri sebab kalau kita tengok dalam *blue bill* ini rang undang-undang, yang mana dalam perenggan yang disebut itu perenggan Pemansuhan dan Pengecualian kalau kita lihat dalam (4), "*pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini apa-apa penyiasatan, pendakwaan dan prosiding berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah akta yang dimansuhkan yang sebelum selesai di bawah akta yang dimansuhkan boleh diteruskan seolah-olah akta yang dimansuhkan masih berkuat kuasa* "

Jadi saya soalan kedua saya Yang Berhormat Menteri, apakah erti dalam kata ini. Adakah tidak kerajaan sepatutnya kalau percaya bahawa rang undang-undang ini satu rang undang-undang yang zalim sepatutnya kerajaan melihat kepada rang undang-undang yang ada dalam negara kita seperti undang-undang di bawah kanun keseksaan sebagai contoh, untuk diganti kepada tuduhan-tuduhan yang telah dibuat di bawah akta ini. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kerajaan untuk memberikan jawapan

kepada soalan ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa rang undang-undang ini bila dibawa oleh kerajaan sebelum ini objektifnya digubal bertujuan melindungi mereka yang menjadi mangsa kepada berita palsu untuk mendapatkan keadilan. Malah tiada bukti yang menunjukkan bahawa akta ini telah disalahgunakan oleh kerajaan sebelum dan menzalimi mana-mana pihak. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua ingin saya nyatakan bahawa dengan izin, *this law is not intended to restrict the freedom of speech, but to restrict the dissemination of fake news.*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihatlah pada tahun 2015 kalau saya tidak silap, ada juga beberapa Yang Berhormat dalam Dewan ini yang menjadi mangsa. Apabila Yang Berhormat tersebut adalah Yang Berhormat kepada Parti Pembangkang masa dululah tahun 2015, menjadi mangsa kepada *fake news* dan saya juga ingin menyatakan kepada pihak kerajaan, kita hendak tanya pada hari ini kalau kita tengok secara rasionalnya Tuan Yang di-Pertua bila bercakap tentang berita palsu realitinya tiada mana undang-undang yang boleh dilihat boleh secara menyeluruh membantu menyelesaikan masalah berita palsu terutama sekali dalam platform sosial media contohnya *Twitter, Facebook* dan *Instagram*.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat kepada Netflix ia ada satu siaran dokumentari. Mereka menyatakan banyak negara menggunakan sistem sosial media untuk membaca kelakuan mereka yang menggunakan sosial media. Contohnya, kalau katakan Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau sebelah saya tadi daripada mula saya masuk sampai sekarang dia tengah baca Al-Quran. Saya tidak tahu mungkin dalam telefon dia itu banyak sunah-sunah yang dia lalui ataupun berlainan saya tidak tahu tetapi daripada *behaviour pattern* cara dia, kata orang apa dia [*ketawa*] – maksud saya Tuan Yang di-Pertua bukan saja kata janggut dia itu begitu panjang dan putih sekarang tapi maksud saya *behaviour pattern* telefon dia kalau kata MCMC kaji mungkin menunjukkan sifat orang yang penuh dengan beriman, kononnya. Ini teknologi betul tidak saya tidak tahulah mungkin kata orang alim-alim kucinglah, saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan boleh?

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** [*Ketawa*] Sekejap saja berapa minit lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekejap saja ada dua benda.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Fasal janggut panjang boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pertama, apakah Yang Berhormat sedar Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi mangsa kepada berita palsu. Sekurang-

kurangnya akta ini boleh menyelamatkan dia, orang tuduh dia macam-macam. Padahal dia orang yang terbaik kelmarin dialah yang telah *[ketawa]* mengesyorkan supaya ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih daun keladi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Rang undang-undang kelmarin dibawa pada *Select Committee*.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Betul kah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Walaupun Tuan Yang di-Pertua yang dua orang yang awal itu tergantung tidak tahu ke mana hendak bawa tetapi dia jawab 2.30 petang selepas itu dia pergi balai polis. Walau bagaimanapun, dia telah menjadi mangsa kepada berita palsu. Apakah kita sedar bahawa semua kita ini tidak sedar bahawa kita menjadi banyak berita palsu.

Ini cuba tengok ini *[sambil menunjukkan sehelai kertas]*. Ini Menteri Komunikasi dan Multimedia. Menteri Komunikasi dan Multimedia baru keluar kenyataan, "*akan mencadangkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen ditubuhkan untuk perangi berita palsu*" ' Ini Menteri Komunikasi dan Multimedia jawab. Kemudian..

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasihlah Yang Berhormat Arau tapi panjang sangat saya 13 minit ini. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Keduanya, Lim Kit Siang bukan...

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Arau duduk Yang Berhormat Arau duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** DAP mencadangkan..

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Ya Yang Berhormat Arau tidak apa Yang Berhormat Arau nanti Yang Berhormat Arau punya platform.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jawatankuasa Pemilih..

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Macam mana ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap *[ketawa]*.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Pengerang jangan sebut nama Yang Berhormat Arau bila..

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Dia sudah tekan 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau nanti tunggu giliran. Bagi masa kepada Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua kena bagi saya tambahan lima minit sebab Yang Berhormat Arau hendak berikan penjelasan.

## ■1250

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap di sini. Cuba kita tengok akta ibu yang ada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cakapkan kepada kerajaan bahawa akta ibu yang ada ini sebenarnya memberikan interim *order* sebagai contoh. Jikalau kita tengok dari segi denda yang begitu tinggi adalah sebagai dengan izin, *deterrence factor*. Hari ini saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak kes berita tidak benar di bawah pihak Polis Diraja Malaysia dan MCMC dalam fail *No Further Action* (NFA).

Saya minta pada Yang Berhormat Menteri, telefonlah PDRM dan MCMC dan mereka akan berkata pada hari ini bahawa undang-undang yang sedia ada pada hari ini tidak mampu membantu mengurangkan berita tidak benar dalam aspek teknologi maklumat. Itu *submission* saya Tuan Yang di-Pertua. *Ala* lagi seorang Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Dua minit, dua minit.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, saya terus kepada soalan ya. Minta penjelasan kerana saya dapati apa yang Yang Berhormat Timbalan menteri sampaikan tadi ya, dia hendak mansuhkan terus. Bagaimana kita hendak mengawal berita-berita palsu yang betul-betul palsu? Maksud saya, seorang itu boleh sebarkan berita tidak benar, selepas itu dia nafikan macam itu dan kita tahu bahawa *IP address*, *URL* kita dapat *trace* dan dia terus nafikan. Jikalau dengan cara ini, berita palsu itu diteruskan, saya rasa dia akan membawa padah kepada kita, ini pandangan Yang Berhormat.

Kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Pada 1 April dia janji pada saya, dia cabar saya. "*Eh! Tulislah surat kepada SPRM dengan polis*". Saya sudah enam bulan tulis surat tentang masalah terowong yang Raja Petra cakap benar atau tidak, kalau tidak benar ambil tindakan terhadap Raja Petra. Kenapa sehingga hari ini sudah enam bulan tidak boleh dapat. Jikalau itu berita tidak benar, kenapa 'Gadarajah' berpandukan apa yang ditulis oleh IPK, dia *dicharge* di mahkamah 72 tuduhan. Jikalau benar, kenapa yang lain tidak ada tindakan pun, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam, sebab itu apa yang sebenar

yang dilakukan oleh rang undang-undang ini adalah memberi kuasa kepada mahkamah untuk menentukan sama ada berita itu benar atau tidak.

Saya hendak beri contoh Singapura, mereka ada satu undang-undang baru untuk berita tidak benar, yang menentukannya adalah Menteri iaitu kerajaan. Itu boleh dilihat sebagai senjata politik kerajaan. Akan tetapi pada hari ini kalau kita tengok Antiberita Tidak Benar, mungkin Yang Berhormat sebelum saya mengatakan bahawa Dewan Negara penuh dengan Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Kononnya memberikan sabotaj kepada pemansuhan rang undang-undang ini, tetapi bagi saya hari ini persoalannya apakah undang-undang yang telah diwujudkan *or* yang akan diwujudkan untuk menggantikan rang undang-undang berita tidak benar ini.

Pada hari ini, apa yang akan diwujudkan untuk diganti. Undang-undang yang ada pada hari ini contohnya, undang-undang di bawah *Multimedia Act* sebagai contoh, undang-undang di bawah Kanun Keseksaan tidak mencukupi Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri bincang dengan wakil *Facebook*, wakil *Twitter*, wakil *Instagram*, wakil *Yahoo*, semua berkata bahawa mereka tidak boleh menurunkan berita palsu.

Apa yang berlaku sekarang ialah sesiapa yang merasakan mereka difitnah, mereka tidak boleh beritahu, beri maklumat kepada *Facebook* kah, kepada *Twitter* kah bahawa berita itu palsu. Oleh sebab itu kompromi yang dibuat oleh kerajaan pada masa dahulu memberikan perintah mahkamah yang memberikan keputusan bahawa berita itu palsu ataupun tidak.

Tidak ada langsung di dalam rang undang-undang ini, kuasa diberikan kepada Menteri ataupun kuasa diberikan kepada agensi kerajaan. Mahkamah adalah entiti yang terbaik memberikan penentuan, sama ada undang-undang itu— maaf, sama ada kenyataan itu palsu ataupun tidak. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji dengan sedalam-dalamnya, rang undang-undang ini juga mempunyai *interim order*.

Tuan Yang di-Pertua, fitnah sosial media ini Tuan Yang di-Pertua begitu laju, begitu laju dalam sesaat dia bergerak. Di Amerika Syarikat, hari ini Presiden Donald Trump dituduh menipu menjadi Presiden Amerika Syarikat kerana sosial media. Kononnya beliau bersahabat dengan Kerajaan Rusia dengan Vladimir Putin menggunakan teknologi maklumat. Bukan sahaja membaca pengundi, tetapi memberikan berita-berita palsu supaya pengundi mengundi ke arah pendekatan yang dicadangkan oleh beliau.

Pada hari ini Hillary Clinton yang kalah sebagai Presiden Amerika Syarikat menyatakan bahawa Presiden Trump adalah penipu yang paling nombor satu di Amerika Syarikat. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, teknologi maklumat ini sesuatu

yang bahaya dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri, walaupun Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa undang-undang ini adalah senjata politik, undang-undang ini akan digunakan untuk kata orang mewujudkan ketakutan kepada sistem media dalam negara kita, saya ingin menyatakan bahawa, apa yang dikatakan Yang Berhormat Menteri itu agak tidak tepat.

Jikalau kita bandingkan dengan undang-undang yang ada pada hari ini, soalan saya seterusnya kepada Yang Berhormat Menteri, daripada hendak buang Antiberita Tidak Benar, mengapa tidak dibuangkan Akta Hasutan? Jikalau hendak dibuangkan Antiberita Tidak Benar, banyak lagi undang-undang pada hari ini yang dinyatakan dalam manifesto Pakatan Harapan adalah undang-undang yang zalim, mansuhkan. Mansuhkan undang-undang tersebut kalau mereka berani, tetapi saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** kerajaan... Oh! sahabat saya dalam... silakan, dua minit boleh?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Pengerang, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak tanya soalan berkenaan dengan *the possible abuse* dengan izin Tuan Yang di-Pertua oleh Undang-undang *Anti-Fake News*. Sekiranya kami menggubal satu undang-undang untuk *Anti-Fake News*, apakah cadangan Yang Berhormat Pengerang agar kerajaan *of the day* tidak mengguna pakai undang-undang tersebut bagi tujuan politik.

Seperti mana yang Yang Berhormat Pengerang tahu, pada masa kerajaan dahulu, apabila undang-undang ini *dipropose* pada masa itu, ada menjadi maklumat orang ramai bahawa isu 1MDB merupakan satu isu yang sensitif. Kami juga di sini tidak dapat membahaskan isu tersebut dan sekiranya maklumat berkenaan 1MDB diterbitkan ataupun disiarkan, ini boleh dijadikan *fake news*. Itu jelasnya satu *abuse of fake news law*. Jangan tersilap apa yang saya kata. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pengerang, bagaimana? Itu merupakan salah satu hakikat. Bagaimanakah sekiranya kami menggubal Undang-undang *Anti-Fake News*, bagaimanakah ataupun cadangan Yang Berhormat Pengerang bagi *government of the day* tidak kiralah *government* mana untuk tidak menyalahgunakan undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih sahabat saya, dia adalah Pengerusi *Select Committee* dalam *law reform*. Memang betul kalau hendak

bercakap tentang *abuse*, semua undang-undang adanya pendekatan penyalahgunaan oleh pihak berkuasa. Akan tetapi perbezaan Antiberita Tidak Benar ini jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat yang pertama ialah ia boleh menyelesaikan *minimize the abuse* disebabkan yang menentukan adalah mahkamah, bukan kerajaan. Maknanya, tidak adanya tanggungjawab agensi kerajaan ataupun Menteri menentukan perkara itu *fake or not*. Jadi, *abuse* itu kurang, yang menentukan adalah mahkamah.

Pada hari ini, kes AMLA sebagai contoh, banyak orang kata UMNO ambil duit 1MDB tetapi tidak diputuskan lagi bahawa duit 1MDB diberi kepada pemimpin-pemimpin UMNO sebagai contoh. Jadi, isu yang saya nyatakan di sini mahkamah yang menentukan sama ada benda itu *fake* ataupun tidak. Itu dicadangkan dalam rang undang-undang ini kerana mahkamah ialah badan yang paling bebas yang dapat menentukan sama ada perkara itu *fake or not*.

Saya dimaklumkan oleh *Facebook* dan juga *Twitter* bahawa mereka akan hanya mengeluarkan cerita-cerita *fake news* apabila adanya perintah mahkamah. Ini disebabkan mereka takut kalau banyak sangat *complain* yang dibuat ,boleh juga digunakan oleh mereka yang berniat tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, saya ada sahabat saya, anak dia begitu cantik, orang ambil gambar guna muka, badan lain sebab hendak menggoda orang-orang lain. *That's fake news*. Jikalau dia ada rang undang-undang ini, dia boleh pergi ke mahkamah, *she can go to court*. Dia boleh tunjuk kepada mahkamah dan dia boleh panggil mereka yang cuba memberikan maklumat palsu tentang diri dia.

Akan tetapi pada hari ini, dia pergi ke MCMC, MCMC tolak. MCMC suruh pergi ke polis, polis suruh pergi ke MCMC dan setiap hari *this young girl student* merana sebab mukanya dipakai dalam sosial media. Jadi, ia tidak ada platform untuk pergi dan menarik supaya ini dilihat sebagai berita palsu. MCMC, PDRM saling menyatakan buatlah laporan. Laporan demi laporan demi laporan. Tindakan tidak pernah dibuat. Jadi, di sini Yang Berhormat sahabat saya. Rang undang-undang ini membantu rakyat. Ia tidak dilihat sebagai senjata politik. Rakyat difitnah, individu difitnah, kita boleh difitnah. Macam-macam yang boleh berlaku.

Kalau hendak menunggu agensi MCMC, hendak menunggu polis, berbulan-bulan kes-kes yang dilaporkan tidak dapat diselesaikan sebab mereka terlampau banyak kes-kes. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Menteri, mungkin lepas ini mungkin Yang Berhormat boleh dapat semua laporan daripada MCMC dalam laporan *fake news* dan daripada polis, semua laporan *fake news* Yang Berhormat sendiri siasat berapa banyak NFA dan berapa banyak adanya kes-kes yang boleh didakwa.



Saya dimaklumkan oleh budak kecil ini. Budak yang *this young girl*. Dia pergi ke polis. Polis *respons* kita hanya akan *react* kalau adanya gambar diguna dalam kes-kes pornografi. Jadi, maknanya PDRM akan hanya bergerak jika adanya kes-kes kenamengena dengan kes-kes pornografi iaitu seksual.

Sebenarnya, kadang-kadang *fake news* ini mungkin pada kita *it is a small matter* tetapi pada yang lain *it is a big matter*. Jadi, di sini rang undang-undang ini membantu individu rakyat Malaysia supaya ia dapat membersihkan reputasi mereka, itu sahaja. Tidak ada langsung niat dan saya dimaklumkan, *if I can remember* hanya satu kes iaitu kes budak yang *non-Malaysian* ini didenda di bawah *fake news* ini disebabkan dia mempamerkan kononnya cerita-cerita tidak benar dalam tindakan polis yang begitu lambat dalam satu kes jenayah. Itu sahaja.

Akan tetapi tidak ada langsung kes-kes politik. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa ketakutan pada *fake news* ini adalah kerana kes politik tetapi bagi saya, asalkan ada Akta Hasutan, macam-macam kerajaan boleh lakukan tindakan.

Itu sebabnya, sebelum saya menutup perbincangan saya Tuan Yang di-Pertua yang ada lagi 50 minit. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Pengerusi, 40 saat. Yang Berhormat Pengerusi bahawa walaupun kerajaan hendak mansuhkan rang undang-undang ini seperti yang di- kerajaan menarik balik Undang-undang GST. Kerajaan memasukkan balik Undang-undang SST.

Jadi, dengan ini saya harap Yang Berhormat Menteri akan memasukkan ataupun menjawab apakah cadangan kerajaan. Kalau kerajaan tidak boleh buat, biarlah Yang Berhormat sahabat saya pengerusi *law reform* boleh bawa semua daripada kedua-dua pihak untuk membincangkan penyelesaian kepada undang-undang *fake news* tetapi kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi antara entiti yang paling bermasalah di sini adalah mereka-mereka yang menjalankan aktiviti di *Facebook*, di *Twitter* dan juga *Instagram*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa dengan izin, "*fake news is bad news and there is confiscated this information there are problematic in democratic system which you promote the dissemination of true news in order to build public trust and to correct fake news and misinformation to the public*".

Dengan itu saya mengharap bahawa kerajaan mempertimbangkan penyelesaian yang cepat kepada rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, majlis Mesyuarat akan disambung 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan. Saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang, kemudian ikuti oleh Yang Berhormat Setiu dan diikuti oleh Yang Berhormat Bukit Bendera.

**2.32 ptg.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019.

Setahun yang lepas, saya telah menyokong usaha kerajaan yang baharu untuk memansuhkan Akta 803 iaitu Akta Antiberita Tidak Benar yang digubal dan diluluskan oleh kerajaan sebelum ini Barisan Nasional. Hari ini, setahun lebih, saya berdiri dalam Dewan ini juga untuk menyokong usaha kerajaan yang baharu ini untuk menghapuskan Akta 803 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar ini merupakan satu hadiah kerajaan yang baharu kepada rakyat termasuk juga kepada parti-parti pembangkang sekarang sama ada pemimpin mereka, anggota mereka dan penyokong-penyokong mereka. Kenapa saya kata begitu? Undang-undang yang digubal pada sesuatu ketika, ia tidak wujud begitu sahaja. Ia ada latar belakangnya. Kita tinjau semula apa yang berlaku pada dan sebelum Akta 803 ini digubal oleh kerajaan yang terdahulu.

Pada ketika itu, kita lihat pada tahun 2013 dan sebelumnya, isu yang begitu ketara yang menjadi polemik dibahaskan iaitu isu NFC, lembu, kondo dan sebagainya. Kemudian kita lihat berikutnya iaitu isu-isu penyelewengan di dalam badan-badan seperti FELDA, MARA, penyelewengan di dalam Tabung Haji, isu-isu skandal penyelewengan pembelian dua kapal selam dari Perancis, Scorpene dan kemuncaknya ialah isu skandal besar, mega bertaraf dunia iaitu 1MDB.

Isu 1MDB ini terutama muncul begitu jelas menjadi fokus sejak Pilihan Raya Umum Ke-13 pada tahun 2013 membawa kepada tahun 2018. Dewan Parlimen ini menyaksikan semasa isu 1MDB ini berada di peringkat yang genting di mana Ahli-ahli

Parlimen daripada pembangkang waktu itu ingin membawa isu 1MDB ini supaya dibentangkan dan dibahaskan di Dewan yang mulia ini telah ditolak. Rakyat marah. Bukan sahaja ahli-ahli politik marah terutama di pihak pembangkang, *civil society*, masyarakat madani juga marah. Kalau di Parlimen pun tidak boleh hendak bahas isu-isu negara, penyelewengan yang berpuluh-puluh bilion ini, di mana lagi tempatnya?

Pada waktu itu, satu perkara yang kerajaan tidak boleh kawal iaitu revolusi teknologi di mana rakyat Malaysia, khususnya anak-anak muda, golongan dewasa, rakyat ada senjata baharu waktu itu iaitu *smart phone* atau telefon pintar. Pada waktu itu, rakyat sudah dikenalkan dengan *Facebook*, *Whatsapp application*, *Twitter*, *Instagram*, rakyat boleh menulis di dalam *blog*. Pada waktu itu, rakyat mendapatkan satu *avenue*, satu saluran baharu untuk meluahkan pandangan mereka. Jadi, ini amat menggerunkan kerajaan pada waktu itu.

Dalam keadaan yang beginilah, di mana Parlimen tidak boleh bincang kes 1MDB waktu itu, semua kena tutup mulut, Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini diperkenalkan, diluluskan dengan begitu segera dan undang-undang ini terlalu keras sifatnya dan ia bercanggah dengan hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan kita. Perkara 10(1)(a) yang memberikan hak kepada rakyat untuk bebas bersuara, melahirkan pandangan mereka telah nampaknya cuba ditekan melalui Akta 803 ini.

Pada waktu itu, pihak pembangkang pada waktu itu bersama-sama dengan *civil society*, bersama-sama dengan rakyat berazam perkara ini tidak boleh diteruskan. Sekiranya berlaku perubahan kerajaan, kerajaan yang baharu mesti lupuskan, mesti mansuhkan akta yang bersifat menekan rakyat dan kebebasannya. Ini yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebaik sahaja diangkat oleh rakyat menjadi kerajaan yang baharu dan berjanji membentangkan rang undang-undang pemansuhan itu dan diluluskan di Parlimen, di Dewan Rakyat ini, dibawa ke Dewan Negara tetapi ditolak.

■1440

Ini peruntukan Perlembagaan, kita akur tetapi tempoh satu tahun.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*]

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Sila. Sila.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya hendak dapatkan penjelasan. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa akta ini dibuat semata-mata untuk menutup isu 1MDB? Kalau akta ini tidak ada, kalau ada fitnah ataupun berita palsu yang melibatkan siapa juga, boleh

ataupun tidak kita gunakan akta-akta yang lain selain daripada akta ini? Itu yang pertama. Kedua, saya tanya ini saya sahaja tanya. Adakah ini berita palsu ini? Yang Berhormat Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Iskandar Puteri, yang mengatakan DAP tubuh Jawatankuasa Khas Perangi Berita Palsu ciptaan UMNO dan PAS. Mengapa pula DAP hendak sibuk-sibuk tubuh jawatankuasa untuk memerangi berita palsu sebab UMNO dengan PAS? Adakah ini juga berita palsu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang, sila.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya jawab pada pertanyaan Yang Berhormat Tanjong Karang. Iaitu bukan di negara kita ini kita hendak jadi sebuah negara yang membenarkan anarkis, tidak ada undang-undang, bebas lepas begitu sahaja tanpa tanggungjawab. Tidak. Negara ini negara yang ada Perlembagaan, ada undang-undang, ada Keluruhan Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang yang selalu disebut *rule of law*. Jadi begini, berita yang palsu itu kita semua tidak setuju. Bukan sahaja ia palsu, ia boleh memangsakan mangsa-mangsa yang jadi sasaran. Adakah pihak negara, pihak kerajaan, pihak masyarakat biarkan begitu sahaja? Tidak. Kita ada undang-undang yang sedia ada yang selama ini sejak merdeka diguna pakai sehinggalah pada pilihan raya yang lalu, sebelum Akta 803 ini digubal.

Misalnya, Kanun Keseksaan (Penal Code), lebih 500 seksyen dalam *Penal Code* itu. Dalam seksyen-seksyen yang tertentu mempunyai peruntukan iaitu misalnya fitnah jenayah, *criminal defamation* boleh digunakan. Kemudian ada akta yang lain, Akta Komunikasi dan Multimedia. Sesiapa yang *posting message* melalui *Facebook* atau *Twitter* yang boleh menghina pihak-pihak tertentu, yang boleh menyatakan yang tidak benar kepada pihak tertentu, termasuk kepada pihak keluarga diraja dan sebagainya. Akta ini boleh digunakan di bawah seksyen 233 akta tersebut. Ramai orang yang disiasat, diheret, dipenjarakan kerana menyebarkan, *posting messages*, tulisan-tulisan yang bersifat tidak benar yang mencederakan nama baik pihak-pihak tertentu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, terima kasih. Itulah jawapan yang saya hendak dengar. Jadi, Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak? Tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat seolah-olah Akta Anti Berita Tidak Benar ini dibuat kerana hendak melindungi kes 1MDB lah, kes penyelewengan MARA lah, kes beli kapal selam lah dan semua ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa akta ini ditubuhkan tiada kaitan dengan isu-isu Yang Berhormat bangkit tadi? Oleh sebab kalau

tiada akta ini pun mereka yang menyebarkan fitnah boleh didakwa di bawah akta-akta Yang Berhormat nyatakan tadi. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ya. Jawapan saya, benar. Iaitu tanpa ada Akta 803 ini yang kita ingin mansuhkan ini, negara, kerajaan, agensi penguat kuasa boleh bertindak ke atas pihak-pihak yang menimbulkan bukan sahaja berita itu palsu tetapi berita itu bersifat jenayah sama ada *criminal* ataupun sivil. Misalnya, *posting* berita tidak benar kalau yang bukan bersifat jenayah, boleh adakan tindakan prosiding sivil, *defamation* dan sebagainya. Kita ada mahkamah. Kita tidak mahu negara kita ini menjadi sebuah negara macam zaman Hitler, terlalu banyak undang-undang Nazi. *Control* rakyat. Kita tidak mahu begitu, *overregulated*.

Maknanya, yang penting ialah pendidikan. Saya ada membaca satu tulisan, pandangan seorang wartawan veteran kita, saudara Kadir Jasin, penasihat media kepada Perdana Menteri. Beliau menyatakan walaupun tiap-tiap hari ini berita-berita boleh dapat dengan mudah melalui *handphone*, melalui *Facebook* dan sebagainya tetapi rakyat sekarang sudah cenderung semula ingin mendapat sumber yang sahih iaitu media *mainstream*. Maknanya, surat khabar-surat khabar yang boleh dibaca, surat khabar hitam putih bertulis, televisyen dan sebagainya. Kenapa? Surat khabar-surat khabar seperti apa pun juga namanya, *Utusan Melayu*, *The Star*, *Berita Harian*, *Sinar Harian*, *The New Straits Times*, *The Sun* dan sebagainya. TV1, TV2, TV3, ini media massa *mainstream*, arus perdana.

Ini sebab *reporters*, penulis-penulis wartawan tidak boleh sembarangan mengeluarkan laporan atau berita, dikawal, diteliti oleh editor, ketua editor dan sebagainya. Jadi, ini— sebab itu surat khabar hari ini masih laku lagi. Orang sekarang hendakkan pengesahan, dia hendak tengok TV, baca surat khabar sebab ada kawalan *internal*, dalam agensi surat khabar itu sendiri, di dalam televisyen-televisyen yang rasmi ini. Berbanding dengan maklumat-maklumat yang dapat dengan mudah, yang dikawal oleh satu orang, diri dia sendiri sama ada *Facebook* atau sebagainya. Jadi, pendidikan kepada rakyat supaya kita bagi kesedaran kepada rakyat. Kalau dapat apa-apa berita, tapis dahulu, jangan telan bulat-bulat. Jadi, lama-kelamaan rakyat akan sedar bahawa, okey tengok, jangan cepat-cepat *forward*, jangan cepat-cepat *viral* kan, pengesahan, ini pendidikan ini.

Oleh sebab apa Tuan Yang di-Pertua? Ini satu revolusi *technology information*, kita kena didik rakyat. Sampai bila kita hendak adakan undang-undang ini? Akhirnya, yang akan menjalankan kerja ini, pihak polis juga. Bolehkah polis kita yang ada lebih

kurang 150,000 orang sahaja, yang hendak jaga trafik, hendak jaga pencuri, hendak jaga penculik, hendak jaga macam-macam kesalahan jenayah ini, akan kita bebaskan mereka dengan hendak jaga, *control Facebook* ini, apa yang *posting*. Tidak boleh. Kita tidak boleh lupa yang Tuan Yang di-Pertua, bahawa negara kita ialah sebuah negara yang bebas, negara percaya kepada hak rakyat bersuara. Kita didik rakyat kita sejak daripada sekolah ini. Mereka yang buat perkara ini tidak ramai tetapi apakah kita akan menghukum rakyat kita, generasi muda kita ini sehingga mereka takut. Kalau kita buat undang-undang, terlalu banyak seksyen, itu tidak boleh, ini tidak boleh.

Jadi, adakah kita akan sampai ke situ?

#### ■1450

Jadi, saya percaya bahawa bukan kita setuju berita tidak benar ini. Kita tidak setuju, kita perlu tentang. Akan tetapi, kalau dah ada undang-undang yang berkuat kuasa sekarang, tidak perlulah ditambah lagi. Seheinggakan kita melihat umpamanya, sebagai contoh apabila Akta 803 ini gagal berkuat kuasa setahun yang lalu kerana ditolak oleh Dewan Negara dan akta ini sebagai moratorium waktu itu, undang-undang yang ada sekarang seperti Undang-undang Komunikasi dan Multimedia, *Penal Code* dan sebagainya berterusan menjaga kepentingan rakyat. Ramai orang diheret, ramai orang disiasat, dituduh, ada yang dipenjarakan.

Saya tahu ini Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman saya sendiri bahawa apabila di bawah ada, mereka yang terlibat *posting* benda yang tidak baik ini, bukan lepas begitu sahaja. Dia dibawa dan disiasat di bawah Akta Komunikasi. Bukan satu tuduhan, sampai berbelas tuduhan. Ada *lawyer* dan sebagainya cuba hendak bela, tidak boleh. Makna fakta menjelaskan bahawa itu memang *Facebook* dia, akaun dia, dia yang bertanggungjawab dan boleh disabitkan di bawah Akta Komunikasi.

Jadi, apa perlunya satu Akta Tidak Benar ini yang akhirnya menimbulkan satu igauan, ketakutan kepada rakyat kita. Jadi, sebagai kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, kita kembalilah kepada semangat Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak rakyat negara kita untuk bebas bersuara, bebas menyatakan fikiran dan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, yang menjunjung kedaulatan, perlembagaan dan keluhuran undang-undang ini. Anggaplh bahawa usaha kita untuk memansuhkan Akta 803 ini sebagai hadiah kepada rakyat Malaysia sekarang dan generasi akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Setiu, diikuti oleh Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Tanjung Karang. Sila.

**2.53 ptg.**

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, kita mengalu-alukan kedatangan pegawai daripada Sekolah Menengah Tinggi Port Dickson. *[Tepuk].*

Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T telah berfirman di dalam Surat Al-Hujurat Ayat 6 *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Wahai orang-orang beriman, apabila datang kepada kamu orang yang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiki lah kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan musibah kepada kaum dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu lakukan*”.

Ayat ini mengajar kepada kita bahawa, betapa pentingnya sesuatu berita itu ditentu sahkan oleh seseorang sebelum disebarkan atau diterbitkan dalam sebarang bentuk media sama ada media cetak mahupun media elektronik. Ini disebabkan implikasi buruk, disebabkan kegagalan seseorang mengesahkan sesuatu berita sama ada benar ataupun salah, boleh memberikan mudarat yang besar kepada pihak yang lain.

Inilah sebahagian daripada pendirian PAS ketika membahaskan akta ini dalam sidang yang lalu. Akta Anti Berita Tidak Benar hadir tepat pada masanya, ketika penilaian kesahihan terhadap sesuatu berita kelihatan terlalu longgar khususnya di media sosial. Kini ia menjadi persoalan, mengapa kerajaan seolah-olah terdesak untuk memansuhkan akta ini. Setelah ia ditolak oleh Dewan Negara sedangkan kerajaan Pakatan Harapan tidak terkecuali daripada fitnah-fitnah seperti isu fitnah Menteri Kabinet dengan video intim. Malah, sebelum ini Perdana Menteri juga tidak terlepas dari fitnah ini.

Tambahan pula, kenyataan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia pada 14 September 2019 ketika majlis perasmian Program MyMerdeka “Sayangi Malaysia : Malaysia Bersih”. Di dalam ucapan, dalam kenyataan Timbalan Menteri tersebut, Timbalan Menteri meminta agar penyebaran fitnah ini dihentikan serta-merta kerana jelas menunjukkan penyebaran fitnah semakin berleluasa terutama fitnah terhadap pemimpin dan kerajaan sendiri.

Jika pemansuhan demi menunaikan manifesto yang telah ditetapkan oleh PH, saya kira rakyat masih menunggu-nunggu pelaksanaan janji-janji yang lebih mendatangkan manfaat kepada rakyat. Jelasnya, akta ini menutup pintu mudarat, tetapi kenapakah pintu mudarat tersebut mahu dibuka kembali dengan dihapuskan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyebaran berita tidak benar bukan sahaja menyebabkan musibah yang besar kepada rakyat, bahkan juga telah mencalarkan maruah dan membuka aib seseorang jika tiada langkah pencegahan yang berkesan dikenakan. Islam telah memberi peringatan sebagaimana satu hadis Nabi S.A.W daripada maksud *“Tidak lah seseorang menutup aib orang lain di dunia, melainkan Allah S.W.T akan menutup aibnya di Hari Kiamat kelak”*.

Di sini lah perlunya Akta Anti Berita Tidak Benar ini dipertahankan. Saya berpandangan seharusnya akta ini dilihat dari sudut *complimentary*, pelengkap kepada beberapa akta sedia ada serta sebagai suatu kawalan pencegahan bagi menyekat berleluasanya penyebaran berita palsu dan berita fitnah. Apa yang mendukacitakan kita adalah penyebaran berita palsu dan fitnah semakin menjadi-jadi. Ketika berdepan dengan pilihan raya, fitnah, perang persepsi berita palsu menjadi medan peperangan utama khususnya di media sosial. Kesemua ini gambaran yang seharusnya dijauhi daripada menjadi satu budaya berpolitik di negara ini.

Pada tahun 2016, *Sarawak Report* pernah mengeluarkan satu tuduhan PAS menerima dana RM90 juta daripada UMNO berasaskan kepada kecurigaan semata-mata. Sedangkan dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh mantan Pesuruhjaya SPRM membuat pengakuan bahawa PAS tidak pernah dan tidak menerima kemasukan RM90 juta daripada 1MDB ini.

Tuan Yang di-Pertua, Islam mengenakan hukuman qazaf, yakni tuduhan terhadap seorang yang suci yang didakwa melakukan perbuatan zina dan termasuk dalam kategori salah satu daripada hukuman hudud. Seorang yang menuduh mesti membawakan empat orang saksi atau berdepan dengan hukuman 80 sebatan. Ini menunjukkan bahawa kaedah perundangan dalam Islam sangat menitikberatkan soal pendakwaan dan pengesahan sesuatu berita yang diterima dengan neraca penilaian yang kukuh iaitu dikemukakan empat orang saksi yang melihat dengan jelas. Ini lah hikmah perundangan Islam dan hukuman dalam Islam pula bersifat mendidik rakyat supaya tidak bermudah-mudah membawa berita palsu, apatah lagi boleh menjatuhkan dan mengaibkan seseorang.

#### ■1500

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang diberikan kebebasan untuk bersuara seperti yang terkandung dalam Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan bersuara tetapi wajar difahami bahawa kebebasan ini bukanlah mutlak. Di sana terdapat sempadan yang mesti dipatuhi supaya ia tidak melonggari prinsip agama, budaya dan adat resam yang terpelihara sejak sekian lama di negara ini. Amat penting



difahami bahawa kita memerlukan sesuatu undang-undang untuk mengawal selia kebebasan bersuara di negara ini dan bukan bermaksud menyekat secara terus hak untuk bersuara.

Kita pula melihat isu ini daripada beberapa aspek utama. Pertama, tafsiran terhadap berita tidak benar dalam akta asal ini telah pun merangkumi niat jahat dan tindakan menyebarkan berita tidak benar serta mengandungi kandungan yang tidak benar atau palsu. Maka ia sudah merangkumi maksud menyeluruh berita tidak benar.

Kedua, elemen *mens rea* iaitu berniat jahat berkaitan dengan niat sengaja dan boleh menyebabkan *injuries of harmful*, perkara ini berbeza dengan apa yang terdapat di dalam seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang menyebutkan bahawa bagi maksud seksyen ini "*Hendaklah dianggap ada niat jahat sekiranya tidak adanya keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum penerbitannya tertuduh telah mengambil langkah yang munasabah untuk menentu sahkan kebenaran berita itu*". Justeru, elemen niat jahat akta tersebut adalah lebih berat berbanding apa yang terkandung di dalam seksyen 8A yang memerlukan beban pembuktian penyebaran berita dengan niat sengaja serta membawa kemudaratan kepada seseorang. Begitu juga seksyen 233 Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 berkenaan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, inilah *compliment* yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir antara hujah pihak pembangkang ketika dahulu yang telah menjadi kerajaan hari ini adalah kebimbangan mengenai salah guna kuasa oleh kerajaan yang sedia ada terhadap akta ini. Hari ini kuasa di tangan anda, kerajaan perlu mengangkat nilai kedaulatan undang-undang *rule of law* yang menjadi slogan utama ketika diangkat menjadi kerajaan. Mengapa tidak akta ini ditegakkan berasaskan *rule of law* yang dilaung-laungkan?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Setiu, minta sedikit penjelasan.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Mengapa perlu dimansuhkan sesuatu yang lebih memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Setiu, minta sedikit penjelasan. Hujah daripada pihak kerajaan mengatakan bahawa Akta Antiberita Tidak Benar ini telah bertindan dengan akta-akta yang sedia ada termasuk Akta Mesin cetak dan sebagainya. Sedangkan Yang Berhormat Setiu, ketika kelmarin kita membahaskan rang undang-undang berkaitan IPCMC sudah ada akta yang berkaitan soal integriti polis ini termasuk Akta 700.

Adakah Yang Berhormat Setiu bersetuju bahawa pihak kerajaan bersikap *double standard* dalam soal pemilihan kedua-dua aspek ini iaitu jelas Akta Antiberita tidak benar ini adalah *complimentary* ataupun pelengkap kepada akta yang ada untuk menyekat penyebaran berita palsu termasuk yang disebut, yang dihebohkan sebelum ini Yang Berhormat Setiu. Dilaporkan oleh JAKIM ada lebih 10 ribu kes pemalsuan berita berkaitan dengan penghinaan kepada Islam dan kepada Nabi SAW. Minta komen Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Ya, saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sik. Sebenarnya saya sudah disampai di penghujung Yang Berhormat Sik, jadi untuk ucapan saya setakat itu yang dapat saya sampaikan. Saya mengharapkan agar kerajaan mempertimbangkan semula pemansuhan akta ini. Saya menolak pemansuhan akta ini. *Wallahualam, assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat bukit Bendera.

### **3.04 ptg.**

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di hadapan kita ialah Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019. Sebenarnya kita telah – *subject matter* Akta Antiberita Tidak Benar telah dibentangkan tiga kali dalam Dewan ini. Pertama kali 11 April 2018, kali kedua ialah pemansuhan pada 16 Ogos 2018 dan kali ini kali ketiga. Rang undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 16 Ogos dan saya telah menyertai perbahasan pada waktu itu. Apabila ia dikemukakan di Dewan Negara saya ingat buat pertama kali dalam sejarah Parlimen ia telah ditolak oleh Dewan Negara.

Undi 28 menolak, 21 bersetuju. Pertama kali dalam Parlimen Malaysia 60 tahun, pertama kali satu *bill* bukan kewangan, satu *bill* kerajaan telah di tolak oleh Dewan Negara dan saya ingin merujuk kepada Artikel 68 Perlembagaan Persekutuan. Artikel 68 Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan apakah prosedur dan apakah tatacara yang menguruskan perkara seperti situasi kita pada hari ini. Apabila tempoh satu tahun *cooling-off period* diperlukan di Dewan Rakyat untuk dikemukakan dan kemudian selepas itu dihantar ke Dewan Negara. Sekiranya tidak diluluskan oleh Dewan Negara, maka ia hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk kelulusan.

Oleh itu, saya mengulangi semangat Artikel 68 *Federal Constitution*, Dewan Negara hanya mempunyai kuasa melambatkan *bill*. *Delaying the passing of the bill* dan tidak boleh menghalang *bill* ini untuk maju ke hadapan dan adalah niat Dewan Rakyat untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini. Memang jelas niat Dewan Rakyat untuk memansuhkan kerana definisi tentang *fake news* ini terlalu luas dengan skop yang terlalu luas dan juga dengan *provision* hukuman dan sebagainya yang amat luas dan akan menghalang semangat kebebasan bersuara dan adalah niat juga apabila dibentangkan kali kedua untuk pemansuhan, niat Dewan rakyat memang sama juga, kita ingin memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar. Saya harap Dewan Negara, Ahli-ahli Senator hendaklah mendengar niat Ahli-ahli Dewan Rakyat ini dengan jelas bahawa kita bukan untuk buat pindaan, kita bukan ingin menyelamatkan *bill* ini akan tetapi kita ingin memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini.

Ini adalah sangat jelas apabila *bill* ini dikemukakan balik kepada Dewan Negara kerana kalau Dewan Negara membuat undi lagi, kalau tidak diluluskan maka ia akan dihantar terus kepada Yang di-Pertuan Agong untuk kelulusan seperti diperuntukkan di bawah Artikel 68 Perlembagaan Persekutuan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan *to reasoning* kita membantah terhadap *bill* ini seperti saya kata *fake news*, terlalu luas dia punya skop terlalu *draconian* sebagainya. Akan tetapi saya juga ingin mengambil beberapa pengalaman daripada *international*, daripada luar negara terhadap *handling* ataupun tentang Akta Antiberita Tidak Benar ini.

Kalau saya ingin memetik *The Digital, Culture, Medial and Sport Committee, House of Commons* di United Kingdom. Di UK mereka telah meneliti isu *fake news* ini dan telah mencadangkan bahawa perlu ada satu *framework* untuk meminta tanggungjawab lebih besar daripada syarikat-syarikat teknologi. Syarikat-syarikat seperti *Facebook, Goggle, Twitter* dan sebagainya perlu memainkan peranan yang lebih besar untuk membendung *fake news* ini.

#### ■1510.

Liabiliti undang-undang kepada syarikat-syarikat media untuk bertindak ke atas kandungan yang *misleading* yang bertentangan dengan *committee guideline social media*. Juga di Parlimen Jerman, mereka memakai satu perundangan Network Enforcement Act pada tahun 2017 tetapi ia hanya sasar kepada *social media networks* yang mempunyai ramai pengguna pendaftar. Obligasi untuk mengeluarkan *fake news* adalah pada *social media network* tersebut selepas mendengar aduan pengguna dan bukannya *target* kepada *individual user*.

Permasalahan kita pada hari ini dan kita memang saya memang setuju untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini tetapi saya juga ingin mengambil maklum bahawa perkembangan digital berlaku dengan begitu rancak dan begitu cepat dan yang *fake news* ini dia tidak semestinya disebarkan oleh orang perseorangan. Ia boleh disebarkan juga dengan *software bots*, B.O.T. Kalau ingat bot, bahasa Melayu bot lah, sampan tetapi dalam *IT words*, *bots* maksudnya ialah *software* yang boleh *repeat*, yang boleh mengulangi mesej-mesej ini dengan *algorithm* dengan *programming* kepada banyak tempat, banyak saluran *social media*, banyak saluran *email* dan sebagainya.

*Software bot* ini memang kita perlu. Saya rasa kita perlu memikirkan satu *framework* pelbagai cara untuk lihat bagaimana kita bila boleh meminta syarikat-syarikat multimedia, syarikat-syarikat *social media* ini untuk mengenakan kawalan yang lebih ketat kerana memang dalam perkembangan digital yang berlaku begitu rancak ini bukan senang untuk kita membuat kawal selia dan kita perlu belajar tentang apa-apa yang berlaku di negara-negara luar bukan sahaja menggunakan *legal framework* tetapi juga menggunakan *technology framework* untuk menghalang ataupun mencuba untuk penyebaran berita-berita yang palsu yang boleh menggugat demokrasi di negara ini.

Demokrasi di negara ini perlu kita menggalakkan penyebaran berita benar. Kita menggalakkan *investigation journalism* kerana kita ingat itu adalah penting untuk demokrasi kita. Saya rasa kita selepas pemansuhan tentang Akta Antiberita Tidak Benar ini kita perlu juga memikirkan apakah *technical framework*? Apakah *legal framework*? Saya ingin meminta juga kerajaan untuk melihat kepada satu undang-undang yang baru di laksana di Singapura, Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act 2019 (POFMA).

Saya bukan setuju kesemua *legal framework* yang digunakan di bawah undang-undang di Singapura ini tetapi ada perkara kita boleh belajar. “Ambil yang jernih dan buang yang keruh”. Isu-isu seperti *account restriction direction* di bawah seksyen 40 Akta POFMA di Singapura, walaupun kita punya Akta Multimedia dan juga Penal Code mempunyai kuasa undang-undang untuk mendakwa kepada mereka yang menyebarkan berita tidak benar ataupun *misinformation*, *disinformation* kepada komuniti secara amnya tetapi kita kurang satu mekanisme. Satu mekanisme yang memaksa *social media* untuk mengeluarkan *posting* itu daripada *social media*.

Di negara-negara lain mereka mula untuk melihat kepada *legal framework* untuk *account restriction direction* seperti yang saya sebut supaya kita boleh *surf* satu order kepada syarikat-syarikat, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya untuk menurunkan *posting* tersebut. Perkembangan teknologi berlaku begitu cepat dan tahun ini kita bicara tentang

*anti-fake news*, tahun depan lagi *the other legal fake news I mean* dia berkembang begitu cepat sehinggakan kita perlu juga lihat *technical framework* dan *legal framework* yang perlu kita perkemaskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Celahan, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Buat masa ini.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bagi jalan sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Nanti Yang Berhormat Tanjong Karang punya *floor* nanti.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya hendak tanya sedikit sahaja.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu ada satu akta khas untuk menangani berita tidak benar ini selain daripada undang-undang yang sedia ada. Yang Berhormat bersetuju untuk ada akta yang baharu?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, ya, sila duduk. Pada pandangan saya, *subject matter* yang kita ada pada hari ini ialah Akta Antiberita Tidak Benar dan itu perlu kita mansuhkan, sangat jelas. Akan tetapi perkembangan teknologi kita perlu lihat kepada *technical framework* dan juga *legal framework* untuk menangani cabaran yang akan datang. Akta Antiberita yang diluluskan dua tahun di Parlimen ini tidak, bukan satu penyelesaian yang baik terhadap cabaran yang kita hadapi. Itulah pendirian saya dan juga pandangan saya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** [*Bangun*]

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya lihat itulah seperti saya kata tadi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Bukit Bendera. Sedikit sahaja.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya ingin menyiapkan satu mesej yang jelas kepada Dewan Negara bahawa niat Dewan Rakyat adalah jelas untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini dan apabila kita luluskan kali kedua dalam Dewan Rakyat ini kita perlu untuk mengingatkan rakan-rakan Senator, kuasa Senator hanyalah untuk *delaying the bills* seperti diperuntukkan di Artikel 68 Federal Constitution. Dengan ini, saya mohon untuk menyokong pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** [*Ketawa*] Takut dia ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya ingin teruskan dan menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**3.17 ptg.**

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** [*Ketawa*] Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama membahar memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018. Dengan adanya akta yang kita bincang pada hari ini Timbalan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa kerajaan yang ada pada hari ini ialah kerajaan yang cacamerba, kerajaan yang tidak ada perancangan, kerajaan yang orang kata, "*Tidur sebantal, mimpi lain-lain*". Ini terbukti pada hari ini.

Perancangan apa yang dibuat bukan sahaja perancangan ekonomi, perancangan janji-janji manifesto malah perancangan di dalam Parlimen pun mereka tidak pandai merancang. Tadi telah pun kita semua sedia maklum, mengapa kita bawa balik akta ini di dalam Dewan ini setelah setahun ialah kerana Dewan Negara tolak. Jadi kalau kerajaan yang bijak dia kena fikir, tadi Timbalan Menteri pun kata kerana Dewan Negara ini dimonopoli oleh ahli-ahli daripada Barisan Nasional.

Kalau sudah tahu ramai ahli-ahli Barisan Nasional masih di Dewan Negara dan juga dahulu pembangkang cukup marah dengan Dewan Negara ini. Dia kata Dewan Negara ini jangan *rubber stamp* dan sebagainya. Hari ini bila Dewan Negara sudah bukti dia bukan *rubber stamp* tolak, tidak terima *bill* yang kita bawa ini menunjukkan Ahli Dewan Negara telah memainkan peranannya. Hanya yang lemah ialah perancangan daripada pihak kerajaan. Tidak reti hendak membuat satu undang-undang.

Ini satu dan saya hendak bagi izinkan rakan saya tengok undang-undang yang kita bahas selama di dalam Dewan. Kita tengok undang-undang yang dibahas cukup menyedihkan. Kita tengok Akta Perhimpunan Aman sebagai contoh, mengapa tidak bincang, mengapa tidak tunggu dahulu pindaan perlembagaan supaya yang mereka yang berumur 18 tahun ini boleh mengundi. Ini tidak bawa dahulu Akta Perhimpunan Aman yang menyatakan bahawa yang mana berumur 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan untuk menganjur sesuatu perhimpunan sedangkan bila pindaan Akta Perlembagaan mereka bukan sahaja boleh menganjur, boleh bertanding lagi. Sudah kita kena bawa lagi Akta Perhimpunan Aman sebagai contoh.

Kita tengok lagi Akta Belia, Akta Belia lagi pelik, dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Belia, letak bawah belia bawah 30 tahun. Bukan saja NGO's, bukan saja Majlis Belia Negara tidak setuju, beberapa negeri pun tidak mahu pakai tafsiran yang diluluskan oleh Dewan. Malah saya tengok Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan juga memberikan *statement* yang berbeza yang mengatakan bahawa usahawan belia ini tidak boleh di bawah 30 tahun.

Jadi adakah perkara-perkara seperti ini tidak dibawa di dalam mesyuarat Kabinet dulu sebelum dia bawa, dibentangkan di sini. Dia mana ada *collective responsibility* nya. Semalam sebagai contoh, kita tengok semalam satu akta yang dibawa akhirnya kita cipta satu sejarah, bincang, bincang, bincang sampai petang, tidak ada kelulusan. Akhirnya bawa ke *Select Committee*. Ini kerajaan apa ini? Kerajaan cacamarba kah kerajaan kongkalikung, kerajaan haprak kah ini.

Ini perancangan, ini saya cakap ini kenyataan yang ada di depan mata kita. Jadi begitu juga tadi. Sebab itu tadi saya tanya daripada Yang Berhormat Bukit Bendera, *the way you* berucap tadi seolah-olah *you* kata mesti ada lagi satu, perlu akta yang baru lagi. Akta ini tidak boleh. Kerana apa, kerana akta ini kononnya Barisan Nasional buat. Kononnya akta tadi macam Yang Berhormat Pasir Gudang kata konon dulu itu bawah MPP...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya tidak sebut perkataan sedemikian yang Yang Berhormat Tanjong Karang sebut. Okey, *check Hansard*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya tadi sebab saya tanya adakah Yang Berhormat bersetuju kena ada akta yang baru.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Jangan *create fake news, fake statement* dalam Parlimen ini.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, tidak fasal saya tanya tadi...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Arahan oleh saya, *check Hansard*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah. Yang Berhormat setuju tidak setuju untuk buat akta yang baru? *Is that okay*. Itu saja hendak tanya. Yang Berhormat setuju kah tidak, ada akta baru. Yang Berhormat tidak boleh jawab. Sebab apa Yang Berhormat tidak boleh jawab kerana Yang Berhormat takut. Takut bertentangan dengan yang dibuat *statement*, yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Ini, Jawatankuasa Pilihan Parlimen dicadang ditubuhkan bagi perangi berita palsu. Ini bukan saya cakap, ini Yang Berhormat Menteri Komunikasi cakap daripada DAP yang

cakap. Dia Ahli Parlimen Puchong, itu tidak kira, DAP lah kira. Kira Yang Berhormat Puchong itu kira DAP.

Daripada saat ini dia cakap, adakah ini berita tidak benar, ini, bagaimana? Adakah nanti kalau dia buat jawatankuasa ini, Yang Berhormat tidak akan sokong, Yang Berhormat tidak setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini dan datang daripada parti DAP. Ini kenyataan, bukan saya cakap. Kalau ini berita palsu, tidak benar, ambillah tindakan, satu.

Begitu juga kita tengok Kit Siang, Akta Antiberita Palsu hanya pandangan peribadi dia. Sebab apa. Sebab sebelum dia cakap apa. DAP tubuh Jawatankuasa Khas Perangi Berita Palsu ciptaan UMNO dan PAS. Oh! Kerana kami sudah bergabung, UMNO dengan PAS ini kawan baik, konon kami pula menyebarkan berita palsu. Maka DAP hendak tubuh Jawatankuasa Khas Perangi Berita Palsu ciptaan UMNO dan PAS. Ini kalau tidak betul, samanlah. Adakah ini berita palsu, ini. Sebab itu Yang Berhormat tidak berani hendak komen berkaitan ini, sebab pemimpin DAP pun memang nampak perlu ada satu akta yang baru, yang sesuai dengan keadaan media sosial yang ada pada hari ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya, tadi Yang Berhormat sebut, satu berita yang dirujuk itu. Adakah berita ini yang ini kah, saya baca ya. "*Gobind also said, the formation of the Select Committee would go ahead notwithstanding the outcome of the move to abolish Anti-Fake News Act which is expected to be retable during the next Parliamentary sitting*". Betulkah, yang ini kah?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat, samalah itu. Dia punya *statement* dekat sini. Sebab kita tidak ada akta ini susah kita hendak saman. Cuba berita dan akta ini ada kan, mungkin juga DAP boleh ambil tindakan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya. Sila.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan tidak semestinya *outcome* nya ialah seperti apa yang disebut tadi. Kerana di United Kingdom, *House of Commons* juga telah menubuhkan *Select Committee* dan juga mereka mengemuka cadangan *technical framework, legal framework* dan sebagainya. Dia *outcome* dia tidak semestinya seperti apa yang Yang Berhormat Tanjong Karang sebut tadi. Dia berbeza.



**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang Kit Siang cakap pun memang berbeza daripada apa Yang Berhormat cakap. Saya setuju apa Yang Berhormat cakap fasal kita ini tapi kalau kenyataan daripada Yang Berhormat Iskandar Puteri, Yang Berhormat Iskandar Puteri kata apa, DAP tubuh Jawatankuasa Khas Perangi Berita Palsu ciptaan UMNO dan PAS.

Hanya hendak lawan berita palsu UMNO dengan PAS, sanggup hendak tubuhkan Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Ketua Pemuda Sosialis. Ini apa ini? Tidak malu kah. Kita dulu tubuhkan ini tidak ada kena mengena untuk memerangi partilah. Apa yang parti sebelah sana tidak buat fitnah? Kita diam. Tapi ini khas untuk memerangi, ini. Ini sebab kita, kalau tidak betul, samanlah. Ini bukan saya cakap, ini saya hendak ulang lagi. DAP tubuh Jawatankuasa Khas Perangi Berita Palsu ciptaan UMNO dan PAS- Kit Siang.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sudah, cukuplah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak ada. Ini sebut DAP, saya mohon mencelah. Saya mohon mencelah Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, sila, sila.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yalah, tidak akan DAP sebut macam itu sudah panas, hangat macam itu. DAP kalau benda yang tidak kira siapa, termasuk UMNO kah, PAS kah, gabung kah, tidak gabung kah, bila sebar berita palsu, memang DAP lawan. Apa salahnya DAP lawan berita palsu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat ini tidak faham. Duduklah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, tidak. Itu jangan tuduh DAP.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat faham tidak?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Jangan tuduh DAP.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kita kata, Yang Berhormat faham tidak yang saya cakap?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya faham. Itu saya hendak balas jawapan kamu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya bagi lima minit, habiskan, habiskan. Habis, apa Yang Berhormat cakap. Cakaplah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, apa yang marah sangat dengan- bila DAP kata hendak siasat, hendak tubuh jawatankuasa fasal berita palsu daripada PAS dan UMNO.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, sudah habis, sudah habis. Sudah habis duduklah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Apa ini? Kita tidak ada kaitan Tuan Yang di-Pertua. Tidak berkaitan, lari tajuk.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yalah duduklah. Ya duduklah saya dah bagi Yang Berhormat jalan. Yang Berhormat ini tidak faham bahasa Melayu. Yang Berhormat bukan tidak faham bahasa Melayu, ini bukan saya cakap. Yang cakap ini Kit Siang. Dia yang cakap ini. DAP tubuh Jawatankuasa Khas.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang pesong fakta itu kamu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, sokong tidak?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Janganlah pesongkan fakta pula.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak ini bukan.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Jelutong senyaplah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat saya hendak baca ya, saya hendak baca ini. DAP, DAP...

**Seorang Ahli:** Hilang taring.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...tubuh Jawatankuasa Khas Perangi Berita Palsu ciptaan UMNO dan PAS.

**Seorang Ahli:** Dengar itu, dengar, dengar.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dengar tidak, faham tidak ini?

**Seorang Ahli:** Siapa yang panas?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sudah, duduklah Yang Berhormat. Okey, itu saya hendak cakap.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dia cuba menafikan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]:** Apa lagi Yang Berhormat Jelutong?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta laluan.

**Seorang Ahli:** Saya minta *provoke* Yang Berhormat Jelutong ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hendak tanya, apakah salahnya kalau kita menubuhkan jawatankuasa? Ini adalah isu parti. Tidak ada kena mengena.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]:** Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pandang]:** Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]:** Dia menubuhkan Jawatankuasa ini ada kaitan hendak buat undang-undang, sebab Kit Siang ada pula dia ada tambah ini. Kit Siang, Akta Antiberita Palsu hanya pandangan peribadi saya. Kemudian dia ada cakap dekat sini, dia punya *statement* pula kata apa, dia kata "*sama ada pandangan itu akan diterima oleh Kabinet*". Apa kena mengena DAP dengan Kabinet? Menunjukkan, dengar dulu saya cakap. "*Sama ada pandangan itu akan diterima oleh Kabinet, kamu perlu menyoal Perdana Menteri*", Tun Dr. Mahathir Mohamad katanya ketika diminta mengulas selanjut tentang cadangannya supaya cadangannya supaya akta baru digubal. Menunjukkan akta itu dibuat bukannya hanya untuk DAP tetapi akta itu dibuat, ini kenyataan ini. Yang Berhormat kalau tidak mahu terima ini, Yang Berhormat kena sokong supaya akta ini jangan dihapuskan. Saya boleh layan.

Kalau Yang Berhormat setuju akta ini untuk dihapuskan, saya tak nak bagi jalan. Ini kenyataan, janganlah marah saya. Okey, saya hendak minta tolong...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]:** Saya hendak minta tolong, saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua....

**Seorang Ahli:** Minta penjelasan Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]:** Izinkan saya minta pihak Bentara tolong bagi dia baca dulu. Sila Bentara. Bagi Yang Berhormat Jelutong, supaya dia faham.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]:** Jangan ambil masa saya.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Tanjung Karang, minta penjelasan, Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang cuba mengelirukan Dewan Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa, mengelirukan Dewan apa?

**Seorang Ahli:** Jawatankuasa yang disebut...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada keliru, keliru. Kau yang keliru.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kota Melaka yang keliru, duduklah!

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dengan Yang Berhormat Kit Siang itu berbeza Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Dua jawatankuasa yang berbeza.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini suka fotostat saja.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh DAP dalam parti DAP, yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya minta perbahasan dengan lebih teratur, baik.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya bukan DAP tahu Yang Berhormat Tanjong Karang. Boleh minta penjelasan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak minta Bentara tolong cetak, bagi pada satu demi satu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, itu dua jawatankuasa yang berbeza.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya bukan DAP, saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jangan mengelirukan Dewan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kalau jawatankuasa itu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Itu ialah jawatankuasa dalam parti. Tidak ada kena mengena dengan *Select Committee*.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh tanya tidak Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** *Select Committee* di dalam Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya minta semua duduk dulu. Saya minta perbahasan dengan lebih teratur. Saya memohon Yang Berhormat Tanjong Karang teruskan berbahas dan siapa yang hendak mohon, kena melalui saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya betul.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** saya hendak bagi Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi Yang Berhormat Kota Bharu. Faham tidak faham?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** *[bangun]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya terima.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi Yang Berhormat Kota Bharu. *You* duduk, faham tidak?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya terima, saya terima...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat duduk dulu, duduk dulu. Kemudian. Bagi Yang Berhormat Kota Bharu dulu. Tidak faham bahasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Jelutong dulu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak faham bahasa kah? Kalau suruh duduk pun tidak faham duduk, macam mana Yang Berhormat hendak berbahas, peraturan Dewan pun tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang sila.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya bagi Yang Berhormat Kota Bharu.

■1530

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang jelas. Sekarang ini, proses yang dibuat oleh kerajaan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini. Yang timbul sekarang ini ialah DAP sebagai sebuah parti yang berada dalam kerajaan yang juga Menteri Komunikasinya dari DAP duduk dalam kerajaan, DAP mencadangkan hendak hapuskan akta ini dan membawa akta baharu. Itu yang jelasnya. Apa yang masalah kepada DAP? Mengaku sahajalah. Yang Berhormat Kota Melaka kata Kit Siang lain, ini kerajaan nak hapus ini lain. Betul kah begitu? Kit Siang itu DAP kan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh bagi laluan?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya jawab Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya terima...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, oleh kerana nama telah disebut, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Kota Melaka atau Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang kerana rencana yang digunakan tadi telah dihantar kepada saya. Saya berterima kasih. Akan tetapi, kalau kita baca rencana tersebut, ini adalah berita. Penubuhan jawatankuasa itu diputuskan oleh parti DAP berikutan perang persepsi yang didakwa dilancarkan oleh gabungan UMNO dan PAS bertujuan mewujudkan suasana bimbang, takut dan benci dalam kalangan orang Melayu dan umat Islam bahawa hak kepentingan mereka digugat oleh DAP. Ini adalah sebab kenapa kita menubuhkan jawatankuasa untuk memantau berita-berita seperti berikut.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kenapa tak guna akta yang sudah ada? Gunalah akta yang sudah ada. Akta sudah ada lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tak ada kena mengena dengan Akta Berita Palsu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini jawatankuasa dalaman partilah. Ini bukan jawatankuasa khas Parlimen, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah beri peluang kepada Yang Berhormat Jelutong dan tadi, Yang Berhormat Tanjong Karang, tadi...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah terbukti bahawa DAP ini dia tak akan ikut undang-undang. Nak ambil tindakan undang-undang dia sendiri...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Itu tuduhan yang liar. Tarik balik!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tarik balik kenyataan itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak ada tarik balik.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang niat jahat! Mala fide. Kamu ini memang jahat! Kamu tarik balik!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Eh, Yang Berhormat Jelutong cakap hanya untuk DAP memerangi fitnah UMNO dengan PAS.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kamu tuduh DAP! Apa bukti kamu?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Jangan tuduh parti saya! Apa kuasa dan hak kamu?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tarik baliklah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Parti yang rasis!

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Jangan tunjuk samseng dalam Dewan yang mulia.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Hoi, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Eh, kamu siapa nak tuduh parti saya?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya ulas...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ini Dewan yang mulia. Dah lama duduk dekat sini tak faham bahasa ke?

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, saya minta dalam skop perbahasan untuk tidak menyentuh mana-mana parti.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya ulas, saya ulas...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sejarah menunjukkan UMNO yang tak ikut undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya ulas apa Yang Berhormat Jelutong cakap.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang kuat rasuah siapa dia?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dengarlah saya cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, silalah duduk dulu.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Duduk Yang Berhormat Jelutong!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang kuat rasuah, terowong.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, nanti. Yang Berhormat Jelutong cakap tadi itu hanya untuk jawatankuasa DAP. Betul? Sebab nak memerangi fitnah yang dibuat oleh PAS dengan UMNO. Kalau nak memerangi kami, mesti mengikut undang-undang, bukannya tanpa undang-undang nak buat pula fitnah lawan fitnah. Itu maksud saya. Mesti ada undang-undang.

Kalau betul UMNO dengan PAS ini rasis, buat fitnah perkauman dan juga menyebarkan berita palsu, maka DAP kena saman kami mengikut undang-undang yang



sedia ada ataupun akta yang kita sedang bincang ini. Yang Berhormat kena faham. Jadi apa guna yang DAP hanya tubuh jawatankuasa tetapi apa juga keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu tidak boleh dikuatkuasakan? Habis. Saya nak pergi bab yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sila. Hanya tinggal tiga minit sahaja lagi. Teruskan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, masa dah tak ada.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Saya nak minta laluan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak, yang akhir. Ini yang akhir. Saya nak gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, baik.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang akhir. Saya pun kasihan juga pasal berita palsu ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak, saya nak bagi habis sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau duduk dulu, Yang Berhormat Arau duduk dulu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Betullah. Kita kena ada *stand*, Yang Berhormat Jelutong. Kena ada *stand*, kena *clear*. Janganlah bila jadi *lawyer*, tiba-tiba orang marah, tarik diri. *Not profesional* lah. *[Ketawa]* Kena ada *stand*.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Aduh, Yang Berhormat Jelutong. Malulah Yang Berhormat Jelutong!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Mula-mula nak jadi peguam pembela yang IC palsu. Kena kutuk masyarakat, tarik diri. Apa lah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya berprinsip.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Itu bukan berita palsu. Itu bukan berita palsu. Itu berita benar.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No*, saya berprinsip. Bukan macam semua di sebelah sana. Faham tak?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya nak tanya satu soalan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey. Okey, Yang Berhormat, okey. Okey, duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Faham tak, Yang Berhormat Tanjong Karang? *I have principles. That is why I withdrew myself. Not like you fellows from the other side.*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *That's U-turn. U-turn.*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak. Ertinya, Yang Berhormat Jelutong tarik diri itu bukan berita palsu lah kan? Berita betul. Ha, okeylah itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya. Itu sebab isu prinsip, Yang Berhormat Tanjong Karang. Bukan macam Yang Berhormat Tanjong Karang, masih *dok* sokong Yang Berhormat Pekan masa dia rasuah. Itu tak ada prinsip, tak ada moral. *Shame on you!*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang untuk rumuskan. Ada dua minit sahaja lagi. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, minta laluan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini tidak benar. Saya ingat sebelah sana jangan cakap pasal rasuahlah. Tunggu mahkamah putus. Yang dah tentu yang tentu terlibat rasuah, mahkamah tengah berjalan ialah kes daripada Menteri Kewangan, kes terowong. Kes terowong, saya tak mahu ungkitlah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, apa kena mengena dengan berita palsu?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah! Saya tak mahu ceritalah. Rasuah, rasuah, rasuah. Yang Berhormat apa ada kena mengena?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *You keep talking about the same thing, again and again.* Kes itu telah ditarik balik, tak bersalah. Apa kena mengena Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam isu ini?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormatlah yang cakap pasal rasuah! Ini rasuah apa? Sama juga!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini berita palsu!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apa kena mengena?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat yang bangkit pasal rasuah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You* cakap boleh, orang lain cakap tak boleh!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Eh, Yang Berhormat cakap rasuah!

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Apalah double standard!*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Have some standard* lah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Standard lah kalau cakap pasal rasuah. *You* nasihat Menteri Kewanganlah jangan rasuah. Nak cakap pasal rasuah! Apa— *you* peguam. Kes tengah berjalan boleh di *drop*. Apa ini? Sudahlah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itulah hak Peguam Negara.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah. Saya tak mahu dengarlah. *You* tak layak dengan saya. *You* duduklah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itu hak Peguam Negara. Yang Berhormat...

*[Dewan riuh]*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang akhir, yang akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Terakhir sekali, baik.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Jelutong.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang akhir saya nak tanya...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akhirnya terbongkar sendirilah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...Sebab ini melibatkan sultan saya. Saya orang Selangor. Sultan saya dihina di dalam satu *Facebook Nga Kor Ming Super Fans*. Kita semua tahu bahawa dalam media sosial itu, hantaran itu dikatakan menampakkan pemilik akaun *Nga Kor Ming Super Fans Club* mengajak orang Cina yang tidak puas hati membuat bantahan terhadap Sultan Selangor susulan keputusan tidak membenarkan papan tanda jalan dwibahasa digunakan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih disiasat. Saya minta supaya tak dibahas. Tadi Yang Berhormat telah pun pergi ke sana memberi kenyataan. Ini adalah tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Eh, Yang Berhormat duduklah! Saya tahu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jangan bangkitkan isu yang masih di bawah siasatan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Jangan mengulangi berita palsu!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya tahulah, saya tahulah!

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Jangan menyebarkan berita palsu.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Itu fasal kita mahu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Eh, saya tahulah. Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Jangan mengelirukan Parlimen!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dengar, dengar. Yang Berhormat jangan anggap saya ini peguam bodoh macam Yang Berhormatlah. Bagi saya habis cakap dulu. Dengar, bagi saya habis cakap dulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, *if you are a lawyer*, kalau seorang peguam ada...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak minta Tuan Yang di-Pertua...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta untuk di— masa telah tamat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, *you have no standard* lah, Yang Berhormat Tanjong Karang. *You have no standards*.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong kacau! Duduk, duduk!

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak minta— laporan ini telah dibuat. Hanya saya nak minta pihak berkuasa mestilah menyiasat bersungguh-sungguh, jangan menyiasat hanya separuh jalan. Dan dakwalah mereka ini di muka

pengadilan. Itu saya minta kerana saya orang Selangor, saya kena hormat sultan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput pembahas seterusnya. Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**3.38 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatauh.* Terlebih dahulu, saya ingin mengajak semua sahabat di dalam Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kedatangan tetamu daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Maxwell, Kuala Lumpur. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bahas dengan baik ya. Ada tetamu ini. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk turut sama berbahas di dalam perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 ini.

Di dalam Al-Quran, Allah SWT telah berfirman yang maksudnya, “*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi mu iaitu orang yang mengharapkan rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah*”. Surah Al-Ahzab, ayat 21.

Di dalam empat sifat yang utama pada Rasulullah SAW, sifat benar yakni siddiq adalah antara yang utama selain amanah, fatanah dan tabligh. Siddiq ini bermaksud benar bukan hanya pada perkataan malah pada perbuatan. Mestilah benar, mestilah selari kata-kata dan perbuatan.

Negara kita menjadi celaru, rakyat menjadi keliru apabila maklumat-maklumat yang tidak benar, palsu, fitnah disebarkan oleh pihak-pihak tertentu dan semakin menjadi budaya yang membarah di dalam masyarakat kita. Penyebaran maklumat palsu, fitnah dan sebahagiannya adalah semata-mata gosip yang bergerak daripada seorang ke seorang yang mana maklumat itu berubah setelah melalui saluran gosip *grapevine*.

■1540

Namun begitu, sebahagian maklumat palsu memang di *design* bertujuan yang tidak baik, yang antara lain untuk membangkitkan kebencian, kemarahan kepada pihak-

pihak tertentu, fitnah. Kedua, bertujuan menjatuhkan kepercayaan awam terhadap institusi tertentu, institusi ulama, institusi Raja-raja, PDRM, sehingga berlaku keadaan yang mana mereka yang menjadi penghasut boleh dilantik menjadi penasihat kepada negeri tertentu.

Ketiga, menimbulkan prasangka buruk, melaga-lagakan antara pihak-pihak yang tertentu. Kesan dan akibatnya telah memberi kesan kepada ekonomi negara, kepercayaan kepada bursa, nilai mata wang, menjatuhkan pemimpin-pemimpin tertentu, menjatuhkan kerajaan, menimbulkan sentimen perkauman, membangkitkan sentimen keganasan pelampau-pelampau agama tertentu, mewujudkan ketakutan kepada Islam seperti mana yang berlaku *Islamophobia* pada hari ini.

Oleh kerana itu, PAS sendiri tidak sunyi daripada menjadi mangsa fitnah. Kami difitnah menerima RM90 juta di dalam isu 1MDB. Walaupun telah dinafikan oleh SPRM bahawa tidak ada apa yang dikatakan penerimaan tunai ataupun sebarang wang dalam 1MDB ini kepada PAS, masih lagi dimainkan oleh pihak-pihak yang tertentu yang kita semua tahu siapa mereka.

Penyebaran berita palsu, amalan fitnah adalah satu penyakit masyarakat yang boleh menghancurkan negara, pemimpin-pemimpin, khususnya pemimpin politik mestilah terlebih dahulu berubah menjadi manusia yang *siddiq*, yang boleh dipercayai, yang benar, bukan menjadi pemfitnah. Kita ahli politik kena memulakannya, kerana itu PAS memulakan dan memperkenalkan DPMS, budaya politik matang dan sejahtera sebagai satu proses pendidikan dalaman di dalam PAS. Kita mulakan sendiri yang mana antaranya melibatkan 9 tunjang DPMS yang utama iaitu di dalam Perkara 8, politik benar dan bukan bersandarkan kepada persepsi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia selepas menghadiri sesi dialog bertajuk Ke Arah Kebebasan Media dan Memerangi Berita Tidak Benar anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia Asli yang berlangsung di Universiti Sunway, Subang Jaya pada 26 September yang lepas, yang mahu menimbangkan cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen bagi membendung isu salah guna media sosial.

Kata beliau, apa yang mahu dipertimbangkan adalah untuk mencari mekanisme mendapatkan maklum balas daripada orang awam dan pemegang taruh yang utama. Saya rasa, kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Menteri ini aneh sekali dan sangat *contradict* dengan daya usaha membawa rang undang-undang pada hari ini yang telah dibawa oleh kerajaan sekali lagi pada hari ini. Kenapa maklum balas daripada orang

awam dan pemegang taruh utama hanya dilakukan selepas rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen? Rang undang-undang ini bukan dibawa sekali tetapi dua kali dalam tempoh setahun, takkan di dalam tempoh yang panjang ini kerajaan membuat keputusan tanpa proses melibat urus dengan pemegang taruh dalam masyarakat? Bagaimana jika hasil maklum balas awam itu mencadangkan penggubalan semula Akta Anti Berita Tidak Benar? Bagaimana sebuah kerajaan yang melaungkan prinsip ketelusan dan keterbukaan di dalam manifestonya membuat keputusan dengan tergesa-gesa tanpa menyelesaikan terlebih dahulu kajian?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya kluatir kenapa kerajaan bersungguh-sungguh ingin membawa kembali Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar ini? Ini kerana Pakatan Harapan sendiri menjadi kerajaan. Kerajaan yang ada pada hari ini berdasarkan permainan sentimen, penyebaran berita yang tidak benar, betul atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:**

Bahkan, perkara ini dilihat berterusan walaupun selepas Pakatan Harapan menjadi kerajaan. Lihat sahaja bagaimana respons Menteri Wilayah di dalam isu permohonan bunting dan *banner* bagi Program Himpunan Penyatuan Ummah, persis tulisan-tulisan *viral* yang tersebar di dalam Facebook dan Twitter yang penuh dengan cemuhan dan kesalahan fakta. Bezanya, kenyataan itu dicantikkan dengan logo kementerian berkenaan di kepalanya.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:**

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh setahun ini kita boleh lihat tiada perubahan yang positif pun yang berlaku di dalam penulisan berita di portal-portal, sama sahaja yang disebarkan melalui media massa. Banyak penulis dan editor di portal-portal ini mengambil sikap tidak bertanggungjawab, tidak berintegriti dengan menulis tajuk-tajuk berita yang *mind blowing*, *double meaning* sebagai umpan untuk meningkatkan kemungkinan membaca pelayaran pautan berita berkenaan. Malangnya, ramai yang membuat interpretasi dengan membaca tajuk berita sahaja dan berita yang tersebar menjadi tidak benar kerana berbeza dengan isi kandungan berita yang sebenar. Lihat apa yang berlaku sebaik sahaja selesai pelancaran Muafakat Nasional baru-baru ini. Bagaimana sebuah akhbar berbahasa Cina yang diberi permit boleh menyiarkan gambar yang diubahsuai melibatkan Presiden Parti UMNO dan Presiden Parti PAS, diubahsuai seolah-olah berlaku perkahwinan antara keduanya.

Ini yang diberi permit. Bagi orang yang tidak tahu tentang situasi yang berlaku, seolah-olah menggambarkan bagaimana dua orang lelaki boleh berkahwin? Sedangkan PAS dan parti UMNO yang dengan tema Islam memimpin, sangat menentang sebarang hubungan sama jenis macam ini. Siapa yang tidak menentang, saya tidak tahulah siapa, okey. Begitu juga berlaku di dalam Pakatan Harapan, isu berkait dengan video, itu berlaku. Ini menunjukkan keseriusan tentang masalah penyebaran berita palsu, budaya fitnah ini yang perlu kita perangi habis-habisan, bukan sahaja semata-mata dengan peruntukan yang ada, perlu ada iltizam yang jelas. Antara lain, melalui apa yang kita sebut undang-undang anti berita tidak benar yang telah *alhamdulillah*, kita telah ada aktanya.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh setahun ini dengan kepesatan penggunaan media sosial saya percaya akta yang khusus adalah perlu, bukan sahaja untuk mengatasi penyebaran berita-berita yang tidak benar tetapi juga bertindak sebagai *prevention* untuk mengelakkan berita yang tidak benar terus tersebar secara berlarutan. Tambahan pula, walaupun kerajaan mengatakan undang-undang yang ada sudah cukup untuk mengatasi masalah ini, malangnya undang-undang yang sedia ada tidak menyentuh beberapa perkara di dalam akta ini. Kerajaan tidak wajar membawa kembali rang undang-undang ini kerana rakyat perlu dilindungi daripada berita-berita yang tidak benar. Setakat ini masih belum ada mekanisme yang lebih sesuai yang dicadangkan oleh kerajaan. Bagi menjamin keberkesanan akta ini, lebih baik pindaan dibuat dengan menyasarkan khusus kepada *telemedia service provider* atau penyedia perkhidmatan telemedia seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Undang-undang ini boleh meletakkan tanggungjawab untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap *unlawful contempt* di dalam media sosial ke atas penyedia perkhidmatan (*service provider*) seperti yang telah dilakukan di Germany. Mangsa juga sepatutnya dibenarkan untuk menyaman *service provider* melalui saman fitnah bagi menggalakkan mereka menapis kandungan yang dibenarkan di platform mereka.

Penyedia perkhidmatan ini perlu dikenakan denda yang besar jika didapati bersalah kerana gagal memadamkan kandungan yang salah. Pengguna atau pemilik akaun media sosial juga perlu disekat untuk menyatakan pendapat untuk tempoh tertentu jika sabit dengan kesalahan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Nak minta sikitlah.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, silakan Yang Berhormat Sik.



**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sedar kah Yang Berhormat Kuala Terengganu bahawa ketika kerajaan bersungguh untuk memansuhkan akta ini, secara moralnya di luar sana mengatakan mesej bahawa Kerajaan Pakatan Harapan ini suka kepada berita tidak benar ini, khususnya kepada anak-anak muda kita. Mesej itu yang sedang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini di luar sana. Minta pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, ya, ya. Saya tak sempat untuk tangkap apa yang diperkatakan tadi tapi memang benar, inilah yang berlaku pada hari ini. Mesej-mesej yang tidak benar, yang berlegaran, mengelirukan anak-anak muda. Lebih-lebih lagi daripada itu yang saya khuatir, negara kita kehilangan produktiviti. Terlalu banyak berita-berita sensasi disebarkan, golongan pekerja banyak menghabiskan masa di kedai-kedai kopi bercakap tentang perkara yang tidak benar, perkara-perkara yang disensasikan. Ya.

■1550

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Terengganu. Pertama, adakah kerajaan PH yang didirikan ini adalah di atas kerajaan fitnah? Itu yang pertama. Oleh sebab sekarang ini *continuous*. Itu hak saya hendak tanya. Apa yang kamu bising. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Terengganu. Dengarlah dahulu. Apa punya... [Disampuk]

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Setuju. Setuju.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Hendak suruh dengar pandangan kamu sahaja. Pandangan kita tidak mahu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Setuju. Setuju.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, ini pandangan saya.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Pihak kita bercakap.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat Pendang tanya... [Disampuk]

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Nanti sekejap. Tidak habis lagi. Sekejap dahulu. Kedua, kita tengok berlangsungnya fitnah daripada sebelum PRU yang ke-14 dahulu, PAS sangat teruk pada ketika itu. Dibelasah oleh fitnah ini. Fitnah ini sangat zalim. Sampai sekarang luka parah. Ya, termasuk dalam *Facebook*, dalam *Twitter*, dalam sekarang ini juak-juak dalam Pakatan Harapan ini sedang membawa isu fitnah ini menyerang PAS pada ketika itu sebagai pembangkang. Apatah lagi serangan-

serangan terhadap UMNO ketika itu menjadi kerajaan. Sehingga sekarang tidak dapat dibuktikan. Kalaulah akta *fake news* ini kita batalkan, kita hapuskan, apa akan jadi kepada negara kita. Kita tengok satu lagi— sekejap. Saya hendak bagi soalan ini.

Seorang pemimpin PH yang besar, bekas rakan kita telah... *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Siapa dia itu? Sebut nama.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ini salah ini. Soalan. Siapa kacau tadi? Ini... *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Lenggong. Lenggong.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Dengar dahulu! Oh, sekejap. Sekejap. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya sebagai isteri tua, mengucapkan selamat pengantin baharu kepada PAS dan UMNO. Hei, kami jantan dengan jantan wei! Kahwin tidak boleh! Kamu bukan isteri kami. Bukan isteri tua. Kamu janda yang tidak boleh pakai. Yakni yang sangat jahat, melondeh perkara-perkara masa kita berkahwin dalam kelambu, yang tidak betul. Mengaku isteri tua. Kamu janda. Bukan isteri. Kamu minta fasakh! Bukan kami ceraikan kamu. Ini fitnah. Jangan kamu bercakap sembarangan berkenaan fitnah ini.

Jadi, saya hendak minta jawapan. Ini perangai pemimpin-pemimpin PH yang ada sekarang. Kamu pemimpin kerajaan. Bawa fitnah dalam pemikiran kamu yang memfitnah akhlak...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sebut nama. Sebut nama sikit. Siapa dia itu.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** ...moral dalam negara ini bagi...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Siapa nama itu? Siapa nama?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** ...anak-anak kita menjadi seorang fitnah. Saya tidak mahu sebut.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Okey, dah itu. Cukup-cukuplah. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kalau saya sebut pun semua orang tahu. Keluar dalam media.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Bagi tahu lah nama. Telus sikit.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kawan saya dahulu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Beranilah cakap. Dah cakap fitnah, bagi nama.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Okey. Okey. Saya dah bagi cukup dekat Yang Berhormat Pendang. Dia minta pandangan saya sama ada kerajaan yang ada pada hari ini naik berdasarkan kerana fitnah. Saya tak nak sebutlah fitnah kah apa. Manifesto sampai sekarang ini penipuan kepada rakyat semata-mata. *[Tepuk]*

Manifesto yang palsu.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Cerminlah diri dahulu.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Jadi— kami dalam PAS difitnah. Seolah-olah kami yang terlibat dengan rasuah walaupun disebut beberapa kali oleh SPRM bahawa setakat ini, kita tidak ada satu pun kes yang melibatkan fitnah, yang melibatkan rasuah. Setakat ini. Masih lagi kami mengekalkan rekod kita setakat ini dan fitnah inilah yang juga mengheret seorang pemimpin AMANAH dalam kes memfitnah kerajaan Kelantan. Betul tidak? Dua tiga hari ini dan dihukum.

Jadi, saya menyerulah supaya kita tunjuk contoh yang baik kepada... *[Disampuk]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Siapa pemimpin AMANAH itu Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Siapa hendak naik? Okey. Cakap. Saya hendak bagi laluan ini. Siapa hendak cakap? Masa saya ada lagi empat minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada empat minit lagi.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya hendak tanya. Ada pemimpin yang bergambar di hadapan pusat untuk kita membina terminal ECRL di Kuantan. Dituduh sebelum pilihan raya, inilah gara-gara Barisan Nasional, Yang Berhormat Pekan untuk menjual kedaulatan negara. Akan tetapi, bila menjadi pemerintah, projek ini diteruskan. Ini contoh jelas. Kedua, fasal Lynas pun begitu juga. Ahli Parlimen, Timbalan Perdana Menteri fitnah macam-macam. Sekarang ini sokong pula hendak diteruskan. Ini yang menjadi masalah. Memang bukti bahawa akta ini hendak dimansuhkan. Akta anti berita tidak benar ini hendak mansuhkan, takut Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan akan dihadapkan, ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah oleh sebab melakukan berita fitnah dan berita tidak benar. Ini yang dia orang takut ini. Senjata ini. Itu yang hendak dimansuhkan. Setuju tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, sekejap ya. Saya tidak mahu tembaklah yang fasal ECRL. Saya... *[Disampuk]*

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** ECRL dengan penjimatan yang amat besar.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Penjimatan yang amat besar.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya antara yang meminta. Akan tetapi, kalau...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Penjimatan lain cerita. Penjimatan bila terowong tidak dibina.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Dahulu... ECRL.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ini bukan masalah penjimatan. Masalahnya projek ini dituduh untuk menjual kedaulatan negara. Itu tajuk dia. Dengar baik-baik.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat. Saya ialah saya bermula tadi untuk bercakap tentang sifat-sifat nabi. Antara lain saya rasa biarlah dalam masa yang sama, saya mengucapkan terima kasih berhubung dengan penerusan ECRL ini. Akan tetapi yang kata tadi bergambar kemudian bergambar sekali lagi... *[Disampuk]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** ...pada masa *launching*. Itu berita benar. Sebab saya berada di dalam *relaunching* ECRL ini yang berlaku di Bukit Bauk. Saya berada di sana dan Yang Berhormat Menteri sendiri yang bercakap positif dengan ECRL ini.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Dengar itu Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Dengar itu Yang Berhormat Jelutong. Ini fakta bukan auta.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ini berita-berita yang benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Kuala Terengganu rumuskan. Ada seminit lebih lagi.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya. Okey.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya ada masa lagi.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya tengok banyak yang berlatar belakang undang-undang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Terengganu termasuk Yang Berhormat Kuala Krau juga Yang Berhormat Tanjong Karang, bila kita belajar undang-undang, prinsip kita kalau pengkhianat kita hendak bela tidak? Pengkhianat negara. Seperti jual Kad Pengenalan I/C apa semua. Kita hendak jadi peguam bela atau tidak? Minta Yang Berhormat Kuala Terengganu respons sedikit isu ini.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya kalau pengkhianat negara, pantang saya, kita bela mereka ini.

*[Tepuk]*

Pengkhianatan kepada negara tidak harus dimaafkan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Siapa yang bela dia?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ini kerana duit. Duit. Ini kerana duit, '*pulus*'. Tidak kiralah.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Siapa yang biaya itu?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Kuala Krau, duit kah? Ini— '*wal pulus wal masyuk*'

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Sebagai akhirnya, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan berhubung dengan akta pemansuhan undang-undang anti berita tidak benar. Saya mengharapkan sangat supaya akta ini dikekalkan demi rakyat. Demi kepentingan rakyat. Jangan semata-mata kepentingan politik yang tertentu, kita mahu menghancurkan satu akta yang telah kita susah payah wujudkan bagi memelihara rakyat di dalam negara ini.

Saya menegaskan bahawa bagi tujuan rang undang-undang pemansuhan akta berita ini, saya menolak 100 peratus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Sungai Petani sokong kita lah.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bakal Menteri Besar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bakal Menteri Besar cakap elok-elok.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Mana Ahli-ahli Parlimen yang sokong PD ini, kita hendak sokong PD. Kalau dia bantai kita, kita tidak sokong PD. Kita tengok dia.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Kuala Krau. Duduk. Duduk.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Berani tidak berani dia bantai blok sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Krau, sila duduk. Saya hendak minta...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, berani tidak berani Yang Berhormat Sungai Petani bantai blok sini pula.

*[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Krau. Duduk. Saya bagi kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Ini bukan *floor* Yang Berhormat Kuala Krau. Sila duduk. Sila duduk. Saya minta Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kalau berani...

*[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya panggil Yang Berhormat Sungai Petani, bukan Yang Berhormat Kuala Krau. Sila, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau dia hendak teruskan niat jadi Yang Berhormat Menteri Besar. Kita akan tentang habis-habisan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kalau tidak sebut. Kita tidak *sign*. Satu tandatangan dari Kuala Krau. Ingat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bocor rahsia. Bocor rahsia.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Oh bocor rahsia, ada komplot.  
*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Puncak Borneo, kita dah bincang. Ingat Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Malulah bekas Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Sungai Petani.

**3.59 ptg.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya sedang tunggu Tuan Yang di-Pertua duduk sebab saya bagi tenangkan kawan-kawan dulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa imbau kembali di dalam Dewan ini juga, kita berbahas dengan begitu panjang tentang untuk mewujudkan saya Akta Anti Berita Tidak Benar, waktu itu 2018.

■1600

Saya kira kita bincang lebih daripada 16 jam. Kita telah pun mendengar semua pandangan. Hampir semuanya Tuan Yang di-Pertua menyokong bahawa betapa harus ada akta sebegini untuk mengekang apa juga niat orang yang menulis berita-berita yang tidak benar ini sama ada daripada pembangkang atau kerajaan ataupun menggunakan elemen-elemen yang tidak disebarikan seperti *social media* yang tidak bertanggungjawab untuk memalukan ataupun menyebarkan berita yang tidak benar ini.

Saya kira semua pihak bersetuju untuk mengatakan inilah caranya kalau sekiranya negara mahu maju. Sekiranya kita tidak menerima berita-berita ini secara telan bulat-bulat, kita harus ada satu undang-undang. Saya amat menyokong waktu itu. Saya mendengar semua orang menyokong di kedua-dua belah pihak bahawa inilah satu akta yang bagus untuk memastikan negara kita maju ke depan, tidak diheret oleh berita-berita yang begini. Bukan sahaja boleh memecahbelahkan kita di antara rakyat tetapi juga boleh membakar negara kita, akhirnya kita hancur.

Itu ialah satu rang undang-undang yang telah pun diperkenalkan di Dewan ini dan akhirnya kita menyokong di sini dan Dewan Rakyat telah pun memberikan mesej kepada rakyat bahawa Ahli-ahli Parlimen menyokong undang-undang. Malangnya, saya mungkin – kawan-kawan terlupa, apabila dia pergi ke Dewan Negara rang undang-undang ini tidak lulus. Di Dewan Negara *this bill was beaten*.

Oleh sebab di Dewan Negara ia tidak diluluskan, maka mengikut peruntukan dalam undang-undang negara kita, dalam Perlembagaan 68. Artikel 68, Perlembagaan kata maka rang undang-undang ini mesti dimatikan. Maka kita bawa hari ini untuk kita matikan rang undang-undang ini kerana dia tidak lepas di Dewan Negara. Perlembagaan juga mengatakan kita kena tunggu setahun, selepas setahun boleh bawa balik rang undang-undang ini untuk dibahaskan dan diluluskan.

Isunya sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah isu teknikal. Tidak ada sesiapa pun yang hendak menghidupkan atau mematikan rang undang-undang ini. Tidak ada sesiapa pun yang benci atau suka rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini dibawa untuk dimatikan dahulu mengikut Perlembagaan kita kerana ia tidak lepas di Dewan Negara. Apa yang kita minta hari ini kita matikan dahulu ini, tunggu setahun Tuan Yang di-Pertua, bawa balik dan selepas itu kita hidupkan semula dan semua akan bersetuju. Di sebelah kanan saya kah, sebelah kiri saya kah, kita akan setuju bahawa betapa pentingnya rang undang-undang untuk kita luluskan agar bukan sahaja parti pemerintah tetapi juga parti pembangkang juga...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Sungai Petani...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Terselamat daripada fitnah ini. Jadi apa yang sedang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah kita hendak tutup cerita ini kerana ia tidak lepas di Dewan Negara.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Sungai Petani...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Kita terpaksa menunggu satu tahun selepas itu kita, ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya hendak habiskan ayat terakhir saya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sedikit, sedikit.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya hendak habiskan ayat terakhir saya. Jadi apa yang kita bahaskan ini ialah supaya – kita boleh *bulldoze*, kerajaan tentu sahaja boleh *bulldoze* walaupun tidak ada masalah dengan Dewan Negara, macam-macam cara boleh buat. Akan tetapi demi untuk menghormati kewujudan dan juga kemuliaan Dewan sebab itulah ia dibawa untuk memastikan *bill* ini kita tutup selepas itu



tunggu setahun, maka kita balik semula, benda yang sama. Proses yang berlaku mesti sama supaya kita wujudkan balik yang kita namakan satu Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar. Waktu itu mungkin tahun depan. Terima kasih, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan sebab saya kurang jelas tadi maksud dimatikan itu, ditutup itu. Adakah maksudnya Yang Berhormat setuju kita tolak rang undang-undang ini hari ini?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan oleh penasihat undang-undang bahawa oleh sebab rang undang-undang ini kalah di Dewan Negara maka rang undang-undang ini mestilah dibawa balik ke Dewan Rakyat dan supaya rang undang-undang ini dengan ini dimatikan. Rang undang-undang ini tolak kemudian *in one year after that* barulah satu rang undang-undang yang mungkin sama dibahaskan balik.

*So, the whole process will start* balik supaya agar diluluskan di Dewan Rakyat dan akhirnya kalau terlepas juga di Dewan Negara dengan sendirinya ia akan menjadi satu rang undang-undang. Itu pandangan yang diberikan kepada saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Penjelasan.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Mohon laluan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Petani, boleh?

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu boleh?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krau, silakan.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Selepas ini Setiu, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sebut kita mendapat nasihat daripada penasihat undang-undang mengikut Perlembagaan. Maka apabila ditolak di Dewan Negara, maknanya rang undang-undang ini dimatikan dan tidak ada pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani sama ada setuju atau tidak setuju kerana terpaksa mengikut Perlembagaan. Kenapa Yang Berhormat tidak mengambil pendirian, nasihatkan kerajaan apabila ditolak di dalam Dewan Negara, kita teruskanlah Akta Antiberita Tidak benar ini apabila ditolak, kenapa kita hendak matikan? Ini tafsiran.

Jadi kalau Yang Berhormat sendiri pandangan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, adakah pendirian Yang Berhormat sendiri yang hendakkan sokongan kami orang ini sama ada setuju atau tidak?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ia soal mendapat sokongan tidak timbul Yang Berhormat, saya rasa tidak timbul.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Akan tetapi hendak juga kan?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Hendak atau tidak hendak?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kita banyak lagi hendak sokong ini.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, kita berbincang soal teknikal Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Sungai Petani, Setiu minta laluan sedikit.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Sungai Petani, kenapa Yang Berhormat Sungai Petani, kerajaan ini beria-ia sangat supaya diluluskan rang undang-undang ini? Adakah kerajaan yang ada ini tidak yakin kalau sekiranya dimansuhkan akta ini PH tidak akan menang dalam PRU yang akan datang?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Isunya Yang Berhormat Setiu begini, sebenarnya Akta Antiberita Tidak Benar ini tidak lepas, ia tidak menjadi undang-undang *because* untuk menjadi undang-undang ia mesti lepas di Dewan Rakyat, ia juga lepas di Dewan Negara.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tidak betul. Akta ini telah diluluskan di Dewan Rakyat, Dewan Negara. Sudah menjadi akta tetapi yang tidak diluluskan adalah untuk pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar barulah Dewan Negara tolak. Jadi ini telah menjadi akta, lulus di Dewan Rakyat...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Faham sedikit.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** ...Lulus di Dewan Negara, itu semasa Barisan Nasional. Memang ketika itu Yang Berhormat Sungai Petani menolak akta ini tetapi yang ditolak adalah rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar di Dewan Negara.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Sungai Petani, boleh saya bantu...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sungai Petani, apa yang betulnya Yang Berhormat Kuala Krau cakap tadi.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** ... *Subject matter* kita ialah untuk pemansuhan akta yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Betul.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Pemansuhan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Betul, itu yang sedang berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kalau begitu Yang Berhormat Bukit Bendera, kalau begitu kenapa kita perlu bawa balik kepada Dewan Rakyat kalau ia telah diluluskan di Dewan Negara? Akan tetapi...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Sila baca Artikel 68...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** ...Rang undang-undang, rang undang-undang yang telah kita luluskan di Dewan Rakyat apabila bawa ke Dewan Negara, Dewan Negara ketika itu tolak sebab itu kita kena menunggu setahun lebih untuk kita bawa balik rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Kuala Krau, bekas Timbalan Speaker sila baca Artikel 48...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Bukit Bendera...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Perlembagaan Persekutuan dan minta kaji...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Oleh sebab itu jelas saya katakan bahawa akta ini telah lulus tetapi kita bawa dalam Dewan Rakyat hendak dimansuhkan tetapi tidak lulus di Dewan Negara, itu fakta. Bukannya saya tidak tentang Artikel 63. Terima kasih.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Artikel 68.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Artikel 68...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Artikel 68. Sila baca...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, silakan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya sekali lagi mengulangi bahawa tidak timbul isu sama ada saya setuju atau tidak setuju sebab apa sudah lama dan sudah

banyak kita bahaskan bahawa betapa perlunya Akta Antiberita Tidak Benar, itu saya tidak ada masalah. Tidak ada khilaf bahawa harus wujud satu akta yang dinamakan undang-undang, harus wujud dan saya tidak menolak kewujudan undang-undang itu. Isunya sekarang isu teknikal...

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Isunya betul-betul isu teknikal yang kerana ditolak di Dewan Negara.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat, boleh saya...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Itu sahaja isunya. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Boleh saya minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Sungai Petani? Apa yang saya faham ialah semasa kita telah pun berbahas di dalam bulan Ogos tahun lepas iaitu pemansuhan kepada akta ini. Apabila masuk ke Dewan Negara, akta ini ditolak oleh Dewan Negara. Pemansuhan ini, pemansuhan ini. Kelulusan sudah ada pada zaman sebelum daripada PRU-14. Hari ini kita bincang oleh sebab Kerajaan Pakatan Harapan bawa balik usul ini ataupun akta ini untuk memansuhkan selepas daripada setahun akta ini ditolak oleh Dewan Negara.

Jadi oleh sebab kalau Ahli Yang Berhormat sebut tadi ialah kita semua setuju dengan Akta Antiberita Tidak Benar ini wujud, akta ini sudah wujud. Jadi adakah sekarang ini Yang Berhormat bersetuju untuk pindaan ini ditarik balik ataupun pemansuhan ini ditarik balik?

■1610

Akta ini, *bill* ini ditarik balik dan kekalkan dengan Akta Antiberita Tidak Benar yang telah wujud sebelum daripada ini. Jadi sekarang ini Yang Berhormat mungkin saya ingat keliru sedikit ini. Sebagai ketua *backbenchers* saya ingat tidak boleh macam itu Yang Berhormat, senior dalam Parlimen ini. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani saya nak bantu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani tidak silap. Kerajaan yang baharu ini nak memansuhkan Akta 803 yang lama, nak mansuh itu tidak boleh mansuh sembarang, mesti ada satu akta pemansuhan, yang inilah. Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 ini mesti jadi satu undang-undang. Undang-undang ini khusus untuk memansuhkan. Bila undang-undang yang kita bahas ini lulus, barulah kita boleh mansuhkan akta yang digubal masa zaman Barisan Nasional dulu. Yang Berhormat Sungai Petani tidak silap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan dengan hujah-hujah substantif ya.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Minta laluan Yang Berhormat Sungai Petani. Oleh sebab itu saya tanya tadi kenapa tak nak mansuhkan? Adakah Kerajaan PH rasa tak yakin menang kalau sekiranya dimansuhkan akta ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat Sungai Petani memberi laluan?

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** ...Sebab fitnah itu menjadi bahan kepada PH untuk menang PRU.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat ini siapa yang nak cakap, bangun. Jangan sesuka hati cakap tidak mengikut peraturan. *[Dewan riu]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itu saya katakan tadi bahawa isunya adalah isu tidak timbul sama ada kita harus mengutuk kawan-kawan, itu tidak timbul sebab harus ada satu akta, harus ada satu prosedur, harus ada satu pemantauan dan ini semua berlaku dalam ruang lingkup undang-undang. Itu jelas. Oleh sebab itu saya katakan bila akta yang kita sebut ini ialah suatu yang tidak lepas saya katakan dalam Dewan Negara, ianya harus dibawa balik ke sini. Masa yang kita tentukan selepas berlakunya penolakan itu ialah setahun dan itulah sebabnya harus dibawa balik ke dalam Dewan ini untuk kita hidupkan undang-undang yang...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kita tolaklah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang kita bincang panjang setahun yang lepas itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya hendak sebut. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kita tolaklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut giliran saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Selalu nama Yang Berhormat Arau tidak ada dalam senarai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hantar tiga surat peribadi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau, jangan kacau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada di bawah.

**4.12 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan mengenai pemansuhan Akta

Antiberita Tidak Benar 2018 atau Akta 803 yang tentunya saya tidak menyokong supaya ianya dimansuhkan. Mengapakah antara punca pada tahun 2018, awal tahun kita membentangkan akta ini. Pada pendapat saya, antara puncanya adalah kerana media sosial di luar kawalan, satu lagi ialah berita palsu di luar kawalan, satu lagi ialah fitnah jahat di luar kawalan.

Dalam Laporan Digital 2019, pada awal tahun 2019 dinyatakan bahawa Malaysia keempat tertinggi dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam penembusan media sosial mudah alih. Kita nombor empat tertinggi dalam dunia dan paling tinggi di Asia Tenggara dan disebut juga dalam Laporan Digital 2019 itu, penembusan internet di Malaysia kini pada tahap 80 peratus dan secara purata Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia menggunakan 2 jam 59 minit untuk melayari media sosial setiap hari, hampir tiga jam. Kita tahu ia berlaku juga sedikit sebanyak kepada diri kita. Disebut juga dalam laporan itu, 75 peratus pengguna internet membelanjakan wang untuk e-dagang. Jadi kalau kita ada akta ini juga untuk melindungi mereka daripada iklan-iklan yang tidak benar contohnya.

*Facebook* di seluruh dunia, penggunanya 2.121 bilion orang di seluruh dunia dan dinyatakan bahawa di Malaysia 18 juta rakyat memiliki akaun *Facebook*. Jadi apa yang kita lakukan untuk mewujudkan Akta Antiberita Tidak Benar ini sebenarnya perkara yang sewajarnya dilakukan.

Yang Amat Berhormat Langkawi menyebut pada 9 April dalam satu sidang akhbar bersama Perdana Menteri Singapura di Putrajaya, beliau menyebut kerajaan boleh kendali berita palsu walaupun tanpa Akta Antiberita Tidak Benar. Perdana Menteri Singapura pula menyebut bahawa berita palsu adalah masalah serius yang membimbangkan banyak negara dan Singapura bukanlah satu-satunya negara yang menggubal undang-undang sedemikian. Menurutnya, Perancis, Jerman dan Australia telah melakukan sesuatu yang serupa. Jadi kalau kita lihat negara-negara yang maju seumpama itu pun ada akta seumpama ini. Akan tetapi kenapa pula kita ingin memansuhkan.

Berita tidak benar ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ia berpunca daripada pelbagai sumber. Antaranya ia berpunca daripada sumber Dewan Rakyat ini juga. Sebagai contoh, Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa Barisan Nasional, kerajaan terdahulu merompak RM19.47 bilion wang *refund* GST walhal perkara itu tidak benar. Perkara itu tidak benar, telah dinyatakan dalam laporan PAC, tidak ada satu patah perkataan rompak pun ada dalam laporan itu. Bagaimana perkara itu benar? Walhal apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan itu telah *viral* ke serata alam dan

perkaranya tidak boleh di padam di media sosial. Ini yang menjadi masalah. Akan tetapi dengan adanya akta ini mahkamah boleh mengarahkan agar berita-berita tidak benar itu di padam daripada segala saluran media sosial *Twitter, Facebook, FB page, Instagram WhatsApp, Telegram* melalui perintah mahkamah.

Satu lagi, saya juga ingin menimbulkan ia bukan hanya berita tidak benar, ada juga di Malaysia ini yang kita tahu bahawa manifesto yang tidak benar. Itu satu perkara yang amat berlaku dan menyakitkan dalam negara kita ini. Mereka kata nak melaksanakan 10 perkara dalam masa 100 hari, sekarang ini dah hampir 500 hari tidak dilaksanakan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini adalah manifesto tidak benar yang menjadi berita tidak benar.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mohon laluan boleh? Boleh minta laluan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebagai contoh.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Fasal manifesto ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Manifesto yang tidak benar ini apa dia? Satu kotak daripada 10 kotak yang berlegar sebelum PRU ke-14 yang tidak benar itu, apa contohnya? Ingin mewujudkan contohnya Suruhanjaya Diraja 1MDB, ada dibuat? Mana ada Suruhanjaya Diraja 1MDB.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini manifesto tidak benar menjadi berita tidak benar.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat, tanya sikit. Senarai MACC semalam berita benarkah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu lagi, Suruhanjaya Diraja FELDA, mana ada.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tak, senarai MACC semalam...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mana ada Suruhanjaya Diraja untuk FELDA, berita tidak benar.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Senarai MACC yang ada nama Datuk Ahmad Maslan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Suruhanjaya Diraja MARA, mana dia? Tidak benar. Suruhanjaya Diraja Tabung Haji, mana dia? Tidak benar!

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Mungkin ada terima wang 1MDB tak? Ada terima wang 1MDB tak?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini manifesto tidak benar!

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** MACC punya *list* benar atau tak benar? Saya nak tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Senarai?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Rasah duduk!

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** MACC punya *list*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Senarai semalam?

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Rasah dapat kebenaran dah tu.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Itu benar, itu benar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dengar baik-baik.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Rasah *bulldoz*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dengar baik-baik.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tarik baliklah! Siapa yang bodoh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini saya hendak menjawab soalan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Jangan kurang ajar!

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bulldoz, bulldoz*. Tak nak tarik, bukan bodoh, *bulldoz*.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kamu cakap bodoh.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bulldoz-bulldoz*. Langgar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Senarai MACC benar ataupun tidak.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tidak dengar cakap Melayu?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey, ini jawapan saya. Saya telah disiasat oleh dua pihak berhubung dakwaan kononnya saya menerima sejumlah wang yang dikatakan berkaitan 1MDB.

Pertama, siasatan oleh pihak PDRM dan kedua oleh pihak SPRM sebelum ini. Namun saya telah memaklumkan kepada mereka bahawa saya tidak pernah menerima cek dengan sejumlah yang ditunjukkan salinan cek kepada saya oleh pihak PDRM dan pihak SPRM itu.



**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Masuk akaun adakah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya juga telah menandatangani dokumen PDRM dan SPRM bahawa saya tidak pernah menerima wang seperti yang dinyatakan.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Ada masuk akaunkah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak ada masuk dalam akaun, tidak ada.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Atau terima *cash*?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tetapi nama saya disenaraikan semalam, itu berita tidak benar! [Dewan riuh]

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Benar, itu berita benar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu berita tidak benar!

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** *You go to court and defend yourself*, tak payah cakap sini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Penyiasatan telah dibuat terhadap saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya cabar Yang Berhormat saman MACC.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sedang disiasat atau belum? Kalau sedang disiasat jangan bincanglah. [Dewan riuh]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Siasatan terhadap saya telah selesai dan saya telah menandatangani dokumen bahawa saya tidak menerima sebagaimana cek yang ditunjukkan kepada saya. Akan tetapi kenapa senarai nama saya masih lagi ada dalam 80.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, saman MACC, saman MACC.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu adalah contoh berita tidak benar. Yang ini tidak ada maafiah.

#### ■1620

Saya amat kecewa terhadap apa yang dilakukan. Bererti punca berita tidak benar itu kadang-kadang daripada Dewan Rakyat ini, seperti contoh kerajaan terdahulu merompak RM19.47 bilion. Itu berpunca daripada Dewan ini.

Satu lagi berita tidak benar boleh berpunca daripada kerajaan, boleh membuat berita tidak benar dan saya jadi mangsanya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Pontian, boleh saya celah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tuduhan serius terhadap MACC.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pasir Gudang boleh. Yang Berhormat Pasir Gudang kawan. Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang silakan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Jika Yang Berhormat Pontian berasa difitnah dengan berita tidak benar itu, ada saluran, saman. Hendak saman kerajaan pun boleh, saman MACC itu boleh, Pengerusi SPRM itu pun boleh disaman. Ada saluran, tidak perlu ada Akta Antiberita Tidak Benar ini. Ada saluran. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong minta laluan. Diberikan?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih memberi cadangan. Sebelum Yang Berhormat Pasir Gudang memberi cadangan, saya telah pun berbincang dengan peguam saya untuk mengambil tindakan yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak beri laluan. Silakan duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hendak tanya, penjelasan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kali pertama saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Jelutong. Silakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Saya sebagai peguam, sedia memberi perkhidmatan untuk saman MACC *and* saya akan buat kes ini percuma kalau perkara itu tidak betul.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Jelutong jadi konsultan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Saya di dalam Dewan ini ada orang yang saya boleh percayai dan ada orang yang saya langsung tidak boleh percayai. *[Ketawa]* Tanpa saya menyebut sesiapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ingin teruskan. Ada 11 minit lagi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingat Yang Berhormat Pontian, kalau Yang Berhormat Jelutong jangan, sebab *last minute* di mahkamah dia boleh tarik diri. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tentu akan menyusahkan saya. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kes ini saya tidak akan tarik diri. Saya akan bela sampai habis-habisan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sudahlah. Orang tidak percaya lagi. Tarik diri.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tidak percayalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya lebih percaya pada peguam-peguam sebelah sinilah. Tuan Yang di-Pertua, *order, order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang Tuan Yang di-Pertua ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu berita tidak benar tular pada 11 April 2018 dan 12 April 2018 di Pontian. Dinyatakan bahawa kononnya TMJ atau Tengku Mahkota Johor akan memberi bantuan di Econsave Pontian. Maka, pada 12 April, begitu ramai kehadiran rakyat luar biasa di Econsave Pontian, dengan harapan TMJ datang.

Akan tetapi berita itu tidak benar dan Ketua Polis Johor ketika itu, Dato' Khalil Kadir sebut kes itu akan disiasat di bawah Akta 588 dan Akta 803. Ini sebagai contoh, bahawa berita yang tidak benar. Satu lagi contoh yang dibicarakan di bawah Akta 803...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Pontian, minta laluan. Pendang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya bawa buku dalam tangan saya ini adalah daripada PAC dan jawapan daripada Ketua Akauntan Negara. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pontian, adakah ini satu lagi berita tidak benar atau fitnah yang dilemparkan ke atas mereka ini.

Oleh sebab fitnah ini sangat zalim dan tersebar jauh menikam seluruh rakyat Malaysia terpengaruh sehingga akhirnya satu budaya fitnah telah berjaya dalam negara kita. Saya tengok ini jawapan daripada Datuk Saad bin Isa iaitu Ketua Akauntan Negara menjawab, tidak ada maksud saya dari segi pindah RM19.47 bilion ini tidak hilang. Semua masih ada dalam akaun, cuma salah masuk dalam akaun yang dipanggil Akaun

Disatukan Negara. Ini adakah juga satu fitnah yang sedang dibawa oleh Kerajaan Pakatan harapan dalam masyarakat kita yang sedang dipinda.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Itu bukti berita tidak benar. Maksud rompak ini ialah duit itu langsung terkeluar daripada sistem. Mungkin dibawa keluar negara misalnya. Akan tetapi wang RM19.47 bilion itu masih ada lagi dalam sistem kewangan perbendaharaan Khazanah Nasional, Khazanah Negara. Oleh kerana itu, tentunya tuduhan Yang Berhormat Bagan itu adalah contoh yang cukup hebat mengenai berita tidak benar.

Saya ingin meneruskan kes tunggal yang dibicarakan di bawah akta ini. Seorang warga Denmark, Solah Salim Sulaiman, 46 tahun didakwa menerbitkan berita tidak benar berhubung kelewatan polis untuk tiba di lokasi pembunuhan pensyarah warga Palestin di Setapak pada 21 April 2018. Solah Salim dihukum penjara seminggu dan denda RM10,000. Pesalah turut diperintahkan untuk memadam rakaman video yang dimuat naik dalam akaun *YouTube* miliknya.

Ini satu contoh bagaimana keberkesanan akta ini bahawa kita boleh mengarahkan penama berkeenaan dan juga pihak seperti *YouTube* memadamkan atas arahan mahkamah. Akan tetapi akta-akta lain tidak ada. Contoh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta 588 disebut tentang kandungan jelik. Hukuman cuma RM50,000 Tuan Yang di-Pertua dan tidak lebih setahun penjara tetapi hukuman untuk Akta Antiberita Tidak Benar ini ialah RM500,000 dan enam tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Ini perbezaan.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyebut tadi, akan meminda akta sedia ada ini. Apa contoh akta-akta itu selain daripada Akta Komunikasi Multimedia 1998 dan seksyen mana yang hendak dipinda? Bila hendak dipinda supaya kejadian fitnah terutamanya di media sosial ini boleh kita hentikan dalam masa yang cepat.

Contoh-contoh kes yang boleh saya sebutkan di sini. Ada empat contoh kes di media sosial seperti 'A' menyebarkan di media sosial bahawa produk syarikat 'Z' mengandungi bahan berbahaya dan masih dijual walaupun telah diberhentikan. Maka 'A' bersalah kerana sebarkan berita tidak benar. Jadi ia bukan hanya untuk melindungi kes-kes politik tetapi juga kes-kes fitnah seumpama ini.

Contoh kes kedua. 'A' memberi ceramah umum, mendakwa 'Z' menyalahgunakan dana kebajikan walaupun maklumat tersebut tidak benar. Jadi 'A' yang memberi ceramah umum begitu rupa tentu boleh didakwa atas Akta Antiberita Tidak Benar. Saya juga ingin bertanya. Katalah kalau 'A' memberi ceramah bahawa apabila menang sahaja

Putrajaya, minyak akan diturunkan RM1.50 misalnya. Itu berita benar atau berita tidak benar? Berita benar.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Berita benar menipu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu lagi contoh memberi ceramah. Kita akan adakan pendidikan percuma untuk rakyat.

**Beberapa Ahli:** Benar menipu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu benar, benar menipu. Akibat daripada itu dan ada juga yang memuatkan video bahawa tol di Malaysia ini boleh dihapuskan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Benar menipu.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Pontian, boleh celah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh Yang Berhormat Gerik. Silakan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini SPR dalam Pilihan Raya Tanjong Piai umur 18 tahun boleh bertanding tetapi dalam kita punya cadangan penggubalan umur 18 tahun boleh bertanding, pendaftaran automatik dan berkuat kuasa, sudah diwartakan. Bagaimana kedudukan berita yang ini Yang Berhormat Pontian?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini berita benar tetapi SPR lambat untuk melaksanakan apa yang kita putuskan di sini. Saya pun tidak faham kenapa lambat. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang terlibat dengan SPRM ada di sini. Beliau juga akan menggulung sekejap lagi. Sedangkan data-data Jabatan Pendaftaran Negara sudah ada dan data-data pengundi pun sudah ada.

Kombinasikan sahaja data itu dan 4 juta rakyat yang belum mendaftar dan kita sudah putuskan automatik terdaftar dengan mudah dilaksanakan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sila. Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sudah habis tentang SPR kan? Sudah habis? Okey, Yang Berhormat setuju tak, setiap keputusan besar yang akan dibuat oleh kerajaan mesti berdasarkan keperluan. Bukan semata-mata untuk melunaskan janji pilihan raya. Sebagai contoh, di dalam kes yang kita hadapi hari ini, berita tidak benar. Adakah berita tidak benar itu diperlukan hari ini? Oleh sebab kita lihat banyak kes-kes

berita tidak benar ini, kalau tidak disekat boleh menyebabkan berlaku perpecahan kaum misalnya, ketegangan antara agama dan sebagainya.

Ini diperlukan kerana dalam masyarakat majmuk seperti kita, kalau perkara ini dibenarkan, yang akhirnya yang rosak, yang menerima bencana adalah rakyat. Jadi keperluan hari ini saya kira, perlu kita kekalkan Akta Antiberita Tidak Benar tetapi kerana hendak melunaskan janji pilihan raya, maka kita buat. Seperti dahululah, GST. Hapuskan GST merupakan janji pilihan raya. Jadi hapuskan, ganti dengan SST dengan harapan harga barang turun dan sebagainya tetapi tidak berlaku dan hari ini bercakap hendak kembalikan pula GST.

### ■1630

Jangan pula nanti apabila timbul huru-hara dan sebagainya, datang pula ke Parlimen ini buat *U-turn*, bawa balik Akta Antiberita Tidak Benar dalam Parlimen. Jadi saya rasa jangan hanya kerana hendak melunaskan janji pilihan raya tidak melihat keperluan, maka kita bentangkan akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar seperti hari ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Ketua Pembangkang. Mengenai GST dan SST ini memang tajuk *favourite* lah.

Saya ingin mengesyorkan pada rakan-rakan media di luar sana, tolong jangan lapor kenyataan Yang Amat Berhormat Langkawi pagi tadi. Apakah kenyataan dia? Dia kata, "*Maka rosaklah kerajaan jika dia konsultan*". Sayalah itu... [Ketawa] Itu tidak apalah. Tolong jangan lapor apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa GST menjadi punca rakyat membayar cukai dua kali. Jangan lapor perkara itu sebab kalau perkara itu dilaporkan, ia adalah berita tidak benar. [Ketawa]

Punca cukai atas cukai, *tax on tax* yang berkali-kali ini ialah SST, bukan GST. [Tepuk] Yang Berhormat tahu tidak siapa saya? Kenal atau tidak kenal saya ini? Saya 'mat GST', tahu?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Mat GST. [Ketawa]

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Bab ini saya setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hendak dilaporkan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Bab itu Yang Berhormat Rasah setuju... [Ketawa]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Gasak sampai telanjang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu perkara yang amat penting, tolong jangan lapor. Saya kasihan. Saya tidak hendak bangun sekali lagi tadi

apabila Yang Amat Berhormat Langkawi tadi menyebut kerana atas hormat saya kepada seorang pemimpin lama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan menggulung.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini kerana yang menyebabkan *tax on tax*, cukai atas cukai itu ialah SST. Itu sebab kita buang SST, kita ganti pada GST. Dia benar-benar tidak tahu kerana konsultannya tidak pakar. *[Ketawa]*  
Sila. Berapa minit sebagai rumusan?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Pontian, apabila disebut kenyataan dan jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi tidak benar, kenapa mereka tidak bantah? Sebelah sana mereka ketawa. Adakah mereka setuju berita itu adalah berita tidak benar?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itulah masalahnya, Yang Berhormat Kuala Krau.

Saya ingin respons yang akhir kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Memang benar, Ketua Pembangkang, bahawa banyak perkara yang dihina. Tentera dihina, jawi dihina, bahasa dihina, Nabi dihina, bendera dihina. Macam-macam dihina dalam kerajaan yang ada sekarang ini.

Oleh sebab itu, Akta Antiberita Tidak Benar ini kita jangan mansuhkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, seterusnya Yang Berhormat Pasir Mas. Silakan.

#### 4.33 ptg.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya rakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk bangun berbahas berhubung pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar yang dibawa sekali lagi ke Dewan ini yang telah ditolak oleh Dewan Negara pada tahun lepas.

Saya mulakan dengan Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Surah An-Nur, ayat 19 yang bermaksud, “*Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebahnya tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat, dan ingatlah Allah mengetahui segala perkara yang kamu tidak mengetahui*”.

Islam sesungguhnya menolak sama sekali penyebaran berita tidak benar di kalangan masyarakat. Al-Quran sendiri telah merakamkan perkataan ‘fitnah’ pada 34

tempat tidak termasuk kata terbitan daripada perkara fitnah yang turut terdapat dalam Al-Quran. Antaranya dengan pengertian ujian Surah Al-Anfal ayat 28, Surah Al-Furqan ayat 20 dan Surah Al-Qamar ayat 27. Perkataan 'fitnah' dimaksudkan ataupun dibawa dengan perkataan 'syirik' pada Surah Al-Baqarah ayat 193, musibah dan kesusahan pada Surah Al-Haj ayat 11, keburukan dan perpecahan pada Surah At-Taubah ayat 47 dan 48, peperangan dan pembunuhan pada Surah Al-Ahzab ayat 14. Ini jelas menunjukkan isu fitnah adalah merupakan isu yang serius di dalam Islam dan perlu difahami dan ditangani secara serius dan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, dunia pada hari ini telah pun mengalami revolusi perindustrian 4.0 yang melibatkan pelbagai bidang termasuk automasi, robotik, pengkomputeran awam, kecerdasan buatan dan *internet* untuk segala-galanya serta kemajuan dalam bidang komunikasi dan digital. Kepesatan pembangunan dunia digital yang kita kecapai pada hari ini diiringi dengan lambakan penyebaran berita palsu disebabkan oleh lompongnya kawalan dan juga tapisan.

Setakat ini, mengikut anggaran, dianggarkan 18 juta rakyat Malaysia memiliki telefon bimbit, manakala 13 juta daripadanya memiliki akaun *Facebook*. Tanpa menafikan kepentingan telefon bimbit dan media sosial, penggunaannya tanpa batasan mampu memberikan impak yang negatif kepada individu, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, penyebaran berita palsu boleh mengancam keselamatan negara dan mencetuskan perpecahan di kalangan masyarakat. Contohnya, ketegangan sosial yang berlaku kerana penyebaran berita palsu yang menular ketika pilihan raya Presiden Perancis dulu yang dipercayai berpunca dari isu imigrasi dan agama.

Sebenarnya hampir semua negara seluruh dunia menghadapi masalah penyebaran berita palsu dalam *internet* yang memudahkan maklumat dikongsi dan disebarkan dengan begitu cepat. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jerman dan United Kingdom juga tidak terkecuali dari isu ini. Laman sosial *Facebook* dilaporkan telah menggantung 30,000 akaun *Facebook* palsu di Perancis ketika negara itu menghadapi pilihan raya. Justeru, apabila kita bertindak memansuhkan akta ini, sebenarnya kita telah berundur ke belakang berbanding negara-negara lain di seluruh dunia.

Singapura, contohnya, pada 1 April lepas telah meluluskan undang-undang untuk memerangi berita palsu dalam talian. Di bawah undang-undang yang dibentangkan, mereka yang menyebarkan kepalsuan dalam talian dengan niat jahat untuk membahayakan kepentingan awam boleh menghadapi hukuman penjara sehingga 10 tahun. Platform *internet* termasuk laman media sosial seperti *Facebook*



atau *Twitter* dikehendaki untuk bertindak pantas bagi mengehadkan penyebaran kepalsuan dengan memaparkan koreksi ataupun pembetulan terhadap perkara tersebut atau mengeluarkan terus daripada paparan di *internet*. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini boleh menyebabkan didenda sehingga SGD1 juta. Individu juga boleh diarahkan untuk membetulkan berita yang sama. Jika tidak, mereka boleh didenda atau dipenjarakan sehingga 12 bulan jika enggan untuk berbuat demikian.

Kerajaan Australia juga pada 4 April lepas dilaporkan akan mendenda dan memenjarakan mana-mana pemilik media sosial dan eksekutif syarikat *hosting web* yang jika menyiarkan kandungan ganas atau tidak mengeluarkan mana-mana kandungan yang ditafsirkan sebagai tidak benar dan fitnah. Menurut laporan *Reuters*, di bawah undang-undang baharu, syarikat boleh menghadapi denda sehingga 10 peratus daripada perolehan tahunan mereka, manakala eksekutif boleh dihukum sehingga penjara tiga tahun jika tidak membuang mana-mana video atau gambar atau *posting* yang menunjukkan keganasan, pembunuhan, rogol atau lain-lain jenayah serius tanpa kelewatan.

Begitu juga di Jerman, Tuan Yang di-Pertua. Pada Januari 2018 telah meluluskan undang-undang untuk syarikat media sosial supaya dengan cepat membuang kandungan haram seperti ucapan yang membawa kebencian, pornografi kanak-kanak, maklumat berkaitan keganasan dan maklumat palsu dari laman web mereka. Agensi AFP melaporkan mana-mana pihak yang bertanggungjawab akan diberikan tempoh 24 jam untuk menghapuskan kandungan yang diharamkan atau denda sehingga EUR50 juta.

Begitu juga di negara-negara lain. Perancis, Rusia bergerak ke arah menggubal undang-undang bagi memastikan berita tidak benar dan fitnah ini tidak disebar luaskan dalam masyarakat.

Justeru, Tuan Yang di-Pertua, PAS sekali lagi mengambil sikap menyokong undang-undang ini sebagaimana sikap yang telah kami tunjukkan ketika undang-undang ini dibentangkan sebelum PRU ke-14 yang lepas, sebagaimana sikap yang telah kami tunjukkan ketika mana kerajaan cuba untuk memansuhkan akta ini selepas PRU ke-14 dan hari ini pendirian ini untuk kali yang ketiga kami berdiri untuk menyatakan sikap kami bahawa undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar ini perlu diteruskan dan tidak boleh dimansuhkan sama sekali.

Ini jelas kerana kami telah menjadi mangsa sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan saya sebelum daripada ini. PAS telah menjadi bahan fitnah oleh pesaing-pesaing politik dalam isu derma RM90 juta. Tiba-tiba kelmarin, semalam apabila SPRM

mengeluarkan senarai 80 individu yang menerima wang daripada 1MDB yang mana senarai ini pun belum diketahui sama ada betul atau tidak, tetapi tidak ada satu pun individu atau entiti yang boleh dikaitkan dengan Parti Islam Se Malaysia (PAS).

#### ■1640

Sepatutnya pihak-pihak yang telah menabur fitnah kepada PAS sebelum daripada ini, sebagai contoh saya sebutkan di sini kenyataan daripada MP Port Dickson yang telah disebarkan, yang telah disiarkan dalam laman web Keadilan, *Daily.com* pada 28 Februari 2019 yang bertajuk “PAS Terima Duit 1MDB Menerusi UMNO” adalah merupakan satu fitnah terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Ini merupakan satu perkara yang paling memalukan, bagaimana kenyataan yang sebegini tersasar daripada kebenaran boleh disebar luaskan, disiarkan melalui laman web *official*, rasmi yang dimiliki oleh parti yang berada di dalam kerajaan.

Justeru, PAS telah menjadi mangsa terhadap fitnah yang telah disebarkan, baik sebelum pilihan raya, mahupun selepas pilihan raya. Kalau hendak nyatakan tentang penerimaan wang daripada 1MDB, adakah Ahli-ahli Parlimen kawan-kawan kita daripada Pakatan Harapan tidak mahu bertindak terhadap bagaimana kenyataan daripada SPRM pada yang telah mendedahkan pada 21 Jun 2019. SPRM telah mendedahkan 41 penama penerima wang 1MDB di antaranya ialah Parti Liberal Democratic Party (LDP), LDP Sabah yang didakwa menerima wang ini pada tahun 2013, di mana presidennya pada waktu itu telah menjadi salah seorang anggota Kabinet kementerian di dalam Pakatan Harapan pada hari ini. Ini berlaku, saya tidak ingin menyatakan dakwaan ini betul ataupun tidak, ia masih berada dalam siasatan. Akan tetapi adakah dengan serangan-serangan terhadap 1MDB dan sebagainya ini, sepatutnya sahabat-sahabat kami di dalam Pakatan Harapan yang ada pada hari ini bertindak terhadap unsur-unsur dan juga pemimpin-pemimpin dalaman yang didapati, yang dikeluarkan kenyataan oleh SPRM sendiri telah menerima wang daripada 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Parlimen yang dikasihi sekalian, sidang Dewan yang dikasihi. Saya juga ingin mengajak kita semua untuk menilai kembali bagaimana pemansuhan ini sebenarnya adalah bertentangan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang sebentar tadi. Kenyataan Yang Berhormat Iskandar Puteri yang merupakan penasihat kepada Parti DAP yang menyatakan bahawa Yang Berhormat Iskandar Puteri di dalam satu berita yang disiarkan 8 September 2019, mengajak belia untuk memerangi berita palsu. Yang Berhormat Iskandar Puteri sendiri menyatakan bahawa beliau menjadi mangsa serangan terhadap berita palsu. Kononnya ada yang menyatakan bahawa beliau tidak dilahirkan di Malaysia. Saya tidak tahu betul

ataupun tidak kenyataan tersebut. Akan tetapi beliau menyatakan ini fitnah terhadap dirinya. Itu saya tidak mahu ulas. Fitnah atau tidak. Akan tetapi beliau menyatakan beliau telah menjadi mangsa.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Patutlah tahu.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Beliau menyatakan bahawa beliau menjadi mangsa fitnah. Jadi oleh yang demikian, Yang Berhormat Iskandar Puteri telah mengajak kita untuk memerangi berita palsu yang telah menjadi satu senjata untuk menyerang bukan sahaja pemimpin-pemimpin di dalam Pakatan Harapan, bahkan di dalam parti pembangkang yang ada pada hari ini. Begitu juga, kenyataan yang dikeluarkan pada 22 September 2019, kenyataan daripada Yang Berhormat Iskandar Puteri, 'Mahukah pembangkang sertai sidang untuk memerangi berita palsu?' Dalam kenyataan ini disebut DAP sanggup menjadi tuan rumah persidangan meja bulat bagi memerangi berita palsu dan ucapan kebencian jika pembangkang berminat untuk hadir. Tidakkah perjuangan-perjuangan untuk memerangi berita palsu seperti ini baik amat mudah untuk dilakukan sekiranya akta ini dikekalkan. Maka, kenapa dalam masa yang sama Yang Berhormat Iskandar Puteri dan juga pemimpin daripada DAP khususnya, cukup-cukup rasa tercedera dengan serangan-serangan berita palsu pada hari ini, tiba-tiba mengambil sikap untuk mengundur ke belakang untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang berlaku pada hari ini ialah satu kontradiksi yang cukup-cukup menyedihkan. Ini merupakan satu petanda bahawa Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini seolah-olah dipimpin oleh kepala yang pelbagai-pelbagai. Ada kepala berkata A, ada kepala berkata B. Ini merupakan satu perkara yang mengelirukan rakyat, seolah-olah di sana sedang berlakunya pergolakan dalaman yang maha hebat, yang hanya menunggu masa untuk meletus. Silakan Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya hendak tanya, mukadimah awal tadi Yang Berhormat Pasir Mas ada membaca ayat Al-Quran yang menyebut 30 lebih ayat Al-Quran yang menyentuh tentang besarnya dosa fitnah ini. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Pasir Mas. Ulama-ulama yang ada dalam kerajaan tidak pernah kah memberi nasihat, pandangan tentang fitnah yang dibawa dalam masyarakat sekarang ini? Apakah pemahaman ulama sebelah sana tentang fitnah ini? Kita tanya Yang Berhormat Pasir Mas, sila jelaskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Itu kena tanya merekalah, saya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hanifah Syiah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya. Saya hendak tanya. Ini ada berita yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Port Dickson akan menjadi Perdana Menteri ke-8, ini benar kah tidak benar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana hendak jawab?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Itu ada benar. Ada tidak benar.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Port Dickson, tidak tahulah. Akan tetapi dalam Dewan ini cuma ada satu 'PM' iaitu Pasir Mas. Baik. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan tadi, saya ingin menggesa, saya ingin menjawab soalan respons kepada soalan daripada Yang Berhormat Pendang tadi. Bahawa apabila disebut tentang ulama-ulama di dalam Pakatan Harapan, saya ingin mengajak kawan-kawan yang ada dalam Pakatan Harapan yang masih ada sekelumit iman, yang masih mempunyai iman, mempunyai kehendak untuk menyatakan kebenaran. Mereka perlu betulkan keadaan-keadaan seperti ini. Saya sedih apabila kita sibuk mengulas perkara-perkara yang kadang-kadang perkataan yang diucapkan itu boleh membawa kepada konotasi yang tidak menyenangkan. Sebagai contoh, ada yang menyifatkan bahawa apabila PAS dan UMNO berada sepentas di himpunan perpaduan Melayu, ada yang menyifatkan pertemuan ini atau penyatuan ini adalah perlumbaan ke neraka.

Ini merupakan satu kenyataan yang sangat menyedihkan, keluar pula daripada individu yang memegang di institusi yang disegani. Apa perlu dikaitkan perlumbaan ini ke neraka mahupun ke syurga dan sebagainya? Dahulu mereka juga menyatakan, yang memfitnah, yang melaungkan seolah-olah PAS ini memperalatkan syurga dan neraka. Tiba-tiba hari ini mereka boleh menyebut bahawa pertemuan, penyatuan atau perpaduan antara PAS dan UMNO dalam usaha *ta'awun* ini adalah merupakan perlumbaan ke neraka. Ini satu tuduhan dan satu perkara yang sangat-sangat perlu dielakkan, terutama oleh mereka yang memegang jawatan dalam institusi agama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Pasir Mas, siapakah Menteri yang durjana ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kurang manislah, durjana.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa yang saya tahu adalah Menteri agama. Apakah itu benar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, tolong jangan gunakan perkataan 'durjana'.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, tidak. Siapakah yang Menteri zalim. Zalim, bukan durjana. Zalim, Menteri mana? Apakah Menteri agama? Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya tidak perlu jawablah soalan itu. Walaupun Dewan ini kebal tetapi saya rasa tidak perlu sebut. Saya cuma sebut contoh sahaja. Jadi, ini merupakan satu perkara yang perlu untuk kita elakkan. Begitu juga pemimpin-pemimpin yang ada sepatutnya mengelakkan daripada penggunaan-penggunaan istilah-istilah dan juga perkara-perkara yang boleh menyebabkan ketidaktenteraman dalam masyarakat.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin supaya kerajaan memikirkan tindakan yang boleh dikenakan kepada mereka yang cuba untuk hendak menyiarkan tulisan-tulisan yang boleh menyelewengkan pengertian sejarah yang sebenar. Ada yang menyatakan bahawa datuk neneknya dahulu pernah berjuang untuk kemerdekaan, bila di buat pemeriksaan, di buat *cross check*, apa yang disebut itu, datuk neneknya itu tidak berjuang dengan angkatan tentera mahupun dengan pejuang-pejuang yang lain. Jadi, persoalannya timbul. Adakah yang dikatakan pejuang kemerdekaan itu daripada Parti Komunis Malaya atau MPAJA.

Saya tidak menyatakan isu ini sebagai contoh bahawa bagaimana ada tulisan-tulisan, *posting-posting* dalam *Twitter* dan *Facebook* seolah-olah cuba membawa kembali pandangan masyarakat menilai kembali sejarah. Saya bimbang kalau ini menjadi polisi Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Generasi muda ini dimomok-momokkan, terpaksa belajar sejarah semula. Seolah-olah kemerdekaan pada hari ini yang dicapai oleh Tanah Melayu pada tahun 1957, yang bertukar menjadi Malaysia pada tahun 1963, turut diperjuangkan oleh Parti Komunis Malaya. Ini merupakan satu jenayah terhadap sejarah bangsa kita, sejarah tanah air kita. Akan tetapi ini telah berlaku di dalam tulisan-tulisan, *posting-posting* pimpinan-pimpinan di dalam kerajaan yang ada pada hari ini. Begitu juga dengan penganjuran-penganjuran forum-forum yang menggugat Perkara 3 di dalam Perlembagaan Persekutuan yang cuba untuk hendak mengungkit balik, cuba untuk merubah kembali apa yang telah dipersetujui oleh kontrak sosial dan juga Perlembagaan Persekutuan, wajib untuk kita elakkan sama sekali.

Justeru, walaupun akta ini kita tahu akan diundi secara majoriti dan kerajaan kemungkinan akan berjaya dalam Dewan Rakyat ini dan akan di bawa ke Dewan

Negara. Apa yang berlaku di Dewan Negara? Kita tidak tahu. Mungkin kerajaan sudah ada majoriti dan mungkin akta ini akan dimansuhkan.

■1650

Akan tetapi hendaklah ada suatu tindakan, suatu kaedah, suatu cara di mana kerajaan perlu fikirkan untuk menilai kembali bagaimana untuk bertindak terhadap penyebaran berita-berita palsu yang ada pada hari ini. Ataupun, mungkin dalam erti kata yang lain, Kerajaan Pakatan Harapan ini masih menaruh harapan untuk menggunakan fitnah sekali lagi bagi memenangi PRU-15 yang akan datang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menolak rang undang-undang ini. Terima kasih.

[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Giliran sekarang ialah giliran Yang Berhormat Lembah Pantai, tetapi saya nampak Yang Berhormat Lembah Pantai keluar sekejap tadi. Jadi, seterusnya Yang Berhormat Lenggong, silakan Yang Berhormat Lenggong.

4.50 ptg.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim [Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bilakah giliran ku...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan usul Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019. Isu Berita Tidak Benar merupakan masalah yang dihadapi secara global, ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan terpanjang di dunia. Ia bukan hanya mengelirukan masyarakat, malah boleh memberikan ancaman kepada keselamatan, ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Sebelum saya meneruskan perbahasan, saya hendak nyatakan pendirian bahawa saya menolak rang undang-undang ini. Ini kerana, rang undang-undang ini sebenarnya penting bukan hanya untuk melindungi pembangkang tetapi juga kita semua dan rakyat serta negara ini. Ini kerana banyak dalil yang ditunjukkan dalam dunia ini, baik dalam negara ini atau di peringkat antarabangsa bahawa berita fitnah ini bukan hanya boleh menjatuhkan individu, malah boleh meruntuhkan sebuah negara.

Oleh sebab itu, ia perlu dikekalkan. Oleh sebab itulah, saya hendak sebut bahawa kita tidak faham kenapa kerajaan hari ini mahu memansuhkan akta ini, kerana ia penting. Apakah kerana kerajaan mahu meneruskan budaya sewaktu mereka

menjadi pembangkang dahulu yang sering kali mengeluarkan berita-berita yang tidak benar?

Sebenarnya, rakyat diberikan hak dan kebebasan untuk menyuarakan pandangan, untuk bercakap apa sahaja, tetapi apa juga pandangan, bercakap, mengkritik dan sebagainya mesti dibatasi oleh undang-undang. Oleh sebab itu, undang-undang ini penting untuk memelihara dan membendung kita semua. Silakan, Ketua Pembangkang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan hari ini, sebab kuasa untuk mendakwa dan sebagainya adalah di bawah kerajaan hari ini. Seolah-olah MP ataupun Ahli Parlimen daripada kerajaan tidak yakin dengan kerajaan hari ini boleh memberikan keadilan kepada rakyat apabila timbul isu ini. Apa yang mereka hendak mansuhkan akta ini, apa fasal?

Oleh sebab, kalau tidak mansuh sekalipun terserah kepada mereka bagaimana hendak menguruskan dan hendak menjaga akta ini. Kalau mereka kata *report* yang dilakukan itu tidak perlu disiasat kerana takut salah guna dan sebagainya, tidak payah *proceed* dengan kes yang dilaporkan. Semua kuasa pada mereka, bukan kuasa pada kita. Kalau kita yang memerintah pada hari ini, yes mereka takut kita salah gunakan kuasa kalau timbul isu berkenaan dengan mereka, kita akan ambil tindakan yang tidak sepatutnya.

Sekarang, kuasa pada mereka. Mereka kerajaan. Apa yang hendak dihapuskan? Apa perlu *urgent* hendak hapuskan akta ini? Jadi, saya pun tidak faham adakah mereka tidak yakin dengan kerajaan mereka yang boleh berlaku adil kalau timbul isu yang berkaitan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Kalau Ketua Pembangkang tidak faham, saya lagi tidak faham...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Lenggong, sambung seperti mana yang Ketua Pembangkang...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. sebagai mana Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebutkan tadi, apa yang ada di depan kita ini hendak mansuhkan akta ini. Apa pendirian atau pandangan Yang Berhormat Lenggong kalaulah katakan mereka berjaya memansuhkan akta ini,

kemudian dia kembali membuat satu akta lain yang mempunyai tujuan yang sama, apa yang kita hendak katakan dengan tindakan ini?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ini bukan lagi *U-turn*, berkali-kali *U-turn*, tonggeng terbalik kerajaan ini, kalau itu pendekatan yang dibuat. Oleh sebab itu, saya tidak faham. Saya ulang, kalau Ketua Pembangkang pun tidak faham, saya pun tidak faham. Kenapa akta ini hendak dimansuhkan? Apakah kerajaan yang dahulu pembangkang, mahu meneruskan amalan yang mereka lakukan dahulu? Fitnah, adu domba dan takut akta ini terkena ke atas diri sendiri.

Saya beranggapan begitu, kerana itu tujuannya dimansuhkan akta ini. Dalilnya ada, Yang Berhormat Bera, kita dengar apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan bila pertama kali mengangkat sumpah sebagai Menteri Kewangan pada 21 Mei 2018, Yang Berhormat Bagan telah mengeluarkan notis rasmi daripada Kementerian Kewangan yang mengatakan bahawa hutang negara telah mencecah RM1 trilion. Itu fitnah dan tidak benar sama sekali. Sebenarnya, kalaulah diguna pakai akta ini, sudah tentu Yang Berhormat Bagan akan didakwa kerana mengeluarkan berita yang tidak benar.

Ini kerana dialah yang menjadi punca kepada penyebaran berita yang tidak benar. Ini kerana daripada percakapan dan pendirian beliau, menyebabkan negara dalam keadaan yang cukup huru-hara dari segi aspek kewangan. Kalau kita lihat, apabila kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan dengan kewangan negara, badan-badan penarafan antarabangsa sendiri, banyak menafikan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kalau kita lihat daripada badan antarabangsa, misalnya, badan-badan penarafan, Moody's, Standard & Poors dan beberapa lagi badan-badan penarafan antarabangsa, memperakukan bahawa hutang negara hanya sebanyak RM686.8 bilion waktu itu. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri Kewangan, menjadi sumber kepada berita tidak benar yang akhirnya disambut oleh ramai lagi rakan-rakan mereka meneruskan berita-berita tidak benar. Saya fikir, mereka mahu memansuhkan akta ini, kerana mahu terus mengamalkan budaya yang mereka amalkan hingga menyebabkan jatuhnya Kerajaan Barisan Nasional. Betullah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi, jatuhnya Kerajaan Barisan Nasional, naik kerajaan yang berdiri di atas fitnah dan berita tidak benar. Sila.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Lenggong...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey saya mahu dapatkan penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Lenggong lagi satu. Terima kasih, Tuan Yang



di-Pertua. Ini berkenaan dengan fitnah ini. Tadi, disebutkan berkenaan dengan hutang negara. Saya telah dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri MITI dahulu, sekarang sudah pergi 'ke sana'. Ini berkenaan dengan *debt* dan juga *liabilities*. Hutang negara diakui sebanyak RM686.8 bilion pada ketika itu. Apa yang selebihnya adalah liabiliti. *Debt* dan liabiliti adalah dua perkara yang berlainan. Saya tidak mahu jelaskanlah apa yang dia itu liabiliti, sebab saya sudah terangkan semasa di dalam perbahasan kita berkenaan dengan kewangan dahulu dan diakui oleh Yang Berhormat Jeli, bahawa hutang negara adalah sebanyak RM686.8 bilion. Itu satu.

Keduanya, saya hendak bangkitkan dekat Yang Berhormat Lenggong supaya berikan penjelasan adakah – saya sedih kerana orang yang bercakap tentang isu ini adalah dikatakan orang yang faham agama. Tidak tahulah dia faham semua, atau tidak. Akan tetapi bagi kita dia faham. Penyatuan PAS dan UMNO bawa ke neraka. Apa yang fitnah ini adalah satu dosa besar. Siapa yang mahu pergi neraka tidak tahulah yang ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Lenggong. Fitnah ini dosa besar dalam Islam dan tentulah hukumannya neraka. Bukan kita hendak menghukum orang, apa yang kita faham dalam ayat-ayat Al-Quran yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi. Silakan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Betul, Yang Berhormat Pendang kalau ia melibatkan hukum dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama, ia tidak boleh kita lakukan, kerana ia salah. Oleh sebab itu, apa yang diperuntukkan di dalam akta ini bukan untuk melindungi pembangkang tetapi juga untuk melindungi pihak kerajaan.

Oleh sebab itu saya tidak faham kenapa akta ini mahu dimansuhkan? Saya hendak beritahu bahawa apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan berkali-kali menyebut soal hutang sebanyak RM1 trilion, apa kesannya kepada negara? Walaupun sebenarnya, kalau kita baca kenyataan yang dikeluarkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017, menyatakan bahawa hutang negara ialah sebanyak RM686.837 bilion, bukan RM1 trilion. Itu bohong! Pembohongan yang dibuat sedemikian rupa bukan sahaja menjejaskan pembangkang tetapi negara dan rakyat. Akhirnya apa yang berlaku? Berlaku penyusutan dari segi kemasukan pelabur asing ke dalam negara.

Orang tidak yakin. Ketidakyakinan pihak luar kepada kerajaan berpunca daripada berita tidak benar yang dikeluarkan oleh orang yang cukup penting kepada ekonomi negara. Ini yang menjadi punca sehingga menyebabkan untuk membuktikan kononnya bahawa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu benar, dibuatlah macam-macam. Dahulu, macam Yang Berhormat Pokok Sena,

berguling-guling hendak mempertahankan bahawa berita itu benar, walaupun sebenarnya tidak benar.

■1700

Oleh sebab itu saya lihat, kalau kita lihat kesan apabila berita-berita tidak benar ini berlaku. Jikalau dilihat dari segi aspek pelaburan langsung asing yang hilang keyakinan pada negara ini, ia dapat dibuktikan apabila modal pasaran bursa saham. Ini kesan daripada berita tidak benar tadi, dia bukan memberi kesan kepada kita, Yang Berhormat pun terima kesan daripada rakan-rakan di sebelah sana, berlaku apabila pasaran Bursa Malaysia susut RM157 bilion sejak Mei 2018. Malah *Bloomberg*, ini majalah antarabangsa, sekejap saya habiskan ini. Majalah antarabangsa melaporkan prestasi pasaran saham Malaysia tahun ini adalah terburuk, terburuk tahu, punca daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan ini. Dengan pasaran Bursa Malaysia susut RM157 bilion sejak PRU tahun 2018. Malah kalau penanda aras FBMKLCI ditutup rendah hasil daripada berita tidak benar oleh Yang Berhormat Bagan.

**Seorang Ahli:** Terburuk dalam dunia.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terburuk dalam dunia, kalaulah keluar berita Yang Berhormat Menteri hari ini tiada seorang pun dalam Dewan, itu berita benar kerana tidak ada. *[Ketawa]* Mana ada? Macam itu ialah berita benar. Silakan Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi, beberapa jam yang lalu, kita dapat maklum seorang dari Ahli Dewan ini iaitu Yang Berhormat Teluk Intan yang juga Timbalan Speaker telah pergi ke Bukit Aman untuk memberi keterangan berhubung dengan satu *report* yang dikatakan dikaitkan dengan nama beliau iaitu "*Nga Kor Ming Super Fans Club*" or something like that.

Setuju kah Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa kalau sekiranya apa yang dibuat itu adalah satu fitnah kepada Yang Berhormat Teluk Intan, maka Akta Antiberita Tidak Benar ini boleh memberi keadilan kepada Yang Berhormat Teluk Intan. Setuju tidak Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Itu yang saya sebutkan tadi bahawa akta ini melindungi kita semua. Kita pun tidak mahu Yang Berhormat Teluk Intan dianiaya, kalau benar ia tidak benar maka akta inilah akan melindungi beliau. Oleh sebab itu akta ini penting. Oleh sebab itu saya tidak faham kenapa akta ini tidak mahu diteruskan. Apakah kerana kerajaan hari ini mahu meneruskan budaya yang memang menjadi amalan kerajaan dahulu?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Lenggong, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang minta.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih. Pencelahan saya ini agak teknikal sedikit, minta Yang Berhormat Lenggong *respond* soal untuk mencegah fitnah, mencegah salah guna Internet dan sebagainya saya sebut. Pertama ada Kanun Keseksaan, seksyen 500 iaitu barang siapa yang memfitnah orang lain, akan boleh dihukum sampai dua tahun penjara atau denda, itu satu. Kedua, salah guna Internet ada di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia. Siapa yang salah guna Internet, memfitnah dan sebagainya, benda yang tidak benar, mencederakan maruah orang lain ada hukumannya.

Satu lagi seksyen 211, akta yang sama, Akta Komunikasi dan Multimedia iaitu siapa yang mengeluarkan penerbitan kandungan-kandungan yang ofensif, ada hukumannya. Tidak cukup kah dengan undang-undang yang sedia ada ini? Perlu mesti ada *anti-fake* undang-undang ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Okey, sebenarnya akta ini memperkukuhkan lagi akta yang telah sedia ada. Ia memperkukuh dan lebih menyeluruh, sebab itu ada akta ini kerana akta ini mengambil kira perubahan dunia teknologi hari ini. Oleh sebab itu di negara-negara luar misalnya di Amerika Syarikat di negara-negara lain juga mengguna pakai akta-akta seumpama ini kerana ia mahu melindungi pelbagai pihak.

Saya ingin beri satu contoh, kesan daripada berita bohong, apabila rakan Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan. Saya hendak beri contoh apabila kenyataan artikel Rafizi Ramli bekas Ahli Parlimen Pandan bertajuk "*Analisa Kewangan Tabung Haji 2009-2018*". Orang percaya berita tidak yang dibuat oleh Yang Berhormat Rafizi Ramli ketika itu. Di dalam *Facebook* beliau bertarikh 9 Februari 2016. Kesannya apa? Apabila penyebaran berita yang dibuat menimbulkan panik dan menggugat keyakinan pelbagai pihak kepada institusi Tabung Haji, institusi penting kepada rakyat negara ini terutama sekali orang Islam.

Kesannya seramai 3,954 orang pendeposit Lembaga Tabung Haji menutup akaun mereka daripada jumlah itu seramai 3,105 orang hilang kelayakan menunaikan haji untuk tahun berikutnya. Inilah bukti-bukti kesan daripada penyebaran berita palsu.

Jikalau tidak ada undang-undang, maka ramai lagi orang membuat perkara-perkara seumpama ini dan akhirnya ia menjejaskan pelbagai pihak.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Lenggong, sedikit.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ia dapat dibuktikan kerana berdasarkan aktiviti pengeluaran harian yang direkodkan oleh Tabung Haji pada 10 Februari 2016, sehari selepas artikel itu dikeluarkan, terdapat peningkatan pengeluaran deposit sebanyak RM41 juta, diikuti RM49.8 juta pada 11 Februari 2016, RM27.9 pada 12 Februari 2016. Semua ini kesan daripada berita palsu itu tadi yang menyebabkan ramai orang percaya, sebab itu bahaya. Dinda saya, Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lenggong berkaitan mengapa Kerajaan PH begitu teruja sangat sehingga hendak memansuhkan walaupun Dewan Negara telah menolak. Saya minta pandangan Yang Berhormat Lenggong, semalam kita bincangkan panjang lebar berkaitan IPCMC. Walaupun dalam penghujahan dari pihak pembangkang semalam jelas menyatakan bahawasanya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan sudah mencukupi, perkara 140 Suruhanjaya Pasukan Polis pun sudah mencukupi. Tidak perlulah membuat spesifik kepada polis. Akan tetapi dalam hal ini pula seolah-olahnya mereka mempunyai selektif dalam tindakan-tindakan pihak kerajaan sekarang, hanya hendak menguntungkan terhadap politik mereka sahaja. Minta pandangan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Saya lihat apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini semata-mata kerana mahu melunaskan janji pilihan raya. Ini perkara mudah, hendak buat untuk tunaikan janji. Ini kerana banyak perkara-perkara lain seperti RM1.50 harga minyak tidak mampu mereka buat, GST rugikan mereka dan banyak lagi perkara-perkara lain, ini nampaknya mudah. Oleh sebab itu kerana ia mudah, mereka buat tanpa memikirkan kesan dia kepada negara.

Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di negara Perancis dan United Kingdom misalnya, berita palsu menjadi ancaman semasa pilihan raya sedang dijalankan pada tahun itu dan Presiden Perancis pada waktu itu dan bekas Perdana Menteri Britain mendakwa pilihan raya mereka telah diselubungi oleh berita palsu, ini kesan dia. Yang Berhormat sungai Petani akuilah bahawa berita palsu yang antaranya disumbangkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Saya ada video Yang Berhormat berguling, tidur tengah jalan, Yang Berhormat Menteri Agama duduk begitu, duduk begini, semua ada.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Minta laluan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Hendak saya tunjuk? Kalaulah di Dewan Rakyat ini Speaker benarkan kita buka skrin, saya tayang, tengok macam mana Yang Berhormat Pokok Sena berguling-guling.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Lenggong minta laluan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Saya tunjuk sebab itu dalil berita palsu Yang Berhormat. Jangan senyum, betul.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Lenggong saya tertarik dari segi berita palsu itu di mana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi ini telah pun difitnah. Sama ada kes semburit ini pun boleh kita klasifikasikan sebagai berita palsu. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Oh! Dia ini kebal daripada CCTV, saya tidak tahu hendak ulaslah. Akan tetapi untuk memberi keyakinan kepada rakyat, siasatlah. Jikalau dia kata difitnah, samanlah. Apabila saya sebut yang ini Yang Berhormat Sungai Petani senyum dia lebih sedikit, itu saya tidak faham fasal apa. Sila.  
[Dewan ketawa]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** [Bangun]

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat berpandangan bahawa tindakan kita ini mengundur ke belakang? Oleh sebab negara-negara maju sudah disebutkan tadi Jerman, France, Rusia, Singapore, Philippines, England dan Perancis. Perancis sudah sebut tadi, malah EU dia ada *code* praktis *disinformation*, EU pun ada *code*.

#### ■1710

Di negara maju dah laksanakan, sedang melaksanakan. Indonesia akan laksanakan dan beberapa negara lain sedang dalam proses untuk melaksanakan Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini. Akan tetapi kita dah ada, tiba-tiba hendak batalkan. Seperti dulu lah, SST, GST dah hampir 170 negara dunia gunakan. Tidak adapun negara yang *reverse* kepada SST dalam dunia ini. Kita *reverse*. Apakah kita akan berlaku sekali, *reverse* kita mengundur ke belakang lagi di dalam kes yang berkaitan dengan Antiberita Tidak Benar ini.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bera. Memang kita mengundur ke belakang Yang Berhormat Pokok Sena. Undur ke belakang. Akan tetapi antara perkara yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah kerana ketidakupayaan kerajaan hari ini untuk

merangka sesuatu yang baharu. Baru sahaja Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Perdana Menteri lancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama. Itu pun *copy right*. Tiru bulat-bulat daripada *world bank*. Itu menunjukkan ketidakupayaan kerajaan hari ini untuk merangka dan menghadamkan sesuatu yang baharu kepada rakyat yang mereka hendak buat hanya semata-mata mahu melunaskan janji kepada rakyat yang kesannya kepada negara.

Oleh sebab itu, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua dah jeling dekat saya. Saya tegaskan pendirian bahawa kita menolak rang undang-undang ini kerana ia sangat penting sebenarnya kepada negara. Oleh sebab itu kita hendak rang undang-undang ini diteruskan dan dikekalkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada beberapa orang lagi yang dalam senarai. Jadi elok kalau saya berikan senarai yang belum dipanggil. Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai tidak hendak berucap saya ingat. Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krau ya Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat Kuala Krai ada? Hendak berucap ya? Yang Berhormat Kuala Krau tidak mahu berucap. Entahlah kalau esok dia datang, saya masukkan dalam senarai. Yang Berhormat Parit Sulung, Yang Berhormat Arau. Jadi, ramai lagi. Jadi, kita akan berhenti pada pukul 5.30 petang. Seperti biasa. Masa cukup hanya untuk seorang lagi lah untuk hari ini. Jadi, oleh kerana Yang Berhormat Lembah Pantai ada? Ada?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. Saya protes. Tidak boleh buat macam itu. Ini benda besar. Ini hukum Allah S.W.T. Tuan Yang di-Pertua jawab di akhirat tau. Ini hukum Allah S.W.T.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dulu kalau saya berikan 10 minit seorang, Yang Berhormat Arau juga yang membantah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan daripada 20 minit, mana boleh turun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya hendak berikan 20 minit seorang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Daripada 20 minit turun 10 minit mana boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 20 minit ke?

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oh 20 minit. Bagus.

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 minit. Itulah sebab baru masuk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini lah Tuan Yang di-Pertua yang terbaik di dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi bukan giliran Yang Berhormat Arau.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Itulah Yang Berhormat Arau kena berfikir sebelum bercakap Yang Berhormat Arau. Tengok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang adalah giliran Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Serbu pun melulu *ja*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya bersedia untuk 20 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai silakan Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti juga Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Kuala Krai. 20minit.

**5.13 ptg.**

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismilahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, bermaksud sambung esok ke perbahasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf lah okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Dah maafkan. *[Dewan ketawa]*

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Dengar baik-baik ya Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *You shut up!*

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas penganugerahan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) oleh Yang di-Pertuan Agong. *[Tepuk]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya mulakan dengan Surah Al-Hujurat Ayat 6 *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepada mu orang fasik membawa berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu*”. Ayat ini diturunkan oleh Allah S.W.T untuk mengingatkan kita semua betapa Islam amat menitikberatkan tentang perlunya kesahihan sesuatu berita agar ia tidak menyebabkan terjadinya sesuatu musibah kepada sesuatu kaum.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini kehadiran media sosial terutamanya pelbagai fitnah dan kerosakan akibat berita palsu. PAS sendiri telah difitnah dengan pelbagai fitnah yang maha dahsyat. Sebelum PRU kami telah difitnah menerima RM90 juta yang mana sehingga sekarang tidak dibuktikan malah SPRM sendiri telah dalam senarai mereka tidak adapun menyebut nama PAS dan nama pemimpin-pemimpin PAS dalam senarai tersebut. Bermakna ini adalah di antara berita palsu yang menyebabkan Pakatan Harapan khususnya dapat memenangi PRU Ke-14 yang lepas. Semoga mereka yang memfitnah PAS akan menerima balasan yang pedih daripada Allah S.W.T.

Data yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendedahkan jumlah pelayar internet di Malaysia meningkat sebanyak 80 peratus daripada 2.5 juta pengguna pada tahun 2006 kepada 24.5 juta pada tahun 2017. Lebih menggerunkan rakyat Malaysia berusia bawah 18 tahun merangkumi sebanyak 5.8 peratus atau kira-kira 1.8 juta daripada pengguna internet dalam negara ini. Bagaimanapun, kemajuan internet dilihat gagal membawa sinar kemajuan berpanjangan. Sebaliknya, ia diibaratkan seperti pisau bermata dua, ekorannya penggunaannya mampu memberi manfaat dan impak negatif kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kegilaan melayari Internet dalam kalangan belia berusia antara 20 hingga 49 tahun berada pada tahap membimbangkan apabila 76.1 peratus daripada mereka menghabiskan masa sekurang-kurangnya empat jam sehari bagi melayari laman sosial. Malaysia kini berada pada kedudukan keenam tertinggi di dunia dari segi penggunaan media sosial dengan kadar penggunaan tiga hingga lima jam sehari bagi setiap individu dengan Argentina di tangga yang pertama.



Dalam pada itu, satu analisis dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati majoriti masyarakat Malaysia memperoleh berita tidak ditentu sah ataupun berita palsu daripada sumber aplikasi *Whatsapp* iaitu 8.4 peratus, diikuti oleh *Facebook* lapan peratus, blog empat peratus dan lain-lain empat peratus. Saya bagi contoh, dalam isu banjir besar tahun 2014 di Kuala Krai contoh, tersebar melalui aplikasi *Whatsapp* yang bahawasanya di Hospital Kuala Krai telah pun berlaku kematian seramai 40 orang. Sehingga ada yang *Whatsapp* kepada saya dan saya beritahu bukan sahaja 40 orang yang meninggal, tetapi sudah pun beribu yang meninggal iaitu sejak penubuhan hospital tersebut. Bermakna ini adalah berita palsu kerana tidak ada satu pun nyawa yang hilang dalam banjir tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Akta Antiberita Tidak Benar ini merupakan antara undang-undang yang digarap oleh pemerintah zaman Barisan Nasional untuk kepentingan tertentu. Namun, akta ini mempunyai kebaikan dari sudut moralnya dan ia sangat bertepatan memandangkan akta sebelum ini iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 sudah tidak sesuai kerana ia digarap sebelum wujudnya media sosial.

Saya juga meneliti antara alasan utama akta ini ditolak oleh pengamal media ialah kerana ia bimbang akan menyekat kebebasan bersuara. Persoalannya, adakah kebebasan bersuara bermakna kita dapat meneruskan berita palsu dan tidak benar ini. Saya menyeru kepada semua pihak untuk duduk dan berfikir sejenak tentang rencam asam ini. Saya juga sangat yakin akta ini akhirnya akan amat diperlukan oleh pihak kerajaan pada hari ini. Jika nanti ia akan terkena di batang hidung mereka. Bak kata pepatah, sudah terhantuk baru tengadah.

Saya juga bimbang akhirnya akta ini akan diperkenalkan kembali selepas pemansuhan ini dibuat kerana keperluannya sebagai mana GST yang disebut-sebut untuk dikembalikan. Ya Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta Yang Berhormat Kuala Krai. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Ada suatu ketika sebelum PRU dahulu, satu tuduhan telah dibuat bahawa Kerajaan UMNO Barisan Nasional telah membawa masuk 40,000 pengundi. Rakyat telah terpengaruh dengan tuduhan ini dan percaya. Sekarang ini, kerajaan sudah beralih kerajaan iaitu daripada UMNO Barisan Nasional kepada PH. Jadi, kerajaan sekarang ini sudah ada kuasa mempunyai Ketua Hakim Negara, mempunyai Peguam Negara, mempunyai Ketua SPRM dan juga mempunyai Ketua Polis. Jadi, adakah ini juga satu fitnah?

## ■1720

Kenapa tidak dibuat siasatan untuk hendak memperbetulkan fakta ini, sama ada fitnah ataupun benda ini benar-benar berlaku? Kenapa tidak dibuat siasatan kerajaan baru ini. Saya minta komen daripada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya harap dengan kuasa yang ada ini yang diberikan oleh rakyat pada PRU 14, kerajaan yang ada pada hari ini dapat bertindak dengan sewajarnya dan jangan selesa dengan kerusi-kerusi yang dianugerahkan sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan sebagainya kerana sudah pasti banyak lagi isu-isu yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan, termasuklah apa yang berlaku yang terakhir baru ini iaitulah isu menjual IC yang berlaku dalam yang dihebohkan oleh media yang sudah pun semua diketahui oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Sejarah Islam, Hadis Zulkifli menceritakan tentang fitnah terhadap Siti Aisyah r.a. yang dituduh cuba curang yang mana Allah telah menurunkan satu surah dalam Quran al-Karim yang disebut sebagai surah Nur untuk membebaskan Saidatina Aisyah daripada tuduhan jahat ini dan juga menjatuhkan hukuman kepada pemfitnah. Dalam surah Nur ayat ke-12 Allah berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh baik sangka kepada diri mereka sendiri dan berkata inilah tuduhan dusta yang nyata"*.

Tuan Yang di-Pertua, apakah matlamat daripada usaha kerajaan untuk memansuhkan akta ini? Adakah untuk semata-mata mencari populis? Apakah, "*ada udang di sebalik batu*"? Apakah untuk menghalalkan fitnah-fitnah yang telah dilemparkan oleh sebahagian pemimpin dalam kerajaan ataupun untuk terus meneruskan hidup dalam fitnah? Bagaimana dengan manifesto dalam kenyataan kepada 4 Oktober yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengaku, "*Kami ingat kami kalah, kami letaklah perkara susah dalam manifesto tersebut*".

Tuan Yang di-Pertua, matlamat daripada akta adalah untuk menghalang ataupun mengawal sesuatu jenayah daripada berlaku. Maka akta ini juga bertujuan yang sama kerana dalam negara yang menuju kepada negara maju, apa lagi sebuah negara yang berbilang kaum ataupun masyarakat majmuk. Sudah pasti antara perkara utama yang perlu ditekankan ialah keharmonian dan kehidupan masyarakat yang saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Hormat-menghormati antara kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi ataupun antara parti politik. Bukan saling fitnah memfitnah dengan menyebarkan berita tidak benar di antara satu sama lain. PAS sendiri

terpaksa berhadapan dengan pelbagai fitnah, isu RM90 juta yang masih lagi diratib sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari lepas Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan menjadi mangsa fitnah apabila gambar beliau di Kongres Maruah Melayu disebarluaskan oleh musuh politik ataupun oleh mereka yang iri hati dengan program tersebut untuk memburukkan beliau, bahkan menjatuhkan maruah beliau. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu hadis Nabi SAW yang memberi peringatan kepada kita bahawasanya ada satu golongan di akhir zaman yang memang kerja mereka mencampuri urusan, walaupun mereka tidak tahu ataupun tidak mendapat maklumat yang sebenar.

Dalam hadis Abu Hurairah r.a., *[Membaca sepotong hadis]* maksudnya, “*Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan. Ketika itu pendusta dibenarkan sedangkan orang yang jujur malah didustakan. Pengkhianat dipercayai, sedangkan orang yang amanah, justeru dianggap sebagai pemfitnah. Pada saat itu, Ruwaibidhah berbicara, ada yang bertanya apa yang dimaksud dengan Ruwaibidhah ya Rasulullah? Baginda menjawab orang bodoh yang turut campur dalam urusan masyarakat yang luas*”.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata amaran ini jelas mengatasi zaman dan amaran ini telah lama wujud kerana berita palsu atau berita tidak benar ini berada di semua zaman dan saya bimbang ada *Ruwaibidhah* dikelilingi kita yang sentiasa menyebarkan berita-berita palsu untuk menjatuhkan rakan sejawat, menjatuhkan rakan politik dan sebagainya. Seperti mentimun dan durian, akhirnya kerajaan tetap mempunyai keupayaan untuk menentukan apakah akta ini perlu dikekalkan ataupun dimansuhkan. Namun, saya harap akta ini dapat dikekalkan.

Sayidina Uthman bin Affan r.a. menyebut *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “*Sesungguhnya Allah mencegah dengan pemerintah dengan kuasa*”, dengan akta apa yang tidak boleh dicegah dengan al-Quran. Dengan itu saya, ya sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Satu lagi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Krai berkenaan dengan fitnah ini juga, dalam satu Surah Yusuf ayat 6 yang menyebut... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Jadi ini, ayat ini juga berkaitan dengan fitnah. Nabi Yusuf dia bermimpi apabila dia bermimpi dia nampak bintang dan semuanya dia beritahu kepada bapanya. Bapanya berpesan, “*Jangan kamu beritahu kepada saudara-saudara kamu yang lain kerana apabila mereka tahu kamu akan menjadi orang besar, kamu akan difitnah, akan*

*dirancang supaya kamu akan mungkin akan dibunuh*". Ini ayat al-Quran yang sangat besar ertinya terhadap fitnah ini.

Jadi, kenapa pula dalam banyak-banyak al-Quran yang menyebut fitnah dosa besar ini kita hendak hapuskan. Sedangkan inilah hendak *protect* orang yang kena fitnah dan sekarang saya hendak minta pandangan dari satu daripada Yang Berhormat Kuala Krai, siapa yang hendak burukkan negara walaupun tidak benar akan keluar negara? Pergi luar negara dan melalui *Twitter*, *Facebook* dan internet sebagainya memburuk-burukkan negara menjadi satu fenomena baru pula.

Jadi, kita tidak boleh hendak mendakwa mereka sebab dahulu tiada akta ini dan bila ada akta ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, berkenaan dengan internet dan juga media baharu ini yang tanpa sempadan ini, jadi akta ini boleh mem*protect* orang-orang yang difitnah. Jadi kita sangat tidak bersetuju sekiranya akta ini difitnah malahan dalam surah al-Quran bab Nabi Yusuf tadi pun sangat takut dan bimbang sekiranya anak-anak mereka memfitnah keluarga mereka sendiri sehingga merosakkan institusi kekeluargaan. Saya minta komen daripada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Ayat al- Quran yang difirmankan oleh Allah dalam banyak-banyak cerita termasuklah cerita Nabi Yusof a.s. Quran sendiri didatangkan adalah untuk menjadi sebagai pengajaran dan iktibar. Al-Quran bukan sahaja untuk dibaca, akan tetapi adalah panduan di dalam kehidupan kita. Dalam al- Quran dalam ayat yang Allah berfirman [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], Oleh itu, sudah pasti kita harus menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan kita dan sama-sama sebagai rakyat Malaysia, bukan sahaja kerana akta ini, sudah pasti pada hari ini kalaulah mengundi dengan majoriti yang ada kepada pihak kerajaan, akan dapat diluluskan pada hari ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama, sudah pastinya saya yakin akan ada akta baharu yang diperlukan oleh pihak kerajaan dalam masa yang sama, usaha mendidik rakyat supaya rakyat terus dapat berusaha menjaga keharmonian dalam masyarakat dalam negara kita yang sudah pun terbina dengan kemerdekaan kita pada tahun 1957 dan juga pembentukan Malaysia pada tahun 1963 akan dapat kita sebagai generasi yang datang untuk memastikan kemerdekaan ini adalah menjadi kemegahan kita, dapat kita jaga dengan sebaik mungkin dan saya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ya, sila Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan Satu sahaja, lambat lagi. Pertama sekali Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar berhubung dengan ayat al-Quran tadi bahawa pada kawan-kawan kita di sana yang memahami tentang al-Quran dan hadis ini supaya mereka tidak menyokong pihak kerajaan untuk memansuhkan akta ini. Jadi, kalau tidak, Yang Berhormat akan bertanggungjawab di akhirat nanti sebab ini amanah. Kita diberi amanah sekurang-kurangnya Yang Berhormat tak *comfortable*, Yang Berhormat balik masa kita hendak mengundi supaya bagi puak-puak lain sahaja yang mengundi.

Jadi, kalau tidak Yang Berhormat terikat dengan ayat al-Quran dan juga hadis yang telah disebutkan tadi, nombor satu. Jadi saya memberi nasihat kepada Yang Berhormat kepada yang faham agama itu supaya jangan menyokong usaha-usaha untuk memansuhkan akta tidak benar. Keduanya...

**Datuk Dr. Hasan bin Baharom [Tampin]:** Kami pun ada hujah-hujahnya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. akan tetapi tak apa lah kalau hujah itu kalau berlain daripada kami, Yang Berhormat semua akan menghadapi masalah sebab apa di antara hadis Nabi menyebut bahawa orang-orang yang bodoh, dipilih untuk memimpin orang-orang yang cerdik ya. Nombor dua Yang Berhormat, fitnah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penghabisan sekali, fitnah ini bukan sahaja berlaku daripada mereka kepada kami, akan tetapi berlaku di kalangan mereka. Saya simpati ini. Fitnah sedang berlaku sama-sama DAP, fitnah sedang berlaku sama-sama PKR, fitnah sedang berlaku sesama BERSATU dan juga AMANAH, sedang berlaku. Dituduhlah bakal-bakal Perdana Menteri.

**Datuk Dr. Hasan bin Baharom [Tampin]:** Kami tidak bawa ayat al-Quran sahaja dan hadis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sungai Petani sokong saya. Jadi, kita hendak selamatkan supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Petani geleng kepala.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Semua pihak tidak boleh buat fitnah. Apakah Yang Berhormat setuju supaya kita menentang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Arau tanya soalan kah berceramah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tepat pada masanya.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Nampak selepas berkawan dengan PAS ini banyak rujuk kepada al-Quran dan Sunah dan sudah pun berjanggut sekarang ini, tahniah.

*[Dewan ketawa].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya akhiri Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ini adalah Sunah ataupun Wahabi ya.

*[Dewan ketawa]*

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya akhiri ucapan saya Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang disebut tadi oleh Sayidina Uthman bin Affan r.a. yang bermaksud "*Sesungguhnya Allah mencegah dengan pemerintah, apa yang tidak boleh dicegah dengan al-Quran*".

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi mereka Syiah masalahnya.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Oleh itu saya menolak rang undang-undang ini. Sekian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai dan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini Sunah dan mereka Syiah. Itu hendak kena terang betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu, tak apalah bincang dekat luar.

**Datuk Dr. Hasan bin Baharom [Tampin]:** Tuduhan jahat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh itu Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 9 Oktober 2019.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]***